

**Jilid V  
No. 37**



**Hari Rabu  
5hb Februari, 1969**

# **PERBAHATHAN PARLIMEN DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA**

**PENGGAL KELIMA**

**PENYATA RASMI**

**KANDONGAN-NYA**

**JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN<sup>2</sup> [Ruangan  
5453]**

**RANG UNDANG<sup>2</sup> DI-BAWA KA-DALAM MESHUA-  
RAT [Ruangan 5466]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1969 (Usul) (4hb Februari, 1969)  
[Ruangan 5467]**

**Jawatan-kuasa—**

**Kepala 100 dan Kepala 150 [Ruangan 5543]**

**Kepala<sup>2</sup> 101 sa-hingga 105 [Ruangan 5550]**

MALAYSIA

**DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA**

**PENGGAL YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi*

---

Hari Rabu, 5hb Februari, 1969

---

*Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi*

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Ke'adilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ Menteri Hal Ehwal Sabah, DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

- .. Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- .. NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- .. TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- .. TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- .. WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- .. WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- .. Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- .. TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- .. TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- .. TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- .. DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- .. TUAN HAJI AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- .. TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- .. PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- .. TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- .. TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- .. TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- .. TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- .. TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).
- .. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- .. DATO' SYED ESA BIN ALWEE, D.P.M.J., J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- .. DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).

- .. TUAN GANING BIN JANGKAT, A.M.N. (Sabah).
- .. TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- .. TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- .. TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- .. WAN HASSAN BIN WAN DAUD, J.P. (Tumpat).
- .. TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- .. DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).

Yang Berhormat TUAN HUSSEIN BIN SULIAMAN, J.P. (Ulu Kelantan).

„ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K.  
(Kota Bharu Hulu).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN,  
S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN IDRIS, J.P. (Pulau Pinang Selatan).

„ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S.  
(Sarawak).

„ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

„ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).

„ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Sarawak).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).

„ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).

„ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).

„ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.  
(Kuala Kangsar).

„ DR MOHAMED BIN TAIB (Kuantan).

„ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).

„ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.  
(Jelebu-Jempol).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.  
(Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH  
(Pasir Mas Hilir).

„ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S.  
(Sarawak).

„ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).

„ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.,  
P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM, J.P. (Batu Gajah).

„ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.  
(Johor Bahru Barat).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).

„ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.  
(Rembau-Tampin).

„ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).



- Yang Berhormat TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI SULAIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).

Yang Berhormat **TUAN GEH CHONG KEAT**, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).

„ **TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN**, A.M.N. (Jelai).

Yang Berbahagia **TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR**, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berhormat **TUAN AMADEUS MATHEW LEONG**, A.D.K., J.P. (Sabah).

„ **DR LIM CHONG EU** (Tanjong).

„ **DATO' LING BENG SIEW**, P.N.B.S. (Sarawak).

„ **TUAN PETER LO SU YIN** (Sabah).

„ **TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL** (Sabah).

„ **DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA**, S.P.M.K. (Pasir Puteh).

„ **ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD** (Sabah).

„ **DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR**, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

Yang Amat Berbahagia **TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN**, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat **TUAN ONG KEE HUI** (Sarawak).

„ **TUAN QUEK KAI DONG**, J.P. (Seremban Timor).

„ **TUAN D. R. SEENIVASAGAM** (Ipoh).

„ **DATO' S. P. SEENIVASAGAM**, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ **TUAN SIOW LOONG HIN**, P.J.K. (Seremban Barat).

„ **PENGIRAN TAHIR PETRA** (Sabah).

„ **TUAN STEPHEN YONG KUET TZE** (Sarawak).

#### YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan, **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA**.

### DO'A

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Meshuarat*)

### JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN<sup>2</sup>

#### KENAIKAN HARGA BARANG<sup>2</sup> PADA HARI<sup>2</sup> PERAYAAN

**1. Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara)** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah Kementerian-nya sedar telah menjadi amalan badan<sup>2</sup> perniagaan di-negeri ini menaikkan harga barang<sup>2</sup> jualan mereka sa-waktu perayaan Hari Raya dan sedar-kah juga Kementerian bahawa harga barang telah melambong tinggi baharu<sup>2</sup> ini, dan jika sedar, apa-kah tindakan dia hendak ambil untuk mencheгах amalan seperti ini.

#### Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tan Sri Dr Lim Swee Aun):

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Bekalan Kementerian saya dan Persatuan Pengguna<sup>2</sup> Selangor sentiasa mengawasi di-atas kedudukan harga barang<sup>2</sup> keperluan di-negeri ini terutama sa-kali di-musim perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baharu China, Deepavali dan Christmas. Pada tahun ini harga barang<sup>2</sup> keperluan seperti beras, gula, tepung gandum dan minyak masak tidak naik harga-nya di-musim perayaan. Bagaimana pun harga barang<sup>2</sup> seperti bawang besar, gula melaka dan telur telah naik sedikit oleh kerana kekurangan barang<sup>2</sup> itu. Ini ia-lah pendapat yang telah di-kemukakan oleh Jawatan-kuasa Penasihat Bagi Barang<sup>2</sup> Keperluan yang di-tubuhkan oleh Kementerian saya pada bulan Januari,

1967 yang bersidang pada 7hb Disember, 1968 untuk mengkaji akan harga barang<sup>2</sup> di-musim perayaan. Di-musim perayaan Merinyu Bekalan Kementerian saya menjalankan pemereksaan dengan sa-chara mengejut ka-kedai<sup>2</sup> yang menjual barang<sup>2</sup> keperluan untuk menentukan bahawa tindasan<sup>2</sup> dapat di-kurangkan.

**Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di-masa<sup>2</sup> yang lalu pehak Kementerian telah menggalakkan meletakkan price tag ia-itu harga barang di-atas tiap<sup>2</sup> satu barang tetapi pada masa ini nampak-nya pamiran yang tersebut sudah berkurangan. Adakah pehak Kementerian akan menjalankan penyiasatan dalam perkara yang tersebut.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, ada.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan tadi, ingin saya minta Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini dengan ada-nya keadaan ahli<sup>2</sup> perniagaan menaikkan harga barang<sup>2</sup> pada waktu Hari<sup>2</sup> Raya yang tersebut, ada-kah satu masa Kerajaan akan membuat satu polisi bahawa hari<sup>2</sup> yang tersebut itu di-berikan kebebasan, hari kebebasan, arti-nya di-beri peluang kepada peniaga<sup>2</sup> itu menjual barang<sup>2</sup> itu mahal, ini memberi keutamaan kepada peniaga<sup>2</sup> dan memberi satu keperluan keemasan menggalakkan peniaga<sup>2</sup> dalam negeri ini.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, peluang perbebasan, hari<sup>2</sup> pun berbebas.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, dia boleh menaikkan harga lebih tetapi kita bagi peluang pada hari itu dia boleh naikan sa-berapa yang dia suka.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, itu kehendak Ahli Yang Berhormat-kah?

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, tidak, kehendak ahli<sup>2</sup> peniaga.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya hendak tahu itu ada-kah kehendak Ahli Yang Berhormat?

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya memikirkan boleh tidak Kementerian ini menimbangkan kalau ahli<sup>2</sup> perniagaan merayu kepada Kementerian ini supaya di-jadikan hari kebebasan pada hari raya itu dia boleh menaikkan barang<sup>2</sup> sedikit<sup>2</sup>, tidak banyak.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu apa dasar, apa tujuan soalan itu. Tetapi dasar Kerajaan Perikatan ia-lah memberikan peluang kepada kaum peniaga menchari untong akan tetapi hak<sup>2</sup> pengguna<sup>2</sup> mesti di-jaga juga.

**Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara):** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, soalan barang<sup>2</sup> keperluan ini di-bandar<sup>2</sup> besar barangkali senang di-awasi tetapi ada-kah pehak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan mengambil berat di-atas kenaikan harga barang<sup>2</sup> keperluan ini yang tidak terkawal di-pekan<sup>2</sup> kecil.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, hendak mengawal harga di-seluruh negara bukan begitu senang.

**Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar):** Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri Yang Berhormat sedar ia-itu dengan tidak ada menanti per-misi atau pun izin daripada mana<sup>2</sup> badan orang<sup>2</sup> berniaga yang menjalankan perniagaan dalam barang<sup>2</sup> keperluan hari<sup>2</sup> sedang dan telah pun mengamalkan menaikkan harga barang<sup>2</sup> itu sa-hingga-lah kepada Hari Raya, mithal-nya daripada Hari Raya China yang akan datang ini sekarang, dua bulan dahulu telah mula menaikkan harga semua barang<sup>2</sup>. Kemudian lepas daripada itu besok barangkali tidak turun atau turun-nya dengan perlahan; kalau tidak sedar itu barangkali dia tidak champor-lah dengan orang.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar harga barang<sup>2</sup> ada naik sedikit tetapi ini kita kena siasat kenaikan harga itu ada patut atau tidak.

**Dato' Dr Haji Megat Khas:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhorat Menteri itu sedar ia-itu pada hari<sup>2</sup> yang lain mithal-nya masa Christmas ia-itu di-adakan Cheap Sale hendakkan kurang harga barang<sup>2</sup> itu supaya dapat di-beli oleh orang<sup>2</sup> yang berhajat kerana hendak menunaikan keperluan pada hari yang besar sa-macam itu.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Betul ada Cheap Sale juga, oleh sebab itu satu peluang pengguna<sup>2</sup> hendak belanjakan duit yang telah di-simpan dan kedai<sup>2</sup> itu ada banyak barang<sup>2</sup> yang tidak dapat di-jual pada masa biasa.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok):** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan kurang-nya tindakan Kerajaan yang berkesan bagi mengawal harga barang<sup>2</sup> keperluan hari<sup>2</sup>, ada-kah Kementerian ini sedar bahawa perbuatan itu akan menambahkan lagi kesuitan di-negeri ini oleh kerana domestic product bagi negeri ini pada tahun ini jatuh.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, tidak sedar.

**Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri sedar bahawa sa-tengah, kebanyakan daripada Cheap Sale yang di-lakukan pada masa Hari Raya dan festival itu sa-benar-nya jual mahal dan satu helah untuk menyakutkan banyak duit orang ramai?

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Minta ulang lagi sa-kali.

**Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Cheap Sale yang selalu di-adakan oleh pekedai<sup>2</sup> pada hari<sup>2</sup> festival itu sa-benar kebanyakan-nya ia-lah jual mahal barang<sup>2</sup> itu chuma satu helah untuk hendak menarek duit lebih banyak daripada orang ramai.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Barang-kali boleh jadi juga. (*Ketawa*).

## JUMLAH PEMINJAM WANG BERLESEN DI-MALAYSIA DAN BUNGA DI-ATAS PINJAMAN

**2. Tuan Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Ke'adilan—

- (a) berapa jumlah peminjam wang yang berlesen di-Malaysia dan berapa orang daripada mereka orang Cheti;
- (b) ada-kah dia sedar bahawa mereka ini mengenakan faedah yang lebih tinggi daripada apa yang di-tetapkan oleh undang<sup>2</sup>;
- (c) ada-kah benar bahawa mereka menggunakan borang<sup>2</sup> pinjaman palsu; jika sedar, apa-kah tindakan<sup>2</sup> yang telah di-ambil untuk mengatasi perbuatan salah seperti ini; dan
- (d) ada-kah di-ketahui peminjam<sup>2</sup> wang berlesen ini menerima modal dari luar negeri dan dengan kerana itu perlu mengenakan bunga yang tinggi.

**Menteri Ke'adilan (Tuan Bahaman bin Samsudin):** Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada soalan (a) jumlah pemberi pinjam wang yang berlesen di-Malaysia ia-lah 1,774 orang dan 407 daripada-nya ada-lah orang<sup>2</sup> Cheti.

Menjawab kepada soalan (b), saya tidak ketahui tentang ada-nya pemberi<sup>2</sup> pinjam wang yang berlesen yang mengenakan faedah yang lebih tinggi daripada apa yang di-tetapkan oleh Undang<sup>2</sup>. Sa-kira-nya ada tindakan akan di-ambil di-bawah Seksyen 22 Undang<sup>2</sup> Pinjaman Wang, 1951 ia-itu pehak yang meminjam boleh membuat tuntutan-nya sa-kadar yang ia berhak dan lesen pemberi pinjam tersebut tidak di-benar di-baharu<sup>2</sup> lagi.

Menjawab kepada (c), saya tidak ketahui yang pemberi<sup>2</sup> pinjam wang yang berlesen ada menggunakan borang<sup>2</sup> pinjaman palsu. Sa-kira-nya ada mereka ini boleh di-da'awa di-Mahkamah dan di-hukum salah di-bawah Undang<sup>2</sup> kerana melakukan perbuatan tersebut.

Menjawab (d), sa-tahu saya tidak ada pemberi pinjam wang yang berlesen yang menerima modal dari luar negeri.

**Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat):** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Kerajaan sedar bahawa Sharikat<sup>2</sup> Kewangan yang meminjamkan wang, mengenakan \$50.00 agreement fee dan 3% lagi daripada gross pinjaman sa-lain daripada faedah yang di-tetapkan oleh Kerajaan yang patut mereka itu menerima. Jika sakira-nya sedar, apa-kah tindakan yang akan di-ambil ka-atas Sharikat<sup>2</sup> Kewangan itu?

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Saya tidak sedar.

**Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah):** Di-dalam jumlah yang begitu banyak Cheti<sup>2</sup> yang ada dalam tanah ayer yang di-beri lesen untuk memberi pinjaman wang ada-kah Cheti<sup>2</sup> ini terdiri daripada orang<sup>2</sup> Melayu?

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Ada barangkali, saya pun tidak tahu.

**Dr Tan Chee Khoo (Batu):** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah di-antara 1,774 orang yang ada lesen tadi—wakil dari Kelantan bertanya ada orang Melayu—saya hendak bertanya kepada Menteri, ada-kah di-antara orang yang ada lesen itu anggota UMNO (*Ketawa*).

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Saya tidak tahu.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah Yang Berhormat Menteri menerangkan kadar peratus interest yang di-kenakan kepada orang<sup>2</sup> yang meminjam wang di-bawah lesen ini kerana sa-tahu saya orang yang pergi berhutang kepada moneylenders ini ia-lah berhutang kerana keperluan hari<sup>2</sup> ia-itu for consumption?

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, telah di-tetapkan dalam Undang<sup>2</sup>.

**Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Adakah Menteri itu sedar bahawa ada sa-tengah anggota Parti Pembangkang menjadi pemberi pinjaman wang dengan tidak berlesen dan meminjamkan wang dengan bunga yang tinggi?

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu (*Ketawa*).

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri Ke'adilan telah menjawab di-antara pemberi<sup>2</sup> pinjaman wang yang berbunga ia-itu 407 orang Cheti dan 1,774 bahagian lain, mungkin juga di-dalam-nya masok pinjaman daripada Benggali. Jadi, saya hendak tahu ada-kah Kerajaan berchadang akan mengkaji sa-mula bahawa segala moneylenders ini daripada Cheti dan Benggali akan di-hapuskan bagaimana yang di-buat oleh Kerajaan Burma?

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Belum ada chadangan lagi.

**Tuan Ramli bin Omar:** Soalan tambahan, tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan tidak sedar yang \$50 agreement fee dan 3% interest itu, ada-kah kemungkinan dengan sebab tidak sedar untuk membuat satu Penyiasatan yang lebih lanjut?

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, jika tidak sedar, tidak buat siasatan. Kena report dahulu.

### TINDAKAN KERAJAAN TERHADAP PEMINTA<sup>2</sup> SEDEKAH

3. **Tuan Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Kebajikan 'Am:

(a) semenjak Act Kutu Rayau diluluskan hingga sekarang, berapa orang peminta<sup>2</sup> sadekah yang telah (i) di-tangkap; (ii) di-hadapkan ka-Mahkamah; (iii) di-hantar ka-Rumah<sup>2</sup> Orang<sup>2</sup> Tua; dan (iv) di-hantar balek ka-keluarga mereka;

(b) ada-kah Kementerian ini sedar ada satu badan jahat mengusaha dan menggalakkan peminta<sup>2</sup> sadekah ini, dan jika sedar, apa-kah tindakan yang telah di-ambil oleh pihak Kerajaan dalam perkara ini.

**Menteri Kebajikan 'Am (Dr Ng Kam Poh) (dengan izin):** (a) Since the passing of the Vagrants Act

(i) the number of beggars who were arrested is—1,072;

- (ii) of the above, 835 claimed trial and brought to Courts and the remainder of 237 were assisted by the Department;
- (iii) the number of beggars who were sent to the Old Persons Home and Rehabilitation Centres is 662;
- (iv) the number sent back to their families is 159.

(b) My Ministry is not aware of any racket for the promotion of mendicity in this country.

**Tuan Ramli bin Omar:** Soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan sedar bahawa banyak lagi pengemis<sup>2</sup> di-bandar Kuala Lumpur ini yang boleh di-pandang dengan mata kasar, terutama di-kedai<sup>2</sup> makan, restoren, mengganggu kita sa-belum atau sesudah kita makan dengan tidak di-buat apa<sup>2</sup> oleh pehak yang berkenaan, sungguh pun ada Pegawai<sup>2</sup> Keamanan di-tempat itu, tempat yang tersebut? Apa-kah tindakan Kerajaan di-atas hal ini?

**Dr Ng Kam Poh:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar.

**Tuan Haji Aziz bin Ishak (Muar Dalam):** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah benar bagaimana berita di-dalam akhbar<sup>2</sup> bahawa ada di-antara peminta<sup>2</sup> sedekah yang meminta sedekah di-negeri kita ini ke-dapatan ada sa-tengah<sup>2</sup>-nya mempunyai tanah yang luas dan ada sa-tengah<sup>2</sup>-nya mempunyai isteri sampai tiga orang. Jika benar apa-kah langkah<sup>2</sup> yang telah di-jalankan terhadap mereka itu?

**Dr Ng Kam Poh:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kementerian ini sedar bahawa angka atau bilangan pengemis<sup>2</sup> di-negeri kita ini tiap<sup>2</sup> tahun bertambah, oleh kerana Kerajaan tidak dapat memberi janji kema'moran kepada negeri ini?

**Dr Ng Kam Poh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini pun sudah di-beri jawapan sa-malam.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedia membuat satu dasar ia-itu merayu kepada orang ramai di-negeri ini melalui akhbar-kah, melalui Talivishen, melalui radio, supaya jangan memberikan sedekah kepada peminta<sup>2</sup> sedekah. Sa-kira-nya mereka bersimpati kepada orang pengemis ini, hendak-lah di-beri kepada Jabatan Kebajikan Am ini supaya di-salurkan kepada rumah orang<sup>2</sup> tua ini?

**Dr Ng Kam Poh:** Tuan Yang di-Pertua, ini-lah belum ada buat lagi.

**Tuan Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kerajaan sedar yang mana dalam Malaysia Barat ini khas-nya, pengemis<sup>2</sup> yang daripada Pantai Timor khas-nya Kelantan, datang meminta sedekah di-sini?

**Dr Ng Kam Poh:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, satu soalan yang akhir dari saya. Ada-kah Kementerian ini sedar bahawa ada satu taktik baharu kumpulan peminta<sup>2</sup> sedekah ini ia-itu memampirkan anak<sup>2</sup> kecil yang bogel yang tidak ada pakaian dan di-chonteng<sup>2</sup>-nya supaya menarek orang ramai kasehan kepada anak itu, kemudian anak<sup>2</sup> itu di-letakkan di-mana ada perhimpunan orang ramai. Kalau ada sedar siapa yang bersalah, kanak<sup>2</sup> ini yang bersalah, atau pun ibu bapa yang bersalah?

**Dr Ng Kam Poh:** Tuan Yang di-Pertua, ini akan di-siasat.

**Dr Mahathir bin Mohamed:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya biasa-nya memberi sedekah kepada pengemis<sup>2</sup> itu—dia bacha do'a. Boleh-kah Kementerian ini bacha do'a untuk saya menggantikan pengemis<sup>2</sup> itu? (*Ketawa*).

**Dr Ng Kam Poh:** Tuan Yang di-Pertua, ini tak berapa terang (*Ketawa*).

**Tan Sri Haji Nik Ahmad Kamil:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Menteri bersetuju bahawa pada segi mana<sup>2</sup> ugama pun memberi sedekah pada orang yang sebenar-nya berkehendak sedekah itu ia-lah satu perbuatan yang dapat pahala?

**Dr Ng Kam Poh:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham itu, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

**Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri Yang Berhormat itu sedar bahawa pada masa yang akhir<sup>2</sup> ini dekat<sup>2</sup> pilihan raya ada sa-tengah<sup>2</sup> tukang kempen pilihan raya sekarang menyamar sa-bagai tukang minta sedekah masuk kampung?

**Dr Ng Kam Poh:** Boleh jadi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mustapha bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, apa-kah Menteri itu sedar atau tidak masa<sup>2</sup> yang telah lalu terutama masa<sup>2</sup> pilihan raya kecil dalam negeri Kelantan banyak pemberi<sup>2</sup> sedekah yang tidak di-minta sedekah terutama dalam kawasan pilihan raya kecil?

**Dr Ng Kam Poh:** Tuan Yang di-Pertua, ini saya tidak sedar (*Ketawa*).

#### **BANTAHAN DARIPADA KESATUAN KAKITANGAN<sup>2</sup> KERAJAAN DALAM PERKHIDMATAN<sup>2</sup> KERANI DAN PERKHIDMATAN<sup>2</sup> YANG SA-RUPA**

**4. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah beliau sedar bahawa Gabungan Kesatuan Kakitangan<sup>2</sup> Kerajaan dalam Perkhidmatan<sup>2</sup> Kerani dan Perkhidmatan<sup>2</sup> yang Sa-rupa telah membantah kerana mereka di-paksa mengambil ujian menaip yang tidak di-kehendaki dalam sekim perkhidmatan mereka. Jika sedar, apa-kah yang sudah di-buat oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan 'Awam terhadap bantahan ini.

**Timbalan Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, saya di-beri tahu oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan 'Awam bahawa ia tidak ada menerima apa<sup>2</sup> bantahan daripada Gabungan Kesatuan Kakitangan<sup>2</sup> Kerajaan dalam Perkhidmatan Kerani dan juga Perkhidmatan<sup>2</sup> yang Sa-rupa, hanya-lah satu surat terbang telah di-terima yang menudoh bahawa dalam sa-buah Jabatan Kerajaan, machine operators dan juru taip telah di-kehendaki menjalankan satu ujian

menaip. Tuan Yang di-Pertua, tuduhan<sup>2</sup> ini telah pun di-siasat dan di-dapati bahawa apa yang di-katakan ujian yang di-jalankan itu ada-lah berupa tindakan untuk menyemak kecekapan pegawai<sup>2</sup> yang berkenaan dalam bidang pekerjaan masing<sup>2</sup> termasuk-lah juga kecekapan mereka itu menaip dan ujian ini bukan-lah ujian yang di-perlukan dalam Scheme of Service. Kebiasaan-nya sa-saorang Ketua Pejabat itu ada-lah bertanggung-jawab atas kecekapan dan kemahiran pegawai<sup>2</sup> di-bawah-nya termasuk-lah ahli<sup>2</sup> menaip dan Ketua Pejabat ada-lah berkuasa dan juga di-galak memperhatikan dan juga menguji kecekapan pegawai<sup>2</sup> di-bawah mereka itu dan Ketua Pejabat boleh-lah menjalankan ujian<sup>2</sup> daripada satu masa ka-satu masa terutama sa-kali jika di-dapati pegawai<sup>2</sup> dalam Pejabat-nya tidak menjalankan tugas dengan begitu cekap dan dengan begitu baik.

**Dr Tan Chee Khoon (Batu) (dengan izin):** Mr Speaker, Sir, can the Honourable Deputy Prime Minister tell us that although the Director-General of Public Services may not have received this letter of protest, it has been widely reported in the local Press that the Amalgamated Union of Employees in Government Clerical and Allied Services has protested against being forced to sit for a typewriting test, which is not required in the Scheme of Service. As such, although the Director-General has not received the letter, is the Honourable Deputy Prime Minister aware that this Union and its members are most unhappy over its members having to take this typewriting test?

**Tun Haji Abdul Razak (dengan izin):** Mr Speaker, Sir, I am aware of the press report about this, and I believe this press report referred to a case in the Accountant-General's office. Some time back, in the Accountant-General's office, it was found that the Machine Section took a long time to type out cheques and that when these cheques were typed out, they very often contained many errors and crosses, so much so that the Accountants refused to sign them. So, this matter was discussed in detail by the Senior Officers of the Accountant-General's office. and

it was decided that in order to overcome this deficiency—not only deficiency in typewriting, it was also found that the machine very often got into trouble or jammed due to improper operation—they should hold a test of the operators, and that these operators should be asked to practise their typewriting and they were given three months to do so; and every typewriter in the Department was made available at the disposal of the typists. It was also decided that at the end of three months, the operators would be tested in their speed, and it was agreed to be at a minimum of 18 words per minute. At the end of the three months, the test was carried out and a few failed the test. Another test was then held a few days later, and they all passed.

As I said, Sir, this is a normal thing in Government Department. If responsible officers of the Department find that their subordinate officers are not carrying out their duties satisfactorily, it is within the right of the Heads of Departments—indeed as I said, the Heads of Department are encouraged to do this—to test the efficiency of their subordinates in order to see that the work of the Department is carried out efficiently and satisfactorily.

**Dr Tan Chee Khoo:** Mr Speaker, Sir, while the taxpayers may be in complete agreement with the Deputy Prime Minister over the question of efficiency in any Government Department, can the Honourable Deputy Prime Minister tell us whether it is specifically written in the Scheme of Service for this grade of officers that they should pass a typewriting test and that, should they fail to pass this typewriting test, it will be written against them in their Record of Service?

**Tun Haji Abdul Razak:** Mr Speaker, Sir, I have already explained that this test was not part of the Scheme of Service. It is the normal practice carried out by Heads of Departments to test the efficiency of their subordinates, and once the Heads of Departments are satisfied with their efficiency, no test need to be held any longer. There is no need to record this in the Record of Service because, as I said, it is not part of the Scheme of Service.

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT**

### **THE MAJLIS AMANAH RA'AYAT (AMENDMENT) BILL**

Rang Undang<sup>2</sup> an Act to amend the Majlis Amanah Ra'ayat Act, 1966 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam meshuarat kali ini.

### **THE ACCOUNTANTS (AMEND- MENT) BILL**

Rang Undang<sup>2</sup> an Act to amend the Accountants Act, 1967 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam meshuarat kali ini.

### **THE SUPPLEMENTARY INCOME TAX (AMENDMENT) BILL**

Rang Undang<sup>2</sup> an Act to amend the Supplementary Income Tax Act, 1967 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam meshuarat kali ini.

### **THE CENTRAL BANK OF MALAYSIA (AMENDMENT) BILL**

Rang Undang<sup>2</sup> an Act to amend the Central Bank of Malaysia Ordinance, 1958 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam meshuarat kali ini.

### **RANG UNDANG<sup>2</sup> INSTITUT PENYELIDEKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA**

Rang Undang<sup>2</sup> suatu Act bagi menu-buhkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia dan bagi perkara<sup>2</sup> yang berkenaan dengan-nya



di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam meshuarat kali ini.

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1969

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Usul di-buat oleh Timbalan Perdana Menteri dan Masaalah di-chadangkan:

Bahawa menurut Peratoran Meshuarat 67B Usul yang berikut ini diserahkan kepada Jawatan-kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu wang berjumlah tidak lebih daripada \$889,446,354 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 1969, dan untuk melaksanakan tujuan<sup>2</sup> Kepala<sup>2</sup> dan Pechahan-kepala<sup>2</sup> yang terchatet di-ruangan pertama dan kedua dalam Anggaran Pembangunan, 1969 yang di-bentang sa-bagai Risalat Titah Bil. 1 tahun 1969, maka jumlah<sup>2</sup> yang bertentangan dengan Kepala<sup>2</sup> dan Pechahan-kepala<sup>2</sup> di-ruangan Kelapan dan Kesembilan itu ada-lah diperuntokkan bagi tujuan masing<sup>2</sup>; dan dengan ini ketetapan yang di-luluskan oleh Majlis ini pada 17hb Oktober, 1968, mengenai perbelanjaan yang di-bayar daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1969, ada-lah di-mansokhkan. (4hb Februari, 1969)

*Perbahathan di-sambong sa-mula.*

#### **Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail:**

Tuan Yang di-Pertua, menyambong ucapan saya pada petang sa-malam, saya telah menegaskan sekali pun begitu pesat-nya kemajuan pertanian di-dalam negeri Perlis dari hasil ranchangan kemajuan Malaysia pada pertengahan tahun yang pertama, namun ada beberapa kelemahan yang harus di-beri pertimbangan segera oleh Kerajaan Pusat. Saperti yang telah saya sebutkan pada petang sa-malam Perlis ada-lah sa-buah negeri yang miskin di-dalam Malaysia, hasil negeri-nya lebih kurang \$2,000,000 sa-tahun. Oleh kerana Perlis merupakan negeri pertanian maka sudah tentu dia berkehendakkan sa-buah Pusat Pertanian Moden. Menurut Anggaran Belanjawan Negeri Perlis bagi tahun 1969 peruntokan yang

di-beri kerana kemajuan Pusat Pertanian hanya \$7,000 berbanding dengan kawasan bendang yang sa-banyak 70,000 ekar pada masa sekarang ini ya'ani 10 sen pada satu ekar manakala peruntokan ubat<sup>2</sup> bagi membasmi penyakit<sup>2</sup> padi hanya sa-banyak \$2,500 bagi tahun 1969 berbanding dengan 70,000 ekar bendang supaya sa-laras dengan ranchangan pembangunan negara di-dalam bidang kemajuan pertanian. Saya merayu kepada Kerajaan Pusat, khas-nya kepada Timbalan Perdana Menteri, semoga membina sa-buah Pusat Pertanian yang moden bagi negeri Perlis yang lengkap dengan serba alat dan serba guna demi kepentingan dan sa-laras dengan dasar kemajuan pertanian menjelang tiba-nya tanaman padi dua musim yang berjumlah kawasan-nya kelak sa-banyak 110,000 ekar manakala perkhidmatan Tali Ayer Muda projek berjalan nanti. Begitu juga di-dalam perkhidmatan parit dan tali ayer negeri Perlis, Jabatan ini juga harus memainkan peranan penting akan tetapi oleh kerana Perlis kekurangan wang, banyak ranchangan<sup>2</sup> pembangunan kechil tidak dapat di-jalankan.

Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada kemajuan<sup>2</sup> pertanian saya berpendapat Perlis sudah sa-wajib-nya mendapat sa-buah Sekolah Pertanian dan juga lain<sup>2</sup> kemudahan yang lebih besar saperti bantuan baja, alat<sup>2</sup> pembajak dan sa-bagai-nya. Dato' Yang di-Pertua, kita jangan lupa Perlis ada-lah negeri sempadan dan benting pertahanan yang paling mustahak bagi banyak masaalah<sup>2</sup> yang harus di-ambil perhatian bagi memajukan ekonomi bagi penduduk<sup>2</sup> yang tinggal di-sepanjang kawasan sempadan sama ada di-Perlis, di-Kedah, di-Perak dan Kelantan.

Menyentuh soalan sempadan yang tersebut Yang Berhormat Menteri Muda Dalam Negeri pernah menimbulkan masaalah orang<sup>2</sup> yang ada mempunyai dua kera'ayatan. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, orang<sup>2</sup> yang tersebut ada-lah merbahaya bagi negara. Kerajaan harus menambah bilangan<sup>2</sup> perisik dan menawarkan hadiah<sup>2</sup> yang besar bagi mendapat maklumat orang<sup>2</sup> yang ada mempunyai dua kera'ayatan ini.

Berbalek saya kapada kemajuan nelayan, Perlis hingga sekarang ini belum ternampak apa<sup>2</sup> projek di-dalam perusahaan perikanan khas-nya di-Kuala Perlis oleh kerana pelabohan Kuala Perlis telah menjadi pelabohan antara bangsa. Saya merayu supaya pelabohan-nya, pelabohan yang ada sekarang ini, di-perbesarkan juga, kuala sungai-nya di-perdalamkan, supaya kemudahan<sup>2</sup> bagi pelanchong<sup>2</sup> ka-Pulau Langkawi dan kemajuan<sup>2</sup> perniagaan di-antara Siam/Malaysia dapat berkembang dengan maju-nya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh di-dalam dasar luar negeri, saya ucapkan tahniah kepada pemimpin<sup>2</sup> negara kita yang dengan terus terang mengishtiarkan kapada dunia bahawa Malaysia ada-lah mengamalkan dasar luar-nya yang bebas tidak siapa yang harus mengganggu kedaulatan kita dan memperbudak<sup>2</sup>kan kita. Pemimpin agong kita telah pun membuktikan dasar luar kita yang bebas itu, beliau telah membuat perhubungan<sup>2</sup> kedutaan dengan negara<sup>2</sup> Sosialis seperti Soviet Russia, negeri<sup>2</sup> Block Kominis di-Eropah. Kita berharap sa-lama mana mereka berniat jujur dan ikhlas membantu negeri kita yang sedang membangun dengan membeli getah<sup>2</sup>, bijeh, minyak kelapa sawit, kayu kayan dan lain<sup>2</sup> barang perbuatan Malaysia yang selama ini di-monopoli dan di-perbudak<sup>2</sup>kan oleh orang<sup>2</sup> Inggeris dan orang<sup>2</sup> Amerika, maka kapada mereka kita ucapkan selamat datang dan terima kaseh di-atas kejujoran dan keikhlasan mereka itu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah mereka chuba pula hendak memperjudikan dasar luar kita yang bebas itu untuk kepentingan mereka maka kita tidak teragak<sup>2</sup> berkata "you are not wanted—get out".

Menyentuh tentang pengundoran Tentera<sup>2</sup> British dan champor tangan Kerajaan Amerika dalam masaalah pertahanan negara kita, Tuan Yang di-Pertua, kita telah kenal orang<sup>2</sup> Inggeris sa-lama 300 tahun. Sa-panjang masa yang tersebut mereka telah menchuba bermacam<sup>2</sup> janji dan berikhtiar supaya kita menjadi satu bangsa kachokan Anglo-Malaysian dan satu bangsa yang tidak dapat berdiri di-

atas kaki sendiri. Tiap<sup>2</sup> kali kita berkata kita mahu roti tetapi apa yang di-beri, di-beri batu. Mulut-nya manis lebeh daripada madu tetapi hati-nya pahit lebeh daripada jadam. Ketika sa-orang sama sa-orang, wah! melangit dia memuji Malaysia dan Menteri<sup>2</sup> Malaysia! Sa-balek-nya apa kata pula ketika Perdana Menteri Commonwealth berada di-London termasuk Perdana Menteri Singapura kata-nya Yang Teramat Mulia Perdana Menteri sa-orang berfikirin lapok. Inikah kawan yang boleh kita berharap Inggeris tetap dengan dasar lapok-nya 'divide and rule' tetapi dengan azam-nya memechah-belahkan perpaduan negeri<sup>2</sup> Asia sa-bagaimana mereka memechah-belahkan perpaduan negeri<sup>2</sup> di-Afrika.

Tuan Yang di-Pertua, berbalek kapada Uncle Sam Amerika pula, bangsa-nya sendiri telah memberi istilah gelaran baru ia-itu Ugly American, tidak jujur, tidak ikhlas, tabiat-nya tidak ubah seperti ayam, sa-biji bertelor rioh rendah sa-buah kampung.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkata sa-siapa pun tidak dapat mengenal bangsa Amerika yang lebeh dekat sekali melainkan ra'ayat Burma ia-lah ra'ayat Burma terus terang berkata, "Go to hell with American, kami tidak minat bantuan kamu". Amerika tidak puas hati menchampori pertahanan Malaysia sekarang mula bermain mata dengan Singapura. Apa-kah Amerika berazam mahu jadikan Singapura itu Israel yang kedua di-rantau sa-belah Timor Jauh pula? Tuan Yang di-Pertua, kekayaan emas Yahudi tidak boleh beli Malaysia dan ra'ayat-nya, atau ada-kah Amerika bermain mata dengan Singapura kerana menunggu Mao Tse-tung mati atau mahu memperjudikan Singapura sebagai kuda per-tarohan untuk kepentingan diri-nya atau untuk kepentingan bagi memechah-belahkan perpaduan bangsa Malaysia seperti mana yang telah mereka lakukan kapada dua Korea, dua Vietnam dan dua China.

Tuan Yang di-Pertua, sa-malam sudah timbul masaalah baharu ia-itu soal pengundoran tentera Australia dari Malaysia. Press<sup>2</sup> Australia telah

memainkan peranan panas di-dalam soalan yang tersebut barangkali oleh kerana Australia ada-lah ahli Pakatan SEATO, juga Filipina, maka sebab itu-lah Australia tidak sanggup champor tangan dalam soalan Sabah. Boleh jadi juga kerana pilihanraya kebangsaan Australia akan tiba. Walau bagaimana pun kita berharap sa-bagai jiran tetangga dan kepentingan bersama di-antara Malaysia/Australia kita berharap dasar bantuan pertahanan Australia terhadap Malaysia dapat di-kekalkan.

Pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, menyentoh soalan Anggaran Pertahanan. Saya berharap pehak Kementerian Pertahanan akan mendapat wang yang banyak. Bagi mendapat wang yang banyak ini saya mengshorkan supaya Kerajaan menjual defence loan supaya membolehkan warganegara Malaysia mengambil bahagian bersama di-dalam soalan yang tersebut. Dan pada akhir-nya saya sa-kali lagi menyokong usul yang telah di-bentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri bersama<sup>2</sup> dengan sahabat<sup>2</sup> saya Ahli Yang Berhormat menyokong chadangan yang di-bawa oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ia-itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita.

Dalam perbahasan atas usul ini telah timbul beberapa masaalah yang penting berkenaan dengan chara<sup>2</sup> pembangunan negara. Bagi sa-sabuah negara yang tengah membangun sa-umpama negara kita, Malaysia, yang berumur sabagai sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat tidak sampai 12 tahun lagi, apa<sup>2</sup> kejayaan yang tercapai itu, pada pandangan saya, ia-lah satu perkara yang kita patut banggakan dengan sa-penoh-nya. Jikalau kita bandingkan dengan apa yang telah tercapai oleh negara<sup>2</sup> lain yang sedang membangun saperti negara kita maka apa yang kita telah berjaya itu sangat-lah terpuji. Dalam pada itu pun tentu-lah ada kekurangan dan kelemahan pada beberapa segi. Ini memang perkara yang

tidak boleh di-elakkan tetapi apa<sup>2</sup> kekurangan dan kelemahan itu-lah yang di-timbulkan dengan besar<sup>2</sup>an-nya oleh pehak pembangkang di-dalam Dewan ini. Telah di-tudoh oleh pehak pembangkang bahawa perbahasan di-dalam Dewan ini telah beraleh menjadi sa-bagai ucapan<sup>2</sup> bersangkut dengan pilihanraya. Jikalau pun yang sa-benar-nya bagitu, saya bertanya mereka apa-kah salah-nya? Tetapi saya perchaya tidak-lah daripada pehak Menteri sendiri atau pun dari pehak rakan<sup>2</sup> saya daripada bangku belakang—back-benchers—hendak menggunakan forum Dewan yang mulia ini menjadi Platform pilihanraya tetapi jikalau terbit apa<sup>2</sup> perkataan yang berchorak atau berbau sa-olah<sup>2</sup>-nya saperti ucapan<sup>2</sup> yang lazim keluar daripada forum pilehanraya, terbit-nya itu ia-lah daripada, saya kata, kejujoran pehak Kerajaan Perikatan membentangkan dengan terus terang-nya apa dia yang sa-benar-nya dan mengaku kekurangan jikalau ada kekurangan.

Telah beberapa kali saya dengar ucapan<sup>2</sup> di-buat oleh Parti Politik terutama daripada pembangkang mengatakan negara kita ini sudah hendak hampir jadi bankrap oleh sebab kerana hendak membangunkan negara kita ini terpaksa Kerajaan berhutang berjuta<sup>2</sup> ringgit.

Saya bertanya mereka yang membimbangkan, atau yang ada kebimbangan bahawa negara kita akan menjadi bankrap sebab terpaksa kita kena berhutang kerana hendak membangunkan negara. Mana dia ada negara di-dalam dunia ini yang sedang membangun yang tidak meminta atau berkira meminjam wang daripada Kerajaan<sup>2</sup> lain atau pun daripada sharikat<sup>2</sup> atau daripada orang<sup>2</sup> 'awam? Tidak ada satu pun! Sa-siapa yang menjadi Pegawai Kerajaan yang lama dalam pentadbiran waktu masa kita di-bawah pemerentahan Colonial dahulu, dalam masa kita di-bawah Kerajaan British, jikalau kita paling tengok Anggaran<sup>2</sup> atau buku<sup>2</sup> estimate tahun<sup>2</sup> yang dahulu mana dia ada chadangan<sup>2</sup> yang di-katakan chadangan pembangunan? Jikalau ada-lah hendak di-dirikan sa-buah Hospital atau sa-buah rumah lazim-nya di-masokkan

di-bawah—di-katakan Special Expenditure sahaja. Sebab waktu kita di-zaman penjajahan dahulu apa<sup>2</sup> kemudahan yang dahulu di-harap boleh di-beri atau telah di-beri kepada ra'ayat negeri itu bergantung sa-mata<sup>2</sup> kepada hasil mahsul yang masok pada tiap<sup>2</sup> tahun sahaja.

Jadi kita sa-bagai sa-buah negara yang merdeka yang di-pimpin oleh sa-buah Kerajaan yang bertanggung-jawab untuk masa depan warganegara kita, wajib di-atas kita mengambil sa-berapa banyak langkah dalam segi pembangunan supaya kita boleh tinggalkan pesaka<sup>2</sup> kepada anak chuchu chichit yang boleh menyenangkan mereka hidup pada masa akan datang. Kita dirikan sa-buah jambatan yang besar bukan-lah bagi kegunaan kita yang hidup pada masa ini sahaja, tetapi ia-lah bagi kegunaan anak chuchu chichit kita yang akan datang. Jikalau sa-kira-nya kita hendak menggunakan, hendak mendirikan jambatan yang besar ini daripada wang hasil yang kita pungut pada tahun ini terpaksa kita kena tambah hasil berjuta<sup>2</sup> ringgit ka-atas mereka yang ada hidup pada masa ini untuk kegunaan mereka yang belum lagi lahir atau di-peranakkan kelak. Ini tanggungan mereka yang akan datang yang mengambil faedah daripada apa<sup>2</sup> kemudahan yang kita berikan sekarang ini menanggung-jawab membalas bales apa yang kita diri dan bangunkan pada masa ini—itu dia faham saya.

Jadi bagi pehak saya menyertai-lah apa<sup>2</sup> yang telah di-sebutkan oleh rakan<sup>2</sup> saya menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> tahniah terutama-nya kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan pegawai<sup>2</sup>-nya yang telah begitu mengambil berat pada menyusun dan mengator dan melaksanakan chara<sup>2</sup> pembangunan negara kita.

Jikalau kita bacha Penyata Mid-Term Review of the First Malaysia Plan, buku ini akan menerangkan apa dia kejayaan yang telah kita chapai, dan tidak ada sa-siapa pun, saya perchaya, boleh menapikan yang kita telah menchapai satu kejayaan yang terpuji.

Saya suka, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh atas beberapa perkara yang terbit daripada ucapan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan jikalau saya terpaksa kena menyebut sedikit sa-banyak dalam bahasa Inggeris, saya harap Tuan Yang di-Pertua mengizinkan sebab saya ada salinan ucapan-nya dalam bahasa Inggeris sahaja. Dalam ucapan-nya, Yang Berhormat Menteri mengatakan yang kita ini ia-lah saya quote: "the largest exporter of palm oil. We are probably also the world's leading source of tropical hard-woods". Saya perchaya ini ia-lah satu perkara yang kita boleh banggakan, pada masa ini. Tetapi berkenaan dengan palm oil semenjak sa-bulan yang lepas atau dua bulan lepas daripada apa saya semak<sup>2</sup> kan penyata daripada negara<sup>2</sup> lain, saya fikir kita kena ambil satu pandangan yang chukup teliti dan halus. Di-dalam ucapan Yang Berhormat Menteri dia ada sebutkan juga kita patut mengalakkan lagi tanaman oil palm. Dalam segi bijeh timah, dalam segi getah, saya fikir tidak ada negara dalam dunia, sempat menghambat kita. Kita-lah negara yang mengeluarkan sa-bahagian yang besar daripada bijeh timah dan sa-bahagian yang besar daripada getah. Tetapi di-dalam palm oil, Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya banyak negeri<sup>2</sup> lain telah mulai menanam oil palm ini. Dan saya menaruh kebimbangan takut jikalau kita tidak atorkan masalah penanaman ini dengan mengambil perhatian atas apa yang berlaku di-negara<sup>2</sup> yang lain, saya takut boleh jadi ada masa—masa akan sampai tidak berapa lama lagi—over production di-dalam dunia. Saya bawa fikiran ini bukan sa-bagai sa-orang pakar tetapi saya hendak menyampaikan kebimbangan saya ini kepada pakar<sup>2</sup> economy yang mengambil tahu dalam hal ini. Memang dalam ucapan Yang Berhormat Menteri sendiri telah mengatakan harga palm oil telah turun harga-nya kepada \$440 satu tan dalam tahun 1968 ia-itu kurang sangat daripada apa yang kita anggarkan waktu kita membuat Pelan Malaysia ini, kita anggarkan harga-nya \$580 satu tan, dan keturunan harga ini saya fikir akan menjadi<sup>2</sup> pada masa hadapan kalau sa-kira-nya pengeluaran palm oil daripada negara<sup>2</sup> lain akan

bertambah. Jadi ini satu masaalah yang saya harap pakar<sup>2</sup> kita tolong ambil perhatian yang berat.

Yang kedua-nya, berkenaan dengan pengeluaran kayu kayan—export kayu kayan. Ini telah menjadikan satu perniagaan yang terbesar dan pengeluaran barang yang terbesar daripada negara kita ini. Kayu kayan ini mengambil masa yang lama hendak tumbuh sebelum daripada kita boleh mengambil faedah daripada-nya.

Jadi, saya berharap pehak Kementerian yang berkenaan mengadakan sa-chukup galakan dan bantuan wang, mengadakan wang yang sa-chukup didalam anggaran, perbelanjaan kepada Pejabat Hutan kita supaya pejabat itu boleh bukan sahaja memulai—sebab saya telah faham telah di-mulai—tetapi boleh menjalankan penanaman sa-mula mana<sup>2</sup> kawasan yang telah di-tebang kayu kerana jualan keluar negeri. Jikalau kita tidak mengambil berat atas perkara ini lama kelamaan habis-lah hutan<sup>2</sup> kita lichin dengan tidak ada pokok kayu kayan yang akan mengganti-nya. Ini-lah saya harap pehak Kementerian yang berkenaan memberi cukup peruntukan kepada Pejabat Hutan supaya boleh menjalankan pekerjaan menanam sa-mula kayu kayan ini dengan sa-berapa segera-nya.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perindustrian. Yang Berhormat Menteri mengatakan “now and in the future we will require more risk takers and entrepreneurs who can brace themselves and meet the real challenge of winning market overseas.” Ini satu perkara yang saya telah sentoh sedikit hari dahulu dan saya telah menyokong dengan sabulut suara pendapat daripada Yang Berhormat Menteri Perdagangan bahawa perindustrian di-negara kita ini sa-lain daripada mengadakan barang<sup>2</sup> bagi kegunaan dalam negeri mesti-lah juga bergantung kepada sa-banyak mana kita boleh export. Akan sampai masa-nya home market—pasaran didalam negara ini akan penuh—saturated—ma’ana-nya terpaksa kita kena dikeluarkan barang<sup>2</sup> itu menjadi barang export. Dan saya bersetuju dengan ucapan yang telah di-katakan oleh

Yang Berhormat Menteri yang kita berkehendakkan lebeh lagi orang<sup>2</sup> yang bersedia mengambil risk. Tetapi pada segi ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan jikalau kita mendirikan industri kita berkehendakkan wang. Kalau kita hendak tujukan kepada badan<sup>2</sup> yang lazim mengadakan wang seperti bank dan finance company-kah, ada-lah kesusahan, bukan mereka ini buat susah, tetapi perniagaan mereka itu di-sekatkan dan di-awasi oleh Undang<sup>2</sup> yang tertentu. Jikalau sa-kiranya kita hendakkan lagi ada ramai *risk takers* saya fikir hendak-lah Kerajaan menyiasat dan mendirikan satu chara supaya ada *risk capital*, ma’ana-nya capital yang boleh kita beri pinjam kepada orang<sup>2</sup> yang hendak mendirikan industri<sup>2</sup> tetapi *risk capital* ma’ana-nya di-situ ada-lah main judi sedikit, ma’ana-nya boleh jadi alah atau boleh jadi menang. Jikalau ada *risk capital* baharu-lah saya perchaya akan timbul-nya banyak *risk takers*. Oleh sebab saya sentoh berkenaan dengan industri saya ingat dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan tempoh hari dahulu dia kata sekarang ini telah di-serahkan kepada FIDA segala urusan berkenaan dengan hendak mendirikan industri. Saya sendiri tahu dan perchaya FIDA sedang bekerja dengan tungkus lumus-nya tetapi saya nampak tidak cukup lagi kakitangan FIDA. Oleh sebab itu ada-lah sungutan<sup>2</sup> daripada kebanyakan orang<sup>2</sup> yang mengambil tahu dalam hal industri atau berkehendakkan nasehat, sungutan ada kelewatan bagi pehak FIDA memberi pertolongan atau nasehat. Jadi, saya mengeshorkan dan mengambil peluang ini mengeshorkan kepada Yang Berhormat Menteri mengadakan lagi kakitangan kepada FIDA yang lebeh supaya boleh menyelenggarakan pekerjaan yang di-serahkan kepada-nya dengan sa-berapa segera yang boleh.

Saya menyokong dan merasa cukup sukachita mendengarkan kata Yang Berhormat Menteri yang ta’ lama lagi kita akan adakan sa-buah badan yang di-namakan National Agricultural Credit Institution. Ini satu badan yang saya perchaya sangat<sup>2</sup> mustahak. Tidak-lah saya hendak mengambil masa

Dewan ini memberi keterangan atau fikiran saya yang panjang, sebab ini bergantung kepada susunan peratoran, atau undang<sup>2</sup>, tetapi kalau di-buat undang<sup>2</sup>, atau pun peratoran berkenaan dengan ini, saya harap hendak-lah jangan sharat<sup>2</sup> yang di-adakan itu menjadi sa-bagitu ketat sa-hingga bantuan yang kita berharap boleh beri kepada peladang<sup>2</sup> kita itu akan menjadi lewat juga, ma'ana-nya jangan-lah kata dalam bahasa Inggeris banyak sangat "red-tape" pada mentadbirkan peratoran, atau undang<sup>2</sup> berkenaan dengan Agricultural Credit Institution ini.

Saya menyambut juga dengan chukup baik dan puas hati chadangan Yang Berhormat Menteri pada mengadakan di-dalam Kerajaan satu Economic Service di-sebutkan sini "nucleus of an economic service", sebab badan yang sa-umpama ini, pada pendapat saya ia-lah satu badan yang chukup mustahak, Planning kerana pembangunan berkehendakkan kepada siasatan, penyelidekan yang halus daripada orang<sup>2</sup> yang pakar dan ada pengetahuan yang chukup dan dengan ada-nya satu economic service di-dalam Kerajaan, maka saya berharap planning bagi pembangunan kita yang akan datang akan boleh menjadi lebeh lagi lichin dan sempurna.

Saya suka mengambil peluang ini menguchapkan ribuan terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri atas akuan-nya bahawa negeri<sup>2</sup> di-Pantai Timor di-negara Malaysia Barat ini akan di-beri pandangan yang lebeh tepat dan baik-nya pada masa yang akan datang, sebab ta' payah saya memanjangkan sebab<sup>2</sup>-nya kerana sebab<sup>2</sup>-nya telah di-sebutkan oleh beberapa orang sahabat saya Yang Berhormat daripada Pantai Timor. Samalam dalam perbahathan saya sendiri ada dalam Dewan saya dengar daripada ucapan Yang Berhormat sahabat saya Yang Berhormat dari Jebeu-Jempol menyebutkan masalaah bapa tua dan bapa muda. Saya perchaya dalam beberapa hari yang lepas dalam Dewan ini telah timbul daripada ucapan<sup>2</sup> Ahli Yang Berhormat yang menventoh bapa tua dan bapa muda. Saya sendiri sa-lain daripada bapa saya yang telah meninggal, saya ada

dua orang bapa sekarang, ia-itu Bapa Merdeka, Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri dan Bapa Pembangunan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya hendak serahkan kepada dua bapa ini menimbangkan akan datang bapa tua-kah hanya kita hendak pelok chium dan kaseh, atau hendak aleh kaseh dan pelok chium kita itu kepada bapa muda. Saya serahkan kepada dua orang bapa ini dengan rakan<sup>2</sup>-nya di-Jema'ah Menteri menasihatkan kami semua yang mana satu bapa yang kami hendak panjangkan kaseh sayang dan pelok chium yang akan datang.

Jadi, saya ta' hendak masok bahathan yang mana satu kita hendak tujuan kaseh sayang kita pada ketika ini.

Dalam sa-buah negara yang membangun kita hendak bersahabat dengan semua negara, sebab kita hendak mendapat pertolongan daripada semua negara yang bersedia hendak memberi pertolongan kepada kita dan kita hendak bersahabat dengan semua negara yang suka bersahabat dengan kita, ta' kira kita pilih yang tua-kah, atau yang muda-kah. Itu dia falsafah saya dan saya perchaya itu juga falsafah Kerajaan Perikatan yang memerintah negara kita pada masa ini. Jadi, dengan kata<sup>2</sup> saya yang tersebut itu saya sendiri berdo'a mudah<sup>2</sup>-an bapa kita yang dua yang saya sebutkan tadi akan berpanjangan memimpin kita lagi untok mendirikan dan membangunkan negara kita ini supaya masa hidup anak chuchu chichit kita akan datang akan terjamin sa-lama<sup>2</sup>-nya. Terima kaseh.

**Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang telah di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dua hari yang sudah.

Tuan Yang di-Pertua, satu peruntukan pembangunan sa-banyak \$889 juta lebeh bagi tahun 1969 ia-lah satu angka yang sangat besar. Masa penjajahan dahulu pada pemikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang sekian ini chuma dalam mimpi sahaja.

Saya sudah tengok statistik-nya pembangunan sa-belum negara kita mencapai taraf kemerdekaan dan peruntukan bagi tahun ini hampir<sup>2</sup> 12 kali ganda. Oleh sebab itu-lah saya telah nyatakan terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, masa British dahulu kita dalam mimpi sahaja kalau kita chapkan satu peruntukan yang bagini besar dan pada hari ini satu tempoh yang singkat kita sudah tengok pembangunan yang begitu pesat terus-menerus dalam tanah ayer kita termasuk-lah Malaysia Timor. Sekolah<sup>2</sup> timbul dengan chepat, klinik, hospital, jalan<sup>2</sup> raya beribu<sup>2</sup> batu. Saya yakin dan percaya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada ra'ayat yang berfikir siuman tidak menyertai saya mengatakan dengan banyak<sup>2</sup> terimah kaseh dan ucapan mengatakan alhamdullillah kepada Tuhan di-atas kejayaan yang besar ini di-buat khas-nya boleh di-katakan sa-orang diri Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak dan juga pegawai<sup>2</sup> Kementerian-nya. Kapada mereka ini saya tidak ketinggalan menguchapkan ribuan terima kaseh dan saya rasa dan yakin dengan ada pembangunan yang bagini baik apabila kita akan memulangkan mandat kita kapada pengundi<sup>2</sup> kita, maka tidak ragu<sup>2</sup> lagi ra'ayat seperti yang sudah<sup>2</sup> di-mana Kerajaan Perikatan kita mendapat majority dalam Rumah ini yang berlebehan lagi pada pilihan raya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang suka saya kemukakan kapada Tuan Yang di-Pertua, ia-lah Rancangan Tanah F.L.D.A. Saya bernasib baik dalam kawasan saya Larut Utara dan satu ranchangan tanah yang sangat chantek. Masa sekarang peneroka<sup>2</sup> sana sudah mulai mendapat hasil. Kalau mereka itu di-kampong dahulu mereka menoreh getah boleh mendapat tiga kati, sekarang mereka itu apabila menjadi peneroka tanah di-Ranchangan Tanah Ijok pada hari ini mereka telah dapat di-antara 40 sampai 60 paun satu hari. Ini berapa kali ganda, Tuan Yang di-Pertua, hampir<sup>2</sup> 20 kali ganda. Tidak shak lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita tengok boleh katakan tiap<sup>2</sup> buah rumah sekarang mempunyai peti radio dan kemudahan<sup>2</sup> lain.

Walau bagaimana pun tentu-lah ada sedikit sa-banyak desas desus khas-nya di-kawasan ini kerana saya telah perhatikan ada kuman<sup>2</sup> yang boleh merosakkan ranchangan itu, ada manusia<sup>2</sup> yang mengatakan, apa guna dudok di-sana menjadi hamba konterak Tun Razak, mengkafirkan orang<sup>2</sup> lain dan sa-bagai-nya dan ada 4, 5 orang tidak mahu bekerjasama dengan pehak pegawai ranchangan tanah itu, mereka chuma apabila lepas menoreh getah mereka bekukan dalam hutan dan menjualkan menerusi pintu belakang. Saya dengan tegas-nya, Tuan Yang di-Pertua, orang<sup>2</sup> yang sa-macham ini saya sifatkan seperti penyakit cancer. Saya dengan tegas-nya meminta, Tuan Yang di-Pertua, di-Dewan ini menchari satu jalan yang baharu supaya ranchangan ini jangan rosak ia-itu orang<sup>2</sup> yang sa-macham ini patut-lah di-asingkan dengan sa-chepat mungkin, di-hantar ka-tempat lain seperti macham pegawai<sup>2</sup> Kerajaan yang kita tengok berjalan yang tidak baik di-satu<sup>2</sup> pejabat kita tukarkan, apa salah-nya, Tuan Yang di-Pertua, orang<sup>2</sup> yang sa-macham ini kita tukarkan ka-tempat lain, bukan hendak membuat aniaya kapada mereka itu bahkan kita pechahkan daripada komplot<sup>2</sup> mereka itu kerana hendak merosakkan ranchangan tanah di-situ. Saya harap sangat<sup>2</sup>-lah bagi pehak peneroka<sup>2</sup> F.L.D.A. Ijok supaya Kerajaan mengambil perhatian yang tegas di-atas masaalah yang di-fikirkan sangat berat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar dari satu masa ka-satu masa barang<sup>2</sup> di-Malaysia Timor mahal sedikit daripada Malaysia Barat ini. Saya mempunyai simpati penoh kapada saudara<sup>2</sup> kita di-Malaysia Timor. Sambil mereka itu mendapat pembangunan yang baik dan terator harga barang maseh tinggi sedikit daripada Malaysia Barat. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, sebab yang utama barang<sup>2</sup> di-sana mahal ia-lah di-sebabkan kenderaan. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kapada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan supaya adakan perkhidmatan kapal satu daripada Malaysia Barat ka-Malaysia Timor membawa barang<sup>2</sup> keperluan di-sana, dengan jalan ini saya

perchaya kalau kita ada 3, 4 services kapal berjalan kapal laut ka-sana barang mesti turun. Kerana saya tahu sangat, Tuan Yang di-Pertua, 2, 3—tahun sudah harga beras di-sini pun mahal ia-itu sampai \$2.10 tetapi dengan ada-nya ranchangan tanaman padi dua kali sa-tahun dan ranchangan<sup>2</sup> yang pesat yang di-jalankan oleh Pejabat Pertanian, harga beras pada hari ini dalam kawasan saya sudah jatuh sampai \$1.45 dan \$1.50 sa-gantang. Saya rasa di-Malaysia Timor pada hari ini tentu-lah sampai \$2.50 atau pun \$3.00 sa-gantang. Jadi beras<sup>2</sup> yang murah ini kalau kita bawa ka-Malaysia Timor mereka itu akan mendapat harga yang murah sedikit dan saya juga tidak ketinggalan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Perikatan kerana harga getah sudah pun naik, sudah mula naik baharu<sup>2</sup> ini dan menyenangkan ra'ayat jelata dan Kerajaan juga. Hari ini kita dapat harga getah sudah 60 sen lebih sa-pound dan ini berma'ana-lah boleh menjadi kesenangan kepada seluruh ra'ayat jelata kita.

Tuan Yang di-Pertua, hal ehwal Pertahanan Negara—saya juga berserta dengan rakan<sup>2</sup> saya tetapi saya tidak tukar langsung dengan ucapan saya dan pendirian saya semenjak tahun 1955 dahulu di-mana—Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri apabila kita hendak mendapat kemerdekaan bagi tanah ayer ini sudah pun hendak membuat satu perjanjian pertahanan dengan Kerajaan British. Tentangan yang hebat sudah pun datang daripada pihak UMNO mengatakan kita merdeka, mengapa pula kita hendak pertahanan Kerajaan British. Saya berserta sama dengan pihak<sup>2</sup> UMNO ia-itu tidak perlu lagi kita bergantung sangat kepada Kerajaan British dalam hal ehwal pertahanan, hari ini pun saya sa-rupa itu juga. Baharu<sup>2</sup> ini dalam Dewan yang mulia ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya bagi ucapan mengatakan, kalau British hendak keluar, hendak undor, apa kita hendak buat. Kita chuma mendo'akan selamat kepada mereka itu dan beri selamat jalan.

Baharu<sup>2</sup> ini juga pihak Australia hendak undor diri dan saya tidak dapat

fikir yang memuaskan di-atas pengundoran dan chadangan oleh Kerajaan Australia hendak meletakkan pertahanan mereka itu di-Pulau Singapura. Saya ini ragu<sup>2</sup> di-atas kejujuran Kerajaan Australia. Kerana kita fikir, Tuan Yang di-Pertua, Singapura ia-lah pulau yang sangat kecil, sa-titek ayer datangnya daripada negeri Johor. Kalau dalam peperangan, Tuan Yang di-Pertua, kita fikir otak fikiran kita yang senang sa-kali Kita tahu ia-itu kalau paip ayer daripada Johor itu di-pechahkan macham mana kita hendak dudok di-sana, tentu-lah semua-nya masuk ka-dalam neraka, macham mana kita hendak mempertahankan tanah ayer kita.

Ini saya rasa Kerajaan Australia ini ada satu<sup>2</sup> chara yang kurang memuaskan kita, kerana gamak-nya mereka hendak berbaik lagi dengan Kerajaan Singapura. Walau bagaimana pun saya rasa penganjor<sup>2</sup> kita ini terlampau jujur, terlampau ikhlas dan bergantung sangat kepada Kerajaan Australia, British dan New Zealand. Masa-nya sudah sampai, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita berhampirkan diri kita sedikit sebanyak dengan Kerajaan Mao-Tse Tung barangkali kita boleh mempelawa kepada pihak Russia mengambil pengkalan kita di-Terendak Camp, kita letakkan satu squadron sana baharu mereka tahu, baharu Amerika saya rasa akan membuka mata, jangan-lah pula Terendak Camp itu kita jadikan University dan sa-bagai-nya.

Kerana saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia ini ada dua camp yang besar ia-itu satu camp bagi bloc Amerika, apa kata Amerika, British mesti ikut, British mesti tie to the apron string of America. Bagitu juga Australia dan New Zealand. Jadi kita pelawa-lah sa-siapa yang hendak datang, kita negeri kecil kita chuma berkehendakkan betul<sup>2</sup> wang pembangunan, kita hendak bagi bekalan pakaian dan makanan kepada ra'ayat jelata kita, pertahanan untuk sementara waktu sahaja.

Dalam masa atomic ini kita rasa, Tuan Yang di-Pertua, tidak-kah kita dapat mengadakan satu bala tentera yang besar melawan Kerajaan<sup>2</sup> yang



besar. Oleh sebab itu, kita pelawa Russia untok di-Terendak Camp apa salah-nya. Kalau tidak mahu Russia barangkali Peranchis atau Holland, apa salah-nya. Kalau kita bergantung sangat kapada pehak Amerika ini sa-lagi kita harap sangat kapada mereka itu, itu-lah upahan atau pun balasan yang kita dapat. Saya bersetuju sangat ucapan daripada sahabat saya daripada Kota Baharu Hilir tadi mengatakan mana<sup>2</sup> Kerajaan yang besar dalam dunia ini hendak bekerjasama dengan kita, kita terima dengan baik. Dahulu kita ingat kita takut sedikit kapada Russia tetapi sekarang kita sudah berdekatan dengan Russia, ini rasa saya sangat baik apa salah-nya pula oleh sebab perangai Amerika, Australia, New Zealand dan begitu mengapa tidak kita berhampiran diri kita sedikit dengan pehak Kerajaan Mao-Tse Tung. Kita bukan hendak apa, chuma ikatan mula<sup>2</sup> trade agreement—apa salah-nya, jangan kita berharap sangat kapada pehak Amerika, British, Australia dan New Zealand.

Tuan Yang di-Pertua, Amerika ada baik kalau kita pandang sa-pintas lalu di-hantar macham Kennedy Peace Corp dan sa-bagai-nya, tetapi ada juga didalam itu mereka sulamkan bermacham<sup>2</sup> perkara gerakan mereka itu barangkali, bukan sabversif tetapi mengintip sana sini. Ini-lah kita mesti jaga. Jadi sa-lagi kita satu negara yang kecil, Tuan Yang di-Pertua, untong nasib kita memang-lah bagini. Kerajaan yang besar itu mesti mahu menindas Kerajaan yang kecil sama ada daripada mana pehak sa-kali pun. Kalau Russia pun begitu-lah juga tetapi oleh sebab kita telah tertinggal berbaik<sup>2</sup> dengan Russia apa salah-nya.

Hal ehwal pertahanan, Tuan Yang di-Pertua, saya teringat-lah apabila Yang Teramat Mulia Tunku kita dengan bijak pandai beliau dan rakan<sup>2</sup>-nya telah pun membuat satu amnesty kapada pehak pengganas<sup>2</sup> di-border areas ia-itu di-Kroh, Betong dan sa-bagai-nya. Saya rasa perbelanjaan<sup>2</sup> hal ehwal ini mempertahankan negara kita di-border areas ini sangat banyak dan memikirkan satu amnesty. Tunku telah tawarkan kapada pehak Chin

Peng sudah pun lama. Saya sendiri tahu ada-lah Chin Peng itu berasal daripada Sitiawan, Perak. Saudara<sup>2</sup>-nya dudok dengan senang lenang di-Sitiawan, Perak. Jadi saya tahu oleh sebab sudah lama barangkali perasaan dia sudah rindu hendak balek dan tentu-lah dia pun sudah tua masa ini. Saya shorkan kapada Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, mengapa tidak kita mengadakan satu amnesty sa-kali lagi kapada pehak Chin Peng kerana dengan ada-nya perundingan itu kita bukan rugi.

Banyak orang sudah berkata apabila kita ada perundingan itu Yang Teramat Mulia Tunku dan wakil<sup>2</sup> kita di-Baling, apabila pehak Ching Peng telah datang ka-situ, kita sudah tahu ia-itu keke- rasan pehak Ching Peng itu, apabila mereka sampai di-Meja Bulat, sama ada pertemuan itu berjaya atau tidak, kedudukan mereka itu tentu dengan sendiri-nya sudah pun lemah sedikit. Jadi, saya memikirkan oleh sebab masa telah panjang, kita adakan amnesty pada hari itu dan ashkar<sup>2</sup> kita terlampau berat bekerja di-sempadan sana, saya shor kapada Kerajaan supaya amnesty di-adakan sa-kali lagi, berchakap, apa salah-nya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-nya, saya rasa kita, negara ini, dengan panduan, dengan bijaksana daripada Yang Teramat Mulia Tunku dan juga Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak serta dengan Kabinet, penganjor<sup>2</sup> yang lain sedang berjalan dengan maju jayanya terhadap satu matalamat, menjadi satu negara, satu rupa bangsa dan satu bahasa dengan sa-chepat mungkin kerana saya perhati satu kawasan yang telah di-majukan oleh Kerajaan Perak, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu satu kawasan jaya diri, sangat<sup>2</sup> menggalakkan; berbagai kaum, mereka itu tinggal bekerja, dudok, makan dan minum dan bekerja dengan kuat, mendapat hasil. Saya sambut baik ranchangan Kementerian ini ia-itu pemuda<sup>2</sup> dan pemudi<sup>2</sup> kita sedia tampil ka-hadapan menyambut seruan daripada Kerajaan, bekerja bersama<sup>2</sup> memajukan ranchangan mereka, berfaedah kapada mereka itu dengan sekim yang terator, di-atorkan oleh Kerajaan. Dengan berchamportgaul ini berbagai<sup>2</sup> kaum, saya perchaya

Ranchangan Jaya Diri ini akan memberi munafa'at yang banyak kepada negara yang muda ini. Sekian-lah ucapan saya, terima kasih.

**Tuan Timbalan Yang di-Pertua:** Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

*Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.25 pagi.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.40 pagi.*

Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat)*

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1969**

*Perbahathan di-sambong sa-mula.*

**Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut memberi ucapan sa-tinggi<sup>2</sup> tahniah kepada Timbalan Perdana Menteri yang mengemukakan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1969 sa-banyak \$889,000,000 dan berlebehan daripada tahun sudah. Ra'ayat patut sedar walau pun negara kita menempoh dugaan beberapa perkara yang tidak menyenangkan hati tetapi pembangunan negara tetap berjalan terus dengan tujuan Kerajaan hendak memberikan kesenangan, kemewahan dan kema'amoran ra'ayat. Kejujuran pemerintahan Kerajaan Perikatan di-bawah pimpinan Yang Teramat Mulia Tunku dan Yang Amat Berhormat Tun serta ahli<sup>2</sup> Jema'ah Menteri-nya sudah sa-patut-nya-lah menjadi ujian kepada seluroh ra'ayat bagi menumpukan kepercayaan kepada Kerajaan Perikatan lima tahun lagi akan datang. Kejayaan Ranchangan Pembangunan Negara Malaysia Yang Pertama, Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah sahaja patut di-beri tahniah kepada pemimpin<sup>2</sup> agong kita. Saya mengambil kesempatan juga memberikan tahniah kepada seluroh kakitangan Kerajaan dari sa-tinggi<sup>2</sup> pangkat hingga ka-serendah<sup>2</sup> pangkat terutama sekali yang terlibat mengenai pembangunan negara kerana pegawai<sup>2</sup> Kerajaan-lah yang menjadi alat jentera menjalankan keputusan<sup>2</sup> Kerajaan melaksanakan ranchangan<sup>2</sup> di-seluroh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengemukakan shor kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Menteri Pembangunan Negara supaya di-bentok sa-buah jawatan-kuasa penyiataan kedudukan Pegawai<sup>2</sup> Daerah dalam negara kita ini tentang nasib dan tanggong-jawab yang berat yang di-bebankan oleh Kerajaan kepada-nya. Saya tahu Pegawai Daerah ada-lah ibarat kapten kapal bagi sa-buah kapal yang sedang melayarkan kapal pembangunan negara. Kepten terpaksa menjaga haluan kapal-nya supaya seluroh anak<sup>2</sup> kapal-nya dan muatan<sup>2</sup> di-dalam-nya selamat sampai di-matlamat yang di-tuju. Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, tugas Pegawai<sup>2</sup> Daerah hendak-lah mendapat perhatian yang berat dari Kerajaan sabagai contoh umpama Tuan Pegawai Daerah Muar, dalam negeri Johor dia menjadi Pegawai Daerah yang sangat luas kawasan-nya, lebeh luas daripada sa-buah negeri Melaka tentu-lah tidak berpadan kira-nya ia menerima gaji serupa dengan Pegawai Daerah Jasin yang lebeh kecil kawasan-nya. Saya bukan-lah hendak merendahkan Pegawai Daerah saya di-Jasin ini chuma memberi bandingan sahaja. Alang-kah baik-nya kalau Pegawai Daerah ditempat yang kecil sedikit kawasan-nya tanggong-jawab-nya di-beri dengan tingkatan gaji Special Grade umpama-nya dan D.O. yang besar kawasan-nya di-naikkan kepada Superscale "H". Dengan jalan ini saya perchaya Pegawai<sup>2</sup> Daerah akan bekerja lebeh kuat lagi kerana pembangunan negara walau pun ia menjaga di-satu<sup>2</sup> kawasan yang sangat luas tiap<sup>2</sup> Pegawai Daerah tidak-lah payah saya keritakan tugas<sup>2</sup>-nya yang sa-benar kerana kita sama<sup>2</sup> ma'alum.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengshorkan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sekarang ini patut-lah di-ubah di-jadikan Kementerian Pembangunan Negara sahaja. Pada saya tidak sesuai lagi di-sebut luar bandar itu, saperti kita namakan Bank Negara tidak ada di-tambah dengan luar bandar, Menteri Kewangan Negara, Menteri Pertahanan Negara. Jadi dengan shor saya ini kita akan menghapuskan perasaan semangkat bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, berchakap berkenaan dengan pertahanan, sudah sampai masa-nya, saya fikir, Kerajaan hendak-lah menjalankan kerahan tenaga ra'ayat ia-itu mereka yang berumur 19 tahun hingga 50 tahun mesti-lah di-beri latehan memegang senjata. Kita mahu tiap<sup>2</sup> ra'ayat dalam negara kita ini tahu menggunakan senjata kalau berbangkit peperangan atau rusohan dari luar atau dari dalam negeri. Dengan itu tentu-lah bagi pehak ra'ayat dapat bertanggung-jawab sama bagi mempertahankan negara. Kita sabuah negara yang kecil, itu sebab saperti dahulu Sukarno mengganyang kita, sekarang Marcos pula. Saya menyeru kepada Marcos lihat-lah kembali contoh Sukarno—di-mana dia sekarang? Marcos lupa dia bangsa yang sa-rumpun dengan manusia diseluruh Gugusan Pulau<sup>2</sup> Melayu, Marcos ingat dia bangsa Amerika chuba hendak menaaloki negeri lain. Saya suka mengshorkan dalam Dewan ini supaya kita ishtiharkan sahaja Pulau Solo di-jadikan salah satu kawasan Malaysia kerana perbuatan Marcos yang sa-chara budak<sup>2</sup> boleh mengishtiharkan Sabah jadi sa-bahagian daripada kawasan-nya maka kita tentu-lah boleh berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, perhubungan dengan luar negeri, saya pula berpendapat penerangan<sup>2</sup> lanjut hendak-lah di-sampaikan kepada negara sahabat saperti Amerika, Australia, New Zealand dan British supaya masing<sup>2</sup> tidak mungkir janji. Dengan perjanjian<sup>2</sup> yang telah di-buat bersama sa-sudah habis kita berikhtiar meminta supaya negara tersebut memberi sokongan kepada kita kalau berbangkit peperangan dengan Filipina tidak-lah boleh di-kesal lagi, kita kena menchari sahabat baharu untuk menyelamatkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap berhubung dengan pembangunan luar bandar. Kejayaan pembangunan luar bandar sebagai jalan hendak meninggikan taraf hidup ra'ayat semenjak menchapai kemerdekaan tidak dapat di-nafikan melainkan kepada mereka yang buta mata dan buta hati-nya sahaja. Sekali lagi saya menegaskan dalam pembangunan san-

gat-lah mustahak di-adakan Sekolah<sup>2</sup> Pertanian di-tiap<sup>2</sup> negeri untuk melateh pemuda<sup>2</sup> yang lahir dari kaum tani dalam ilmu pertanian yang sempurna sa-kurang<sup>2</sup> sa-tahun lama-nya. Tidak saperti yang ada pada masa sekarang chuma di-beri latehan sa-minggu dua sahaja. Juga, Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah pembangunan luar bandar fektri hendak-lah di-bena pada tempat<sup>2</sup> yang sesuai dengan hasil tanaman yang ada di-satu<sup>2</sup> kawasan terutama sa-kali fektri membeku getah di-ranchangan tanah F.L.D.A. tidak boleh di-lambat<sup>2</sup>kan lagi daripada di-bena kerana sa-tengah<sup>2</sup> tempat peserta<sup>2</sup> selalu kena tangkap kerana menjual susu getah dan segerap getah. Kalau bagi pehak Kerajaan membangunkan fektri untuk membeku getah keselamatan peserta<sup>2</sup> ada-lah terjamin.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam ranchangan F.L.D.A. patut-lah sangat Kerajaan mendirikan kedai<sup>2</sup> perniagaan dan Kerajaan sendiri menjalankan perniagaan untuk memimpin peserta<sup>2</sup> di-Ranchangan Tanah tersebut dan pada satu masa nanti akan di-serahkan pula kepada peserta di-kawasan itu saperti apa yang di-buat oleh MARA sekarang berhubung dengan ranchangan bas, MARA menjalankan perniagaan dan akhir-nya akan di-serahkan kepada ra'ayat. Berhubung dengan ranchangan F.L.D.A. satu kemushkilan yang tidak putus<sup>2</sup> ia-lah berhubung dengan hutang peserta<sup>2</sup>. Saya fikir sudah sampai masa-nya Kerajaan hendak-lah mengistiharkan berapa banyak hutang<sup>2</sup> tiap<sup>2</sup> sa-orang peserta<sup>2</sup> dan berapa yang telah di-bayar kira-nya sudah mendapat hasil kerana perkara ini di-jadikan momok kepada parti<sup>2</sup> lawan menghasut peserta<sup>2</sup> yang Kerajaan tidak berlaku adil.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perumahan, saya chuma membayangkan sedikit pembenaan perumahan dalam negeri kita ini kalau tidak silap saya anjoran Kerajaan melalui Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan satu, dan melalui MARA satu. Saya mengshorkan ranchangan rumah murah yang di-jalankan oleh MARA di-ambil alih sahaja oleh Kementerian ini biarkan-lah

MARA menjalankan tugas yang penting di atas dua dasar yang pada saya sangat-lah berat. Yang satu ekonomi, yang kedua pelajaran bagi menolong bumiputera. Saya perhatikan rancangan rumah murah ada perasaan kurang puas hati kalau di-bandingkan dengan Rancangan Kerajaan Tempatan dan Perumahan yang di-beri sewa kepada peserta<sup>2</sup> \$45 sa-bulan umpama-nya dengan tidak ada sedikit pun wang pendahuluan. Tetapi kalau daripada rancangan MARA peserta<sup>2</sup> yang berkehendakkan bantuan hendaklah di-adakan beratus ringgit kalau tidak silap saya \$300 sa-kurang<sup>2</sup>-nya wang pendahuluan.

Tuan Yang di-Pertua, pada segi kesehatan di-segi pembangunan kesehatan ternyata bukti dan jasa-nya yang di-kechop oleh ra'ayat di-luar bandar. Harus kematian makin berkurangan di-luar bandar pada masa yang akhir ini. Dalam pada itu saya suka-lah meminta kepada Yang Amat Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat membena sa-buah Health Centre di-Kampung Selandar dalam kawasan saya untuk kegunaan penduduk<sup>2</sup> di-kampung yang berjiran seperti Batang Melaka, Jus, Bukit Senggeh dan Nyalas dan Hospital Besar Melaka patut-lah Kerajaan mengadakan bilek lengkap VIP di-Tingkat Empat Hospital itu. Kira-nya ada tentu-lah menggalakkan lagi orang<sup>2</sup> kaya masuk Hospital kerana Hospital Besar Melaka yang ada pada masa ini hanya sa-takat ada Special Class bilek yang terbuka. Saya berasa-lah dukachita Tuan Yang Terutama Gabenor Negeri Melaka apabila sakit di-bawa ka-Hospital di-dudukkan pada tempat yang terbuka. Jadi ini-lah rayuan saya kepada Yang Berhormat Menteri mendapat satu ke-istimewaan estimate kerana sa-tahu saya Ketua Pegawai Hospital Melaka telah pun mengemukakan perkara ini kepada pehak yang berkenaan.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan sa-lepas ini saya akan menyampaikan surat rayuan ini harus barangkali telah ada juga di-terima ia-itu ada sa-buah masjid telah tidak boleh di-gunakan lagi mengikut surat yang di-sampaikan oleh

Engineer kepada Pengerusi Lembaga Masjid tersebut berbunyi lebeh kurang; "yang demikian ada-lah di-shorkan bangunan masjid ini di-tutup dengan serta merta kepada penduduk<sup>2</sup> sakalian yang menggunakan-nya sa-hingga dapat di-baiki". Jadi masjid itu sekarang sedang di-tutup dan ahli kariah masjid itu bersembahyang menumpang di-sabuah Sekolah Agama Ra'ayat. Budak<sup>2</sup> yang bersekolah agama pula menumpang di-Balai Raya. Jadi harapan kami supaya dapat satu istimewa daripada Yang Berhormat Menteri supaya dapat menguntukkan pembenaan sa-buah masjid baharu di-Kampung Sungai Rambai Melaka. Terima kasih.

#### **Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor):**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan mengalu<sup>2</sup>-kan wang peruntukan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, dua hari dahulu untuk pembangunan negara. Sa-bagai sa-buah negara yang sedang membangun memang sudah sa-wajar-nya Malaysia mengutamakan kemajuan dan pembangunan. Berdasarkan pengalaman<sup>2</sup> yang di-peroleh dan berdasarkan kepada suasana di-sekitar kita yang telah banyak memberi kesan kepada suasana di-dalam negeri ini. Sungguh pun Malaysia sa-buah negara yang maseh muda di-kalangan negara yang merdeka di-dunia ini ia-nya telah mencapai banyak kemajuan<sup>2</sup> di-lapangan pembangunan negara sama ada di-lapangan siasah, di-lapangan iktisad, kebudayaan, pendidekan, sosial dan mahu pun di-lapangan pertahanan. Kerajaan sedar kira-nya ia ingin hidup bebas kita mesti-lah berani berdiri di-atas kaki kita sendiri di-dalam semua lapangan pembangunan terutama sa-kali pertahanan negara. Tetapi di-dalam penghidupan dunia yang pinchang ini di-mana sa-buah negeri sa-suatu masyarakat dan sa-saorang individual itu tidak memperchayai antara satu dengan lain, dan tidak yakin sama sendiri, Malaysia perlu-lah berjaga<sup>2</sup> dan bersiap sedia menguatkan lagi pertahanan-nya. Kita sa-mata<sup>2</sup> tidak boleh bergantung kepada tentera<sup>2</sup> yang terlateh di-negara kita ini. Orang ramai

wajib-lah di-kerah berlateh supaya berani dan sedia memikul senjata. Kerahan<sup>2</sup> tenaga ini patut-lah di-lancharkan sekarang bukan-nya di-dalam masa huru hara atau pun masa peperangan kerana kita patut-lah menyediakan payong sa-belum hujan—itu lebeh mendatangkan kebaikan kepada kita. Dari itu langkah<sup>2</sup> yang berkesan patut-lah di-ambil oleh Kerajaan. Di-sini saya menchadangkan kerahan tenaga wajib di-beri sa-bagaimana yang telah di-chadangkan oleh rakan saya daripada Melaka, kapada seluruh ra'ayat terutama-nya kakitangan Kerajaan yang berumur dibawah 45 tahun sama ada terdiri daripada kaum lelaki atau pun kaum wanita. Latehan ini hendak-lah sakurang<sup>2</sup>-nya di-adakan sa-kali saminggu sesuai pada waktu sa-lepas bertugas di-pejabat<sup>2</sup>, kerana di-waktu itu selalu<sup>2</sup>-nya mereka ini berehat bermain golf, bermain tennis, badminton dan lain<sup>2</sup> juga melihat talivishen. Tentu-lah di-waktu itu tidak menjadi keberatan kapada mereka untuk mengurbankan sedikit masa dan tenaga beramai<sup>2</sup> berganding bahu berlateh menjulang senjata demi kepentingan pertahanan tanah ayer kita. Apabila tiap<sup>2</sup> ra'ayat telah dapat mempertahankan diri tentu-lah mereka juga tidak gentar mempertahankan negara mereka dari sebarang serangan musuh di-sebarang masa dan ketika maka dengan ini Malaysia akan dapat melawan musuh-nya dengan tenang dan tetap hidup maju berseimbangan dengan negara<sup>2</sup> yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, ranchangan Kerajaan untuk mendirikan dan meluaskan bidang perindustrian di-negara<sup>2</sup> yang sedang membangun umpama-nya di-Malaysia ini bukan-lah satu<sup>2</sup> perkara yang baharu dan asing lagi bagi kita, faedah sa-lain daripada mengurangkan pergantungan kita kapada negara<sup>2</sup> yang maju dan menambahkan hasil<sup>2</sup> perdagangan kita keluar negeri, itu dapat menampung dan memberi pekerjaan kapada penganggor<sup>2</sup> juga belia lepasan sekolah yang sedang berkeliaran di-merata<sup>2</sup> pelusok tanah ayer mencari sara hidup hingga menyebabkan angka penganggoran di-negara kita ini telah lebeh daripada peringkat 50 peratus.

Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini ramai ra'ayat kita yang telah sadar akan kepentingan dan perlu-nya didirikan perusahaan<sup>2</sup> demi untuk meningkatkan taraf ekonomi dan perkembangan kemajuan tanah ayer kita. Mereka yang mempunyai modal telah sanggup dan sedia menanamkan modal mereka dan di-lapangan<sup>2</sup> perusahaan dan mereka yang berkebolehan juga rela mencheborkan diri dengan menyumbangkan pertolongan sama ada yang berupa moral mahu pun dengan material. Malang-nya sa-tengah<sup>2</sup> mereka ini tidak mendapat layanan yang chukup dan memuaskan umpama-nya pertolongan dan kerjasama yang di-janjikan oleh Kerajaan kapada mereka saperti menyediakan tanah<sup>2</sup> tempat pembenaan kilang<sup>2</sup>, mendahulukan wang pinjaman atau loan dan sa-bagai-nya, itu tidak sa-bagitu mudah didapati lihat sahaja beberapa ramai penanam<sup>2</sup> modal yang telah hampa menantikan dan mengharapkan tanah<sup>2</sup> yang di-janjikan oleh mereka. Berapa ramai yang telah tawar hati dan menukar haluan itu ada-lah timbul-nya daripada kechuaian pehak Kerajaan, kechuaian itu bukan sahaja menipiskan keperchayaan ra'ayat terhadap Kerajaan dan menyebabkan penganggoran dan menggalakkan menjadi<sup>2</sup>-nya kemurusutan dan keruntohan moral dikalangan penganggor<sup>2</sup>. Hal ini sungguh menyedehkan dan merugikan kita. Dari itu Kerajaan hendak-lah bersikap lebeh tegas lagi terhadap kapada penanam<sup>2</sup> modal sama ada penanam<sup>2</sup> modal<sup>2</sup> itu daripada asing atau pun daripada tempatan demi untuk memajukan perindustrian tanah ayer kita, kerana negara kita negara yang kaya di-dunia ini ada-lah negara yang maju di-dalam bidang perindustrian-nya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan telah membeli kapal terbang pejuang jet Mirage daripada Perancis telah menjadi satu bahan atau topic yang hangat di-perkatakan dan diperhebatkan di-dalam surat<sup>2</sup> khabar dan radio oleh orang ramai mahu pun kesimpulan yang di-ambil oleh kebanyakan ra'ayat itu membuktikan bahawa mereka menyokong dan mengalu<sup>2</sup>kan sikap tegas Kerajaan kita di-atas pembelian Mirage ini tanpa

mengira desas desus dan keritikus<sup>2</sup> yang di-lancharkan oleh negara<sup>2</sup> lain. Yang aneh-nya Malaysia juga telah menunjukkan sifat berani-nya dengan tidak menghiraukan dan mengendahkan gertakan<sup>2</sup> British ka-atas-nya. Ra'ayat juga berasa bangga kerana Malaysia tidak tundok kapada kata<sup>2</sup> British walau pun Malaysia ada-lah di-bawah pertubuhan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu di-mana ia-nya menjadi ketua. Kita memang sa-harus-nya jangan gentar dengan gertakan<sup>2</sup> Kerajaan British itu, kerana ia-nya hanya pandai bersuara tetapi tidak berani bertindak, lihat sahaja peperangan yang berlaku di-antara Israel dengan negara<sup>2</sup> Arab. British tidak berjaya mengambil langkah<sup>2</sup> yang berkesan untuk mendamaikan kedua<sup>2</sup> negara ini. Bagitu juga di-Rhodesia kekachauan<sup>2</sup> makin bertambah buruk dengan ada-nya champor tangan Kerajaan British. Jadi di-mana-kah letak-nya kekuatan dan kekuasaan British dewasa ini. Malaysia tidak perlu bersandar kapada-nya sa-lama<sup>2</sup>, kita mesti tegoh kapada pendirian dan pendapatan kita sendiri. Di-sini saya ada-lah memberikan sa-penoh<sup>2</sup>-nya sokongan di-atas langkah dan tindakan Kerajaan Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya suka hendak memberi tahu kapada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat supaya tidak ada ragu<sup>2</sup>; lepas pada perbahathan ini kita akan masok dalam Jawatan-kuasa dan Jawatan-kuasa itu ada empat hari lagi berkenaan dengan perkara yang sa-rupa juga; masa itu boleh-lah siapa yang tidak dapat berchakap masa ini dapat-lah mengeluarkan apa<sup>2</sup> dalam masa itu.

**Tuan Ismail bin Idris (Pulau Pinang Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, banyak-lah sudah kita mendengar daripada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat dalam Dewan ini beruchap berkenaan dengan perhubungan di-antara negara kita dengan negara<sup>2</sup> sahabat, berhubung dengan pertahanan dan berhubung dengan pertalian persahabatan. Saya tidak-lah hendak memperkatakan dengan lanjut, hanya saya mengingatkan bahawa sa-bagai sa-buah negara yang kecil seperti Malaysia ini sangat-lah ingin berkehendakkan persahabatan dengan semua negara<sup>2</sup> yang ingin bersahabat

dengan kita. Hanya satu sahaja yang saya suka mengingatkan Kerajaan negara<sup>2</sup> yang lain, ia-itu mereka jangan-lah hendak-nya menchampori tangan di-dalam hal<sup>2</sup> yang berkenaan di-dalam negara kita ini, kerana kita sa-bagai sa-buah Kerajaan yang merdeka dan berdaulat tahu dan mengerti akibat<sup>2</sup> dan baik burok-nya sa-kira-nya kita membuat apa<sup>2</sup> satu keputusan di-dalam negara kita. Maka oleh yang demikian saya menyeru kapada negara<sup>2</sup> sahabat supaya jangan champor tangan di-dalam urusan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyampaikan sedikit ucapan di-dalam Dewan ini berkenaan dengan pembangunan negara kita ini. Kata peri bahasa Inggeris, "Credit is given, where credit is due." Dalam soal ini, saya membangkitkan buku Kajian Samula Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970. Dengan keluaran buku ini maka nyata-lah bahawa janji<sup>2</sup> yang telah di-suarakan oleh Kerajaan Perikatan semenjak ia berkuasa telah memberi sa-penoh<sup>2</sup> perhatian dan pertunjukan kapada ra'ayat jelata. Saya ingin mengeshorkan kapada Kerajaan sa-lain daripada surat<sup>2</sup> khabar, atau pun Jabatan<sup>2</sup> Penerangan mengeluarkan berita<sup>2</sup> di-dalam akhbar<sup>2</sup> menunjukkan perkara<sup>2</sup> yang ada di-dalam buku ini, tetapi pada pendapat saya tidak-lah ra'ayat jelata mendapat perhatian yang sa-penoh-nya, maka oleh yang demikian, bagi melebarkan pandangan dan pengetahuan ra'ayat umum, saya shorkan supaya buku<sup>2</sup> ini di-chetakkan lebih banyak lagi dan di-beri kapada ra'ayat jelata untuk membacha-nya, mudah<sup>2</sup>an tiap<sup>2</sup> makalah yang ada di-dalam buku ini dapat di-semak oleh ra'ayat jelata dan mereka dapat mengetahui apa-kah ada-nya kandungan di-dalam buku ini yang sa-benar<sup>2</sup>-nya; kerana kita dapati ada di-antara Parti<sup>2</sup> Pembangkang yang mengatakan dengan keluaran buku ini ia-lah sa-mata<sup>2</sup> untuk hendak mengekalkan kekuasaan Perikatan; tetapi Perikatan tidak-lah berniat demikian. Perikatan hendak menyerahkan kapada ra'ayat supaya mengetahui benar<sup>2</sup> apa yang di-janjikan oleh Parti Perikatan, maka itu-lah yang di-jalankan-nya.

Jadi, saya minta-lah supaya kalau Kerajaan dapat menguntukkan sedikit wang untuk menjilidkan, atau pun membanyakkan sedikit lagi buku<sup>2</sup> ini supaya di-hantar ka-kampung<sup>2</sup>.

Saya bagi pehak ra'ayat di-kawasan saya mengambil peluang hari ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan dan khas-nya kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini dan juga kepada kakitangan dan kepada Pegawai<sup>2</sup> Daerah dan pegawai<sup>2</sup> di-bawah-nya yang telah bersusah payah, bertungkus lumus berkenaan dengan menjayakan rancangan kemajuan negara kita ini. Hasil daripada Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini, maka terbukti kepada kita, ia-itu banyak perubahan<sup>2</sup> telah berlaku di-dalam negara kita ini, umpama-nya, di-dalam soal ekonomi, di-dalam soal pengangkutan, di-dalam soal perindustrian dan tidak juga kurang-nya di-dalam soal memberi pelajaran kepada anak<sup>2</sup>. Mithal-nya, hari ini kita dapati beratus<sup>2</sup> ribu rumah<sup>2</sup> telah pun di-naikkan, rumah<sup>2</sup> batu dan sa-bagai-nya, kalau di-dapati sa-belum kita menjalankan rancangan ini sangat sedikit rumah<sup>2</sup> batu telah di-naikkan dalam negara kita ini. Ini lagi satu membuktikan bahawa dengan ada-nya rancangan pembangunan ini, maka dapat-lah ra'ayat kita, ra'ayat jelata kita melihat dan memerhatikan dan menduduki di-rumah<sup>2</sup> yang bagini chantek dan endah.

Di-dalam buku ini juga, Tuan Yang di-Pertua, dapat kita saksikan kemajuan yang di-dapati di-dalam soal kenderaan. Mengikut buku ini pada akhir bulan Oktober, 1968, di-dapati sa-banyak 539,400 kenderaan<sup>2</sup> yang ada di-dalam Malaysia Barat sahaja, kalau di-bandingkan dengan tahun 1966 lebih kurang 500,000 sahaja. Ini lagi satu menunjukkan bahawa ra'ayat negeri ini telah meningkat tinggi di-dalam soal penghidupan. Kalau di-bandingkan hari ini dengan penduduk Malaysia Barat di-dapati tiap<sup>2</sup> 16 orang ada mempunyai satu kenderaan. Ini juga tidak termasuk kenderaan<sup>2</sup> seperti motosikal dan basikal.

Berchakap berkenaan dengan kenderaan dan perhubungan ini, saya suka menarek perhatian kepada pelabohan

yang baharu sahaja di-rasmikan, ia-itu Pelabohan Butterworth yang mengan-dongi lima dermaga dan tiga daripadanya telah pun di-rasmikan dan telah pun menjalankan usaha<sup>2</sup>-nya. Jadi, saya rasa patut-lah Kerajaan memandang berat dan mengambil perhatian yang berat di-atas soal ini, kerana perbelanjaan yang di-belanjakan kerana pelabohan ini telah banyak dan di-dapati maseh lagi di-kehendaki kerja<sup>2</sup> yang patut di-jalankan dan di-tolongkan oleh Kerajaan.

Dua daripada dermaga<sup>2</sup> *containerise* ini akan boleh di-gunakan dalam tahun 1969 ini yang mana barang<sup>2</sup> punggahan akan dapat di-percepatkan lagi punggah dan memunggah. Dan yang demikian rancangan, ia-itu rancangan jalan raya Timor/Barat Malaysia Barat ini yang sering kali di-suarakan oleh Kementerian ini, pada pendapat saya patut sangat-lah di-berikan perhatian yang utama, atau *top priority* kerana dengan terdiri-nya pelabohan di-Pulau Pinang ini berkehendakkan bahan<sup>2</sup> perdagangan yang banyak. Jadi, dengan ada-nya perhubungan di-antara Pantai Timor dengan Pantai Barat melalui Jalan Raya East/West, maka tentu-lah perhubungan dan perdagangan daripada Pantai Timor ini dapat di-salurkan menerusi Pelabohan Pulau Pinang. Dan begitu juga ra'ayat di-sa-belah Pantai Barat, Malaysia Barat ini, dapat mengunjongi Pantai Timor dengan lebih senang dan tidak payah mereka itu pergi menerusi atau melalui Kuala Lumpur lagi.

Saya rasa, saya tidak ada nampak di-dalam Anggaran Pembangunan yang lebih kurang \$889 juta ini terchatet satu pun berkenaan dengan rancangan hendak mengadakan pembenaan Jalan Raya Timor/Barat. Maka oleh yang demikian saya ingin-lah hendak mengetahui di-dalam Majlis ini dalam jawapan daripada Menteri yang berkenaan supaya keraguan yang sedang melambongi ra'ayat<sup>2</sup> di-pantai barat ini dapat di-redakan.

Tuan Yang di-Pertua, berchakap berkenaan dengan perdagangan dan perusahaan, kita tahu hari ini sa-bagai sa-buah negara yang membangun dan sa-bagai sa-buah negara yang sedang

mengusahakan perindasterian maka sangat<sup>2</sup>-lah mustahak supaya soal barang<sup>2</sup> masuk dan keluaran ini di-beri perhatian yang berat. Saya maksudkan barang<sup>2</sup> yang datang daripada luar negeri dan di-singgahkan di-pelabohan<sup>2</sup>, umpama-nya, pelabohan Pulau Pinang maka terpaksa-lah barang<sup>2</sup> itu di-masokkan atau pun di-turunkan di-Pulau Pinang dan dengan bayaran 2% Surtax, wal hasil barang<sup>2</sup> ini hanya untok di-turun sementara dan akan di-hantarkan keluar.

Saya teringat pada satu masa Kerajaan telah pun berchadang hendak mengadakan satu kawasan sekatan atau kawasan di-mana barang<sup>2</sup> ini dapat di-simpan sementara dan di-hantar keluar. Jadi, hari ini oleh sebab perkara ini belum lagi di-usahakan oleh Kerajaan hanya ranchangan dan chadangan sahaja maka sangat-lah susah bagi pedagang<sup>2</sup>, pengusaha<sup>2</sup> untok menurunkan barang<sup>2</sup> dan di-hantarkan keluar. Jadi selalu-lah perkara itu kelambatan dan dengan kelambatan itu maka barang<sup>2</sup> perdagangan ini kurang-lah di-bawa di-pelabohan Pulau Pinang. Oleh yang demikian saya suka-lah menchadangkan supaya Kerajaan chuba-lah dengan sa-berapa daya upaya mencheapatkan mengadakan kawasan *bonded area* ini, kawasan menyimpan barang<sup>2</sup> yang samacham ini bagi menyenangkan pedagang<sup>2</sup> memunggah barang<sup>2</sup> buat sementara dan di-hantar keluar.

Tuan Yang di-Pertua, berchakap berkenaan dengan Ranchangan Pelajaran kita berasa shukur hari ini kapada Tuhan bahawa tiap<sup>2</sup> sa-orang murid dan anak negeri kita ini telah di-beri pelajaran sekurang<sup>2</sup>-nya sembilan tahun, dan kita berasa bangga hari ini sa-buah negara yang membangun dapat berbuat demikian. Saya suka menyatakan di-sini untok hendak menyenangkan murid<sup>2</sup> kita belajar dengan sempurna maka saya shorkan supaya bangunan<sup>2</sup> yang telah lama, bangunan<sup>2</sup> yang telah rosak, hendak-lah di-beri perhatian dan hendak-lah di-baiki samula atau pun di-bangunkan sa-mula.

Di-kawasan saya ada mempunyai sa-kurang<sup>2</sup>-nya tiga sekolah primary—sekolah rendah—yang sudah pun ber-

umur tidak kurang daripada 60 atau 70 tahun yang berkehendakkan kapada perhatian yang istimewa. Satu ia-lah Sekolah Jelutong dan semenjak tahun 1958 lagi perkara itu telah pun di-suarakan oleh ra'ayat dan oleh ibu bapa dan oleh Jema'ah Pengurus di-sekolah itu, tetapi entah ka-mana-kah pergi-nya soal ini dan baharu<sup>2</sup> ini perkara ini telah pun di-bangkitkan samula dan saya dapat tahu hari ini, ia itu Kerajaan akan memberi perhatian. Yang saya minta ini supaya Kerajaan jangan-lah melengah<sup>2</sup>kan lagi kerana keselamatan murid<sup>2</sup> di-sekolah itu sangat-lah terancam memandangkan kapada kawasan itu berdekatan sangat dengan jalan raya dan tidak ada lagi tempat<sup>2</sup> yang boleh mengasingkan murid<sup>2</sup> itu apakala mereka ini hendak keluar daripada sekolah. Jadi, saya harap benar<sup>2</sup> Sekolah Kebangsaan Jelutong ini mendapat perhatian yang istimewa daripada Kementerian ini.

Yang kedua Sekolah Jenis Kebangsaan Batu Lanchang, ia-itu sekolah China, ini juga satu sekolah yang telah berumur lebeh kurang 80 tahun yang berkehendakkan kapada pandangan dan perhatian yang istimewa, kerana engineer J.K.R. telah pun menyatakan sekolah ini tidak boleh di-gunakan lagi untok murid<sup>2</sup>. Jadi, saya harap sekolah ini juga dapat di-beri perhatian dengan sa-berapa chepat yang boleh kerana memandangkan kapada keselamatan murid<sup>2</sup> kita.

Bagitu juga sa-buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di-Bayan Lepas yang mana juga hari ini hanya daripada rumah papan dan berbumbungkan atap, sangat kecil dan di-dapati murid<sup>2</sup> telah makin banyak. Saya harap supaya sekolah ini juga dapat di-beri perhatian oleh Kementerian ini dan dengan sa-berapa chepat dapat di-perbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah di-ma'alumkan bahawa askar<sup>2</sup> Commonwealth akan meninggalkan Malaysia beransor<sup>2</sup> mula<sup>2</sup> sekarang dan akan menghabiskan pengundoran itu dalam tahun 1971. Saya hanya suka hendak mengingatkan Kerajaan bahawa kekosongan askar<sup>2</sup> ini atau pun peninggalan askar<sup>2</sup> ini patut-lah di-ganti



dengan askar<sup>2</sup> tempatan. Umpama-nya, di-Penang, Pulau Pinang ada satu tempat di-mana askar<sup>2</sup> Commonwealth ini berada, jikalau mereka ini meninggalkan negeri kita ini tentu-lah tempat itu berada di-dalam kekosongan. Saya meminta supaya Kerajaan menimbang-kan supaya tempat itu di-penohkan dengan askar<sup>2</sup> tempatan, askar<sup>2</sup> Malaysia, mudah<sup>2</sup>an tempat itu dapat di-jadikan tempat berlateh dan sa-bagai-nya, moga<sup>2</sup> kakitangan<sup>2</sup> 'awam yang bekerja di-situ tidak-lah di-berhentikan dan tidak-lah mereka itu menganggor.

Saya menguchapkan berbanyak<sup>2</sup> terima kaseh pada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar atas ikhsan-nya memperuntokkan \$2.3 juta di-dalam Estimate ini kerana membekalkan ayer di-negeri Pulau Pinang. Sa-bagaimana Tuan Yang di-Pertua mengetahui pada tahun 1967 dan tahun 1968 Pulau Pinang itu telah menderita berkenaan dengan kekurangan ayer. Maka oleh yang demikian dengan ada-nya peruntokan \$2.3 juta ini maka kedudokan kekurangan ayer di-Pulau Pinang nanti akan bertambah baik.

Bagitu juga ucapan terima kaseh saya bagi pehak ra'ayat di-Pulau Pinang berkenaan dengan satu ranchangan Kerajaan hendak memanjangkan lapangan terbang di-Bayan Lepas. Saya sunggo<sup>2</sup> berasa gembira hari ini kerana dengan niat yang baik daripada Kerajaan ini maka lapangan terbang Bayan Lepas akan boleh mendaratkan kapal<sup>2</sup> terbang yang besar dan juga akan boleh mendaratkan kapal<sup>2</sup> di-waktu malam. Maka oleh yang demikian saya berharap-lah supaya kerja<sup>2</sup> ini dapat di-laksanakan dengan sa-berapa chepat supaya boleh memberi kesenangan dan kemewahan kepada ra'ayat.

Satu perkara yang patut di-ambil ingatan ia-lah berkenaan dengan apa juga ranchangan yang di-buat oleh Kerajaan, apa juga kejayaan yang di-buat oleh Kerajaan, tetapi tidak patut-lah kita lupakan berkenaan dengan beribu<sup>2</sup> anak<sup>2</sup> muda kita yang sedang menganggor. Ini-lah satu perkara yang patut di-beri perhatian yang lebeh<sup>2</sup> oleh pehak Kementerian yang berkenaan

kerana di-dapati dengan kedudokan yang ada sekarang ini, belia<sup>2</sup> kita sedang menganggor dan dengan penganggoran mereka itu-lah maka beberapa macham chara telah di-jalankan kechurian<sup>2</sup> berlaku dan keadaan<sup>2</sup> negara kita di-kampung<sup>2</sup> selalu berkeadaan di-dalam serba-salah dan berjaga<sup>2</sup>, maka oleh yang demikian, saya harap dengan pembangunan negara yang bagini baik dan dengan usaha<sup>2</sup> Kerajaan yang bagini baik maka kedudokan pemuda<sup>2</sup> kita ini patut-lah di-berikan perhatian oleh Kerajaan.

Jadi, pada akhir-nya saya lagi sa-kali, bagi pehak ra'ayat di-kawasan saya, ingin menyampaikan sa-tinggi<sup>2</sup> tahniah dan terima kaseh kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di-atas usaha<sup>2</sup> yang telah di-berikan kepada negara ini.

**Tan Sri Hajjah Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap):** Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahathan Anggaran Belanjawan Pembangunan yang di-bentangkan di-Dewan ini, suka saya membawa pandangan dalam beberapa perkara yang saya fikir Kerajaan Perikatan patut mengambil langkah yang lebeh giat kerana faedah-nya ada-lah menambahkan hasil negara dan memberi peluang lebeh kerja kepada ra'ayat yang banyak menganggor.

Satu daripada-nya ia-lah berkenaan dengan Perusahaan Perikanan di-wilayah sa-keliling pantai negeri Malaysia dan di-lautan besar. Nelayan<sup>2</sup> di-Langkawi dan Perlis, Selat Melaka dan nelayan kita di-Kelantan dan Trengganu, mereka<sup>2</sup> itu telah susah menchari nafkah di-laut untuk menangkap ikan, kerana nelayan<sup>2</sup> daripada negeri Thai telah masok menangkap ikan di-pantai laut di-negeri kita ini, dan lagi di-Singapura pula telah bersedia mengadakan sharikat<sup>2</sup> besar, menangkap ikan bagi menambahkan hasil negeri-nya serta memberi pekerjaan-nya kepada ra'ayat negeri-nya.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Siam dan Indonesia telah mengadakan Undang<sup>2</sup> yang meluaskan kawasan perayeran-nya sa-luas dua belas batu daripada pantai negeri-nya. Negeri kita maseh lagi belum meluaskan, satu

Undang<sup>2</sup> yang boleh kita meluaskan perayeran di-negeri kita daripada tiga kepada dua belas batu bagaimana negeri<sup>2</sup> jiran kita telah berbuat demikian. Kita mesti lekas meluluskan Undang<sup>2</sup> itu supaya kawasan perayeran dan perikanan negeri kita ini dapat di-kawal bagi faedah ra'ayat dan nelayan negeri kita ini, dan lagi patut Kerajaan kita fikir segera, dari sekarang, menubuhkan satu corporation yang di-beri modal oleh Kerajaan dan ra'ayat bagi menangkap ikan di-lautan besar bagi menambah hasil negara dan memberi pekerjaan kepada ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar Kerajaan hendak mengadakan satu Sharikat Perkapalan Kebangsaan dengan berkongsi dengan satu company tempatan, dan dua buah kapal telah pun di-tempah di-Jepun. Dengan itu saya suka tahu apa-kah langkah yang telah di-ambil dari sekarang untuk melateh anak<sup>2</sup> muda kita yang kelak boleh dapat bekerja sa-bagai kelasi dan lain<sup>2</sup> apakala siap kapal<sup>2</sup> itu kelak. Saya fikir sudah patut kita adakan Marine School dan adakan sa-buah kapal atau kapal bagi melateh anak<sup>2</sup> negeri ini dalam perusahaan dan bidang pengangkutan dan di-laut dan perikanan. Di-buatkan demikian dengan itu saya perchaya ada-lah dapat menampung hasil negara kita dan memberi banyak pekerjaan kepada ra'ayat negeri ini. Saya harap sa-lain daripada kegiatan yang di-tunjokkan dan di-buat oleh Kerajaan di-luar bandar, Kerajaan tidak lupa dalam bidang yang saya sebutkan tadi, ia-itu pengangkutan di-laut dan perusahaan perikanan yang sangat mustahak. Undang<sup>2</sup> meluaskan perayeran negeri kita mesti segera kita luluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat, ia-itu puncha yang besar dan mustahak untuk melaksanakan Pembangunan Negara seperti Malaysia ini ada-lah bergantung kepada tanah yang mana Kerajaan Negeri penoh berkuasa. Tidak shak lagi, sa-lagi Kerajaan<sup>2</sup> Negeri tidak bekerjasama yang chukop rapat, dengan Kerajaan Persekutuan, ranchangan<sup>2</sup> yang hendak di-jalankan akan tergendala, walau pun jalan melalui hutan<sup>2</sup> yang besar dapat di-buat oleh Kerajaan Pusat, tetapi Kerajaan

Negeri tidak memberi kerjasama mengeluarkan tanah kepada pemohon dan pemodal<sup>2</sup> yang layak mendapat tanah atau dengan sebab<sup>2</sup> lain maka lambat di-keluarkan, maka segala ranchangan akan tiada dapat di-jalankan. Kerjasama ada-lah lebeh sukar kalau Kerajaan Negeri itu di-kuasai oleh satu parti yang lain daripada parti yang memerintah Kerajaan Pusat, mithalnya, seperti di-Kelantan sekarang ini. Saya berpendapat ia-itu Ranchangan Pembangunan sama ada jangka pendek atau jangka panjang seperti Ranchangan Lima Tahun maka mustahaklah ada-nya persafahaman politik dan kerjasama yang erat antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Kita tidak mahu ada ra'ayat negeri yang lebeh dapat nikmat kemerdekaan dan ada pula ra'ayat negeri yang menderita dan jauh tinggal ka-belakang dalam lapangan kemajuan seperti di-Kelantan dengan sebab Kerajaan Pusat tidak dapat kerjasama dengan Kerajaan Negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ada-lah sama dengan kawan<sup>2</sup>, saya menjunjung tinggi atas kejayaan<sup>2</sup> Kerajaan dalam usaha-nya mengadakan Pembangunan Negara yang begitu pesat dan dalam usaha-nya meninggikan taraf kehidupan ra'ayat di-negeri ini. Kami kaum wanita di-negeri ini menguchap terima kasih kepada Kerajaan dan menguchap shukor ka-hadrat Allah atas kejayaan<sup>2</sup> Kerajaan dalam memajukan negeri ini dan kejayaan<sup>2</sup> Kerajaan pada memberi layanan terhadap masharakat, meninggikan kehidupan dan kemajuan kaum wanita di-negeri ini seperti tidak berapa lama dahulu kita di-Dewan ini telah berjaya meluluskan satu Undang<sup>2</sup> yang di-namakan Tanggongan Anak dan Isteri dan Undang<sup>2</sup> Penchen bagi Kaum<sup>2</sup> Wanita. Sunggoh pun bayaran gaji sama belum dapat di-laksanakan, tetapi ini kami bershukor walau macham mana pun bayaran gaji sama telah di-terima pada dasar-nya dan di-harap Kerajaan dapat menunaikan janji-nya, untuk melaksanakan, sa-telah kewangan negara mengizinkan. Tuan Yang di-Pertua, saya dapati harga getah telah pun mula naik harga-nya. Ini ada-lah berkat kesabaran kami kaum wanita di-negeri

ini dan di-harap-lah Kerajaan dapat menjaga kesabaran kami sa-lama ini. Terima kaseh.

**Tuan Tan Tsak Yu (Sarawak):**  
Mr Speaker, Sir, I would like to make the following observations.

*Education*—Sir, I am rather disappointed to note that in the Development Estimates for 1969, there is no provision for the introduction of post-primary education for East Malaysia, although it is clearly stated in the Mid-Term Review of the First Malaysia Plan, page 105, under Educational Planning—and I quote: “At the primary and lower secondary levels, Government will continue its policy of providing nine years of education to any child who desires it.”

Sir, it is true that in West Malaysia every child is provided with nine years of education, but in East Malaysia it is only at the primary level that every child is provided with education. At the lower-secondary level, only 30% of the primary school-leavers are provided with education. In my opinion, the Government should not have different treatment in education for East and West Malaysia, particularly when the levels of taxation between East and West Malaysia are being harmonised. Education, Sir, is the fundamental right of every child. Therefore, it is hoped that in the educational planning, three years of lower secondary education should also be provided for every child in East Malaysia who desires it.

*Agriculture*—Sir, now I want to touch on agriculture very briefly. There are millions and millions of acres of land suitable for agricultural purposes in Sarawak, but these are held under the native customary rights which, without title deeds, could not be leased or sold, while others are land hungry in the midst of plenty as described by the Honourable Minister of Finance in his Budget Speech. Sir, in order to meet the needs of farmers and to help solve the unemployment problem in that State, the alienation of agricultural land in Sarawak should be carried out quickly. It is hoped that the Central Government will assist the State

Government of Sarawak in this matter.

*Kuching Port*—Sir, I wish to touch on the Kuching port development. The existing port at Tanah Puteh in Kuching which was built eight years ago is very congested at present. The congestion will get worse in view of the increasing tonnage of cargo being handled at the Port. The berth occupancy of the Port had already reached its optimum. The total number of hours lost by vessels awaiting berth is well over ten thousand per year. This is a serious matter as vessels are costly to operate. Delays in their schedules are costly and wasteful. It would ultimately affect freight to ports where delays occur. The inadequacy of port facilities would also cause losses and inconveniences to shippers and consignees. The congestion in Kuching Port was anticipated since 1963. Careful planning has been carried out for the proposed port development at Pending Point in Kuching. A team of Japanese experts came in 1967 and conducted a feasibility survey which confirmed the suitability of the proposed site. As Kuching Port, Sir, is the main port in Sarawak and a major line of communication in this part of the world, the State Government as well as the Central Government have given the project their blessings. The Kuching Port expansion scheme has been included in the First Malaysia Development Plan and is considered as a priority project. The preliminary stage of the project has been finalised two years ago, and names of firms of consultants have been submitted to the Central Government for approval, but up to date the consultants have not been appointed and the design stage has yet to be carried out. What is the cause for the delay? Is it due to difficulty of obtaining foreign assistance? I understand that a number of foreign Governments have indicated their interest in the scheme, and it should present little difficulty in so far as foreign loans are concerned for the project. Sir, in view of the extreme urgency of the Kuching Port development, and in the interest of Sarawak's economy as a whole, the port expansion scheme at Pending Point in Kuching should be implemented without further delay. Thank you, Sir.

**Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar):** Tuan Yang di-Pertua, disamping saya juga bersama<sup>2</sup> dengan sahabat<sup>2</sup> saya yang telah beruchap terlebih dahulu mengalu<sup>2</sup>kan peruntukan \$889 juta ini untuk pembangunan negara dan juga kawasan<sup>2</sup> di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya ia-itu matlamat<sup>2</sup> yang di-tujui ada-lah jauh lagi kerana pada hari ini walau bagaimana pun apabila di-pandang dan di-kaji dengan chermat dan teliti, ia-itu perenggan yang lebar ada-lah boleh di-dapati di-antara pihak yang berada dengan pihak<sup>2</sup> yang tidak berada. Maka tujuan Kerajaan yang suchi murni telah pun berjalan beberapa tahun dan satu daripada tujuan-nya ia-lah hendak meninggikan taraf<sup>2</sup> hidup bagi semua ra'ayat jelata yang dudok di-dalam negara kita. Pada hari yang lalu, saya telah beruchap dengan pendek dan pada masa ini saya tidak berniat hendak beruchap dengan panjang-nya menyatakan ia-itu di-dalam pengertian ra'ayat jelata pada keseluruhan-nya ada-lah pembangunan ini berma'ana kapada mereka itu kebendaan yang boleh di-lihat yang boleh di-nikmati, bukan-lah berma'ana sabagaimana yang sa-tengah<sup>2</sup> orang yang tidak menggunakan akal yang di-beri oleh Tuhan, ia-itu Kerajaan bubuhkan wang dalam saku baju dia sendiri—tidak begitu: melainkan Kerajaan menggalakkan apa<sup>2</sup> juga kerja<sup>2</sup> perniagaan, perusahaan, pertanian, atau pun nelayan, untuk menjadi satu daripada saluran mereka itu menchari taraf hidup yang lebeh baik dan pendapatan yang lebeh banyak daripada masa<sup>2</sup> yang sudah. Tujuan Kerajaan itu sudah pun di-ketahui di-dalam masa yang lama dan di-sebarkan serata telok rantau dan wilayah di-dalam negara Malaysia ini. Tetapi, saya berasa ia-itu ada tempat<sup>2</sup>-nya, mithal-nya, di-dalam peringkat Majlis<sup>2</sup> Tempatan sa-tengah<sup>2</sup>-nya atau pun Majlis<sup>2</sup> Bandaran sa-tengah<sup>2</sup>-nya atau pun Municipality atau Perbandaran, ia-itu dasar<sup>2</sup> Kerajaan itu ada-lah di-ketepikan, dan amalan dan dasar<sup>2</sup> yang usang dan lapok maseh juga di-pakai lagi.

Jadi, pada rasa saya dan pandangan saya sendiri ia-itu hendak-lah kalau sekira-nya ada kerjasama macham mana yang di-katakan oleh sahabat saya dari Pulau Pinang tadi di-antara Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Tempatan atau pun Kerajaan di-dalam daerah<sup>2</sup>, baharu-lah matlamat<sup>2</sup> yang kita kehendaki itu dapat kita chapai dengan mudah dan senang. Pada perasaan saya, saya tidak-lah menyatakan barang yang tidak ada, kerana saya mengetahui sendiri, ia-itu di-dalam peringkat Majlis Tempatan, perkara<sup>2</sup> ini berlaku, dan saya tidak-lah hendak memanjangkan di-sini walau sa-kali pun pejabat yang menchegeh rasuah sedang berjalan, tetapi Tuan Speaker, rasuah berjalan juga sama. Saya baharu<sup>2</sup> ini mengetahui satu kes, satu contoh yang berlaku di-dalam kawasan saya sendiri, ia-itu sa-orang yang mempunyai tanah yang tidak digunakan telah beberapa lama daripada tahun 1950, 18 tahun lama-nya, maka terbuka-lah dia hati-nya hendak bergerak bersama<sup>2</sup> dengan kawan<sup>2</sup>-nya yang lain supaya dapat kejayaan di-dalam lapangan hidup-nya. Tanah itu telah di-minta-nya mendirikan satu steshen petrol dengan pertolongan MARA dan pertolongan yang lain<sup>2</sup> juga, dan walau sa-kali pun di-dalam dasar sa-panjang jalan itu boleh menjalankan perusahaan sa-macham itu, ahli<sup>2</sup> Majlis Bandaran itu telah mengatakan tidak boleh, dengan alasan konon-nya, ia-itu peminta<sup>2</sup> yang terlebih dahulu yang di-tolak. Dan saya sedang menjalankan penyiasatan saya sendiri, saya minta tahu siapa orang yang minta, di-mana dia minta, bila minta dan bila di-bicarakan, bila ditolak—tidak berjawab. Ini-lah perkara yang berjalan sekarang dudok di-belakang kita. Kerajaan hendak menolong ra'ayat, tempat<sup>2</sup> yang lain hendak menekan ra'ayat. Yang malang-nya, yang aneh sa-kali-nya, yang kena macham itu orang Melayu, bumiputera; kalau sa-kira-nya orang lain dengan sebab saya kata tadi di-tumbok rusok berjalan lagi, barangkali boleh dapat senang sahaja. Saya tidak berani-lah hendak mengatakan ada di-buat, tetapi perkara ini berjalan.

Soalan yang lain yang berkenaan dengan perkembangan dan kemajuan dan pembangunan negara daripada pehak ra'ayat saya tahu, ia-itu ra'ayat pada hari ini, dan kita bersama<sup>2</sup> tahu, sudah pun chelek mata, sudah pun berfikir dengan sendiri, dan ada-lah mengukor wakil<sup>2</sup> yang di-hantarkan ka-dalam Majlis<sup>2</sup> Meshuarat, mithalan, dalam Dewan ini atau pun Dewan Undangan Negeri dalam chermat dan teliti bukan sahaja dia memandang daripada parti, tetapi bahkan juga ia-lah kapada kebolehan chalun<sup>2</sup> yang di-kemukakan-nya. Maka dengan itu kita berharap-lah pada masa yang akan datang chalun<sup>2</sup> yang dapat mendudoki kerusi<sup>2</sup> di-dalam Dewan kita ini akan lebih tinggi dan boleh berganding bahu dengan mana<sup>2</sup> juga wakil<sup>2</sup> ra'ayat di-negeri<sup>2</sup> yang lain. Saya telah menyatakan tadi, ia-itu ra'ayat pada keselu-rohan-nya telah pun chelek mata dan terbuka dan dapat berfikir dengan sendiri, dan banyak daripada perkara<sup>2</sup> yang sememang-nya hendak di-buat oleh Kerajaan tetapi dengan sebab Kerajaan<sup>2</sup> di-dalam lapangan daerah itu banyak-nya macham mana yang telah di-katakan oleh sahabat saya tadi di-beratkan kapada Pegawai Kerajaan, ia-itu sa-bagai Pegawai Daerah maka banyak-lah perkara<sup>2</sup> yang tidak dapat di-jalankan walau pun ada dua, tiga, empat penolong. Jadi, dengan sebab itu walau pun niat kita ada sememang berjalan, tetapi berlaku pelaksanaan maseh belum chukup. Mithalan-nya, di-dalam kawasan saya, di-kawasan saya juga, ada satu kawasan yang bernama Lubok Merbau yang Tuan Speaker sendiri mengetahui sudah meminta talipon lima tahun lama-nya dan telah di-janjikan masa pilehanraya dahulu, talipon itu akan di-beri tetapi pada hari ini belum lagi dapat, walhal kampong itu ia-lah kampong yang terpenchil kemudahan<sup>2</sup>-nya ada di-nikmati oleh kawasan<sup>2</sup> dan kampong<sup>2</sup> yang lain tidak dapat di-nikmati oleh Lubok Merbau ini. Ada jalan, tidak pula di-nafikan langsung, ada jalan daripada Lubok Merbau pergi ke-Kelaneh bagitu bagini, Masjid ada di-bahagikan wang untuk di-baiki, tetapi perhubungan dengan luar mithalan dalam bandar Kuala Kangsar dalam keche-

masan hendak chari teksi atau hendak chari talipon tidak ada. Saya minta-lah ia-itu perkara yang kechil<sup>2</sup> ini kita dahulukan, kerana itu yang menjolok mata bagi ra'ayat jelata pada keselu-rohan perkara yang besar<sup>2</sup> itu tidak dapat mithalan-nya macham kita me-ngatakan ia-itu di-dalam dasar pelajaran kita menggunakan lebih daripada 1¼ daripada hasil negara untuk menyelenggarakan segala usaha<sup>2</sup> kita memberi pelajaran yang baik, yang tinggi, yang patut bersaimbang dengan negeri<sup>2</sup> yang lain kapada anak<sup>2</sup> muda kita, tetapi ini perkara tidak berapa nampak, kadang<sup>2</sup>-nya kita juga sendiri tidak nampak melainkan orang yang bertanggung-jawab saperti Menteri Pelajaran sendiri dia telah mengatakan kapada saya, ia-itu banyak perkara yang di-buat-nya yang tidak tahu oleh orang menolong bagi ra'ayat kita.

Lagi satu perkara yang saya suka hendak sebut di-sini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah perkara kesihatan. Sejak beberapa lama yang lalu boleh-lah katakan baharu juga, kerana Menteri Kesihatan telah meninggalkan jawatan-nya dan Menteri baharu pula telah mengambil tempat-nya, peratoran<sup>2</sup> baharu telah pun di-jalankan, ia-itu fee atau pun bayaran yang di-kenakan kapada hospital<sup>2</sup> semua di-naikkan sahinggakan tidak membolehkan orang<sup>2</sup> ramai mendapat tempat di-dalam hospital. Ini perkara yang sa-benar-nya, kerana saya sendiri telah pergi melawat ka-hospital dan bertanya, berapa awak bayar masok first class, wang perta-rohan kata-nya \$600, kalau tidak chukup habis \$600 itu, dia minta lagi, kalau sa-kira-nya masok lebih, apabila dia keluar hendak dapat itu tiga bulan baharu dapat balek. Ini perkara yang betul, masok mahu keluar tidak mahu, kerana banyak sangat kesat-nya dalam machinery atau pun jentera Kerajaan yang ada, walau sa-kali pun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah bertala<sup>2</sup> mengatakan jangan-lah banyak sangat red-tape, barang yang boleh di-jalankan dalam lima minit kenapa hendak 10 hari, kenapa hendak enam bulan? Saya minta pandangan daripada Menteri Kesihatan, ia-itu bayaran yang ber-lebih<sup>2</sup> ini minta-lah di-kurangkan

supaya menjadi berguna tempat<sup>2</sup> dan juga pusat<sup>2</sup> Kesihatan kepada orang ramai, bukan-nya berguna kepada orang kaya<sup>2</sup> sahaja.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam perumahan—perkara ini telah di-bincangkan dan di-debatkan dengan panjang dan lebar oleh Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat di-dalam Dewan ini, dan saya berasa ia-itu di-dalam lapangan perumahan maseh banyak lagi yang tidak dapat kita selenggara-kan kerana permintaan lebeh banyak; demikian juga-lah saya sebutkan di-dalam kawasan saya sendiri bertalu<sup>2</sup>-lah orang<sup>2</sup> miskin di-sana minta-lah Kerajaan dirikan lagi rumah pangsa atau pun rumah murah, kerana kami tidak dapat hendak membayar sewa tidak ada rumah tidak ada bertanah. Kalau sa-kira-nya, Tuan Yang di-Pertua sabar sa-minit lagi habis tidak payah-lah pukul empat petang pula.

Pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyatakan di-sini ia-itu di-dalam lapangan tanam sa-mula getah walau pun pada hari ini kita telah mengalehkan mengambil aleh supaya kelapa sawit dan tanaman<sup>2</sup> yang lain di-galakkan kerana hendak memperkembangkan kejayaan dan juga pendapatan kepada ra'ayat jelata, patut sangat-lah di-panjangkan umur-nya, kerana banyak beribu<sup>2</sup> ekar yang di-punyai oleh pekebun<sup>2</sup> kechil yang semua-nya boleh di-katakan-lah daripada bumiputera yang belum meng-ambil peluang menanam sa-mula tanah<sup>2</sup> masing<sup>2</sup> dan kalau sa-kira-nya di-tinggalkan begitu, bukan-nya sa-makin lama sa-makin baik kedudukan mereka itu bahkan sa-balek-nya akan lagi mundur, lagi mundur.

Sekian sahaja dahulu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong dengan sa-penoh-nya peruntukan yang di-kemuka-kan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pembangunan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sa-belum per-sidangan ini di-tanggohkan, saya suka menyatakan pada pukul empat petang ini, Menteri<sup>2</sup> mula menjawab. Persi-dangan di-tempohkan hingga pukul 4 petang ini.

*Persidangan di-tanggohkan pada pu-kul 1.00 tengah hari.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan Meshuarat*)

## ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1969

*Perbahathan di-sambong sa-mula.*

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak memberi sedikit penjelasan atas ucapan Yang Berhormat dari Kuala Trengganu berkenaan pelabohan di-Pantai Timor atau di-Trengganu. Satu kajian ber-kenaan dengan pembenaan sa-buah pelabohan di-Pantai Timor telah pun di-jalankan oleh Pakar<sup>2</sup> Pengangkutan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu dan mereka telah berpendapat bahawa tidak ada alasan<sup>2</sup> ekonomi yang kuat sa-bagai memerlukan pembenaan sa-buah pelabohan yang besar di-Pantai Timor Malaysia Barat. Walau bagaimana pun, dengan ada-nya kerja<sup>2</sup> pembangunan di-negeri<sup>2</sup> Pantai Timor kemungkinan bagi mem-bena pelabohan untuk mengendalikan keluaran khas akan di-kaji oleh Kerajaan.

Bagitu juga daripada pihak Yang Berhormat Tuan Tan Tsak Yu dari Kuching, Sarawak, telah juga memberi pandangan beberapa lambat hendak di-mulakan pembenaan port yang baharu di-Kuching atau pun di-tempat yang baharu di-ranchangan di-Pending Point, benarkan saya menjawab dalam bahasa Inggeris kerana ucapan-nya pun dalam bahasa Inggeris—senang dia boleh dapat membacha rekod ini nanti.

Sir, I am happy to inform the Honourable Member, Tuan Tan Tsak Yu from Kuching, Sarawak, that the Government has approved the appointment of consultants for the Kuching Port expansion project. These consultants will undertake the task of designing the project and it will take approximately six months before the project can be tendered. The major portion of the work in this project will

fall in 1970 and 1971, and by that time Kuching can look forward to having a large modern port to cater for its needs.

**Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh (Tuan Lee San Choon)** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, in the course of the debate on the Development Estimates for 1969, some Honourable Members raised a few observations on subjects within the purview of the Ministry of Labour.

The Honourable Member for Batu spoke on the subject of retrenchment of staff and urged that employers should assist retrenched workers in securing alternative employment and that these workers should also be paid for the annual leave which they have not taken. If the Honourable Member is referring to the impending retrenchment at Robinsons, I can assure him that I am already aware of the situation. In fact, the Ministry of Labour had a meeting with the officials of the National Union of Commercial Workers recently to discuss various matters, and my Ministry is doing all it can to see that retrenched workers are given reasonable compensation and other forms of assistance wherever possible.

The Honourable Member for Bukit Bintang suggested that reporters' pay should be increased and that a probe into the matter should be made by the Ministry of Labour. Sir, I am aware of the poor working conditions of some of these newspaper reporters in certain establishments, and my Ministry is keeping a close watch on the prevailing situation. In this country where many newspapers play a vital role in moulding public opinion on a number of issues that face this country and the people, they have a particular and important role to play in developing progressive ideas and attitude. Our newspapers have generally acquitted themselves well in this respect. However, on occasions, when these newspapers have been faced with problems in industrial relation, we in the Ministry of Labour have had a difficult time. We have found it difficult to evoke in them the same progressive idea and attitude that they have demonstrated in other areas. I know

that industrial relation problems are difficult problems, but they should be more easily solved in the newspaper industries than most others that I can think of.

The Honourable Member, Tuan Sim Boon Liang from Sarawak, suggested that an Employment Agency should be set up in Sarawak. As the Honourable Member may be aware, a new Employment Office has recently been set up in Kuching within the Labour Department. It is hoped that both job seekers and employers would make use of the services of the new employment office.

The Member for Muar Dalam called on the Government to implement the Employment Restriction Act at an early date. I wish to inform him that before the Act could be brought into force, various matters such as recruitment and training of staff, setting up of offices, drafting of regulations and devising of various forms required for use, will have to be carried out. Action on these matters is proceeding and, when the machinery is completed, an announcement will be made with regard to the date on which this Act will be brought into force.

With regard to the observation made by the Honourable Member for Melaka Utara regarding the conditions of work of West Malaysian workers in the oil palm plantations in Sabah, I am aware of the conditions under which West Malaysian workers are working in the plantations in Sabah. In fact, the Honourable Minister of Labour himself recently made a visit to the plantations in Sabah and saw for himself the conditions under which these workers are working there. The Malaysian Migration Fund Board is currently studying the matter.

The Honourable Member for Bagan suggested that checks be carried out to prevent exploitation of workers in lodging houses. He mentioned that although the Labour law stipulates an eight hour day and a six-day week for a worker, those employed in lodging houses have to work for more than eight hours a day with no paid holidays

whatsoever. Here, I would like to take this opportunity to explain the relevant provisions under the Employment Ordinance, 1955, relating to this subject. The Employment Ordinance, 1955, covers, among other workers, employees in hotels and lodging houses. The Ordinance stipulates that none of these workers shall be required to work on more than six days or for more than 40 hours in any one week. Further, there is in operation the Wages Regulation (Catering and Hotel) Order, 1967. This Order came into force on 1st July, 1967, and covers employees in hotels, lodging houses, restaurants, eating shops, coffee shops, bars, milk bars, etc. The Order provides for each worker affected by the Order, 21 days sick leave with pay and 10 days paid holidays per year. Inspections under the Order are being carried out by the officers of the Ministry. Approximately 2,072 establishments in West Malaysia are affected by the Order. During the period January, 1968, to November, 1968, 1,235 of these establishments were inspected. The Order also provides for payment of overtime in excess of eight hours a day and for work done on more than six days a week. During the course of inspections, when workers were found to have been underpaid, appropriate action was taken by the officers of the Ministry of Labour to pay their dues correctly. Every effort is, therefore, being made within the sources available to have all catering and hotel establishments inspected annually.

**Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew):** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu telah menyatakan bahawa perkembangan sekolah<sup>2</sup> vocational ada-lah sa-chepat yang di-harapkan. Saya tidak bersetuju dengan pendapat-nya itu, kerana sa-bagaimana terma'alom 11 buah sekolah vocational sudah pun berjalan di-Malaysia Barat dan Kementerian saya sedang meranchangkan untuk membena 6 buah lagi. Walau bagaimana pun pembenaan enam<sup>2</sup> sekolah ada-lah bergantung kepada pinjaman dari Bank Dunia dan rundingan<sup>2</sup> sedang di-jalankan. Suka saya menyatakan di-sini

bahawa ada-lah tanda<sup>2</sup> yang menunjukkan bahawa pinjaman ini akan dapat di-perolehi dalam tahun ini, sa-baik sahaja pinjaman itu di-perolehi pembenaan sekolah<sup>2</sup> itu akan di-mulakan.

Beliau juga menyatakan bahawa Ranchangan Keluarga tidak memberi kesan di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar. Saya ingin menasihatkan Ahli Yang Berhormat itu supaya jangan terburu<sup>2</sup> kerana kesan<sup>2</sup> yang di-risaukan-nya tentu-lah mengambil masa, tambahan pula perkhidmatan Lembaga Peranchang Keluarga belum lagi sampai kepada semua kawasan<sup>2</sup> luar bandar. Walau bagaimana pun dari perangkaan<sup>2</sup> yang di-dapati di-rumah<sup>2</sup> sakit daerah, pusat<sup>2</sup> kesihatan yang ada menyediakan perkhidmatan Peranchang Keluarga. Ada-lah jelas bahawa penduduk<sup>2</sup> luar bandar telah mula datang mengunjongi pusat<sup>2</sup> itu bagi mendapatkan nasehat. Lembaga Peranchang Keluarga Negara sedang meranchang untuk mengadakan perkhidmatan-nya di-tiap<sup>2</sup> rumah sakit daerah dan juga mengadakan lawatan<sup>2</sup> untuk memberi nasehat<sup>2</sup> di-rumah<sup>2</sup> bidan Kerajaan di-luar bandar dalam tahun ini. Dengan berjalan-nya ranchangan itu nanti saya perchaya Peranchang Keluarga akan bertambah di-amalkan di-luar<sup>2</sup> bandar.

Ahli Yang Berhormat Enche' Sim Boon Liang dan Yang Berhormat Enche' Edwin anak Tangkun dari Sarawak telah sa-kali lagi menimbulkan perkara<sup>2</sup> yang di-bawah kuasa dan pentadbiran Kerajaan Negeri mengikut Penyata Perjanjian Antara Kerajaan. Soal bila-kah pelajaran anika jurusan di-mulakan di-Sarawak—soal penyusunan sa-mula pelajaran menengah di-Sarawak dan soal mengajar mata pelajaran sain pertanian seperti seni perusahaan di-sekolah<sup>2</sup> menengah di-Sarawak ada-lah pekerja<sup>2</sup>an yang di-bawah pentadbiran Kerajaan Negeri itu mengikut penyata yang berkenaan. Demikian-lah hal-nya juga dengan pembenaan lebeh banyak lagi sekolah vocational: dalam perkara ini saya suka menyatakan bahawa pembenaan sekolah<sup>2</sup> vocational bermulakan perbelanjaan yang banyak dan latehan yang chukup kepada guru<sup>2</sup> serta murid<sup>2</sup>-nya. Oleh yang demikian buat



sementara ini, tidak-lah dapat di-bena sa-buah sekolah vocational di-tiap<sup>2</sup> Bahagian di-Sarawak; sunggoh pun bagitu sa-buah sekolah vocational sedang di-bena di-Kuching.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengeshorkan supaya Kementerian saya mengambil tindakan bagi menyenggarakan segala ranchangan pelajaran tinggi di-negeri ini. Untuk ma'aloman Ahli Yang Berhormat itu, ini telah pun di-jalankan. Sa-buah Majlis Pelajaran Tinggi telah pun di-tubuhkan bagi menasehatkan saya berkenaan dengan-nya, dan Majlis ini berhubung rapat dengan bahagian peranchang dan penyelidekan di-Kementerian saya. Beliau juga bertanya mengapa Universiti Malaya mengurniakan Darjah Doktor Ilmu Hukum yang terhormat pada hal tidak ada Faculty Undang<sup>2</sup> di-Universiti itu. Saya ingin menjelaskan bahawa tidak-lah sa-mesti-nya sa-sabuah Universiti itu mengadakan Faculty dalam satu<sup>2</sup> jurusan terlebih dahulu sa-belum boleh mengurniakan Darjah Kehormat dalam jurusan itu. Ini bukan-lah perkara luar biasa. Umpama-nya, ini pernah di-lakukan Universiti Malaya di-Singapura yang lalu dan Universiti<sup>2</sup> lain juga.

Ahli Yang Berhormat Enche' Tan Tsak Yu daripada Sarawak menyatakan dukachita-nya kerana anggaran pembangunan Kementerian Pelajaran bagi tahun ini tidak ada peruntokan perbekalan bagi pelajaran menengah di-Malaysia Timor—ini tidak benar. Kepala 122, pechahan-kepala 41 meng-untokkan \$4.4 juta bagi Sekolah<sup>2</sup> Menengah di-Sarawak. Pechahan-kepala 42 menguntokkan \$130,000 bagi Bantuan<sup>2</sup> Modal kepada Badan<sup>2</sup> Pelajaran Menengah dan, Pechahan-kepala 45 pula menguntokkan \$500,000 bagi Pelajaran Teknik dan Perniagaan di-Sarawak.

Bagi Sabah pula \$3.6 juta ada-lah di-untokkan bagi Ranchangan<sup>2</sup> Sekolah Menengah, \$213,000 bagi Ranchangan Sekolah Rendah, dan \$600,000 bagi Pemberian Modal kepada Sekolah<sup>2</sup> Menengah yang Menerima Bantuan.

Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Selatan meminta supaya seko-

lah<sup>2</sup> yang lama di-bena sa-mula, atau di-perbaiki dengan sa-berapa segera, terutama di-kawasan pilehanraya-nya. Saya suka menyatakan bahawa kerja<sup>2</sup> ini memang-lah di-utamakan dalam Ranchangan Pembangunan kita dan tindakan bagi menggantikan, atau membena sekolah<sup>2</sup> lama di-kawasan pilehanraya itu akan di-ambil tindakan dengan segera.

**Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan (Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan telah meminta di-adakan sa-buah Pusat Kesihatan di-Selendar dan ward dan tempat<sup>2</sup> menunggu bagi orang<sup>2</sup> kenamaan, ia-itu V.I.P. di-Rumah Sakit Umum Melaka. Perkara ini, Kementerian Kesihatan akan mengambil perhatian dan akan membena dengan sa-berapa segera-nya yang boleh.

*(Dengan izin):* The Honourable Member for Kluang Utara has asked the Minister of Health to increase the number of wards and the number of staff for the Hospital in Kluang because of the present shortage of beds and because the Hospital is under-staffed with medical and para-medical personnel. The District Hospital, Kluang, has 267 beds and the daily average number of patients in 1968 was 223. This gives an occupancy rate of 83 per cent. The Hospital is, therefore, not considered over-crowded. Possibly, some sections of the Hospital may, on occasions, be found inadequate for certain types of patients, but this does not at the moment warrant the provision of additional beds.

The staffing position today, as compared with four years ago, is as follows:

Medical Officers ...	3 in 1964, but 6 in 1969, including one Physician and one Surgeon.
Nursing Sisters ...	1 in 1964; now 3.
Nurses ...	12 in 1964; now 23.

In addition, there are 19 Assistant Nurses, 12 Midwives, 12 qualified Hospital Assistants, 11 Probationer Hospital Assistants in training, one

Radiographer, two Dispensers, one Junior Laboratory Assistant, one Hospital Administrator and one Superintending Pharmaceutical Chemist.

The Honourable Member will, therefore, appreciate that the staffing position of this District Hospital has since improved considerably. However, my Ministry will further improve the staffing position of the Hospital when more trained staff become available.

**Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Lipis telah sekali lagi meminta supaya pakaian Polis di-perbaharui dan supaya perumahan, gaji dan masaalah perkara kebajikan mereka di-baiki dalam masa dua atau tiga tahun yang akan datang ini. Sa-bagaimana yang saya telah sebutkan beberapa hari dahulu, perkara pakaian baharu ini ada-lah di-dalam kajian Ibu Pejabat Polis Malaysia; dalam pada itu seluar pendek akan di-gantikan dengan seluar panjang dalam tahun ini juga.

Berkenaan dengan gaji, ini tidak dapat-lah di-timbangkan pada masa ini bagi satu Jabatan sahaja dengan tidak mengkaji akibat-nya kepada Jabatan<sup>2</sup> yang lain.

Berkenaan dengan masaalah rumah kediaman ahli<sup>2</sup> angota Polis, saya suka, Tuan Yang di-Pertua, sebutkan di-sini, ia-itu sa-jumlah besar daripada wang yang telah di-untukkan bagi pembangunan bagi pehak Polis, ia-itu 61.23 peratus daripada jumlah wang yang di-anggarkan, ia-itu \$17,531,001 ada-lah di-sediakan atau pun di-untukkan bagi mengadakan rumah<sup>2</sup> bagi kaki<sup>2</sup>-tangan Polis, dan sa-lama empat lima tahun ini pehak kita telah bergiat sungguh bukan sahaja mengadakan rumah<sup>2</sup> baharu yang sesuai bagi masa ini bagi kaki<sup>2</sup>-tangan pehak polis tetapi telah memperbaiki juga banyak rumah<sup>2</sup> yang maseh di-dudoki oleh mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson meminta supaya satu Pejabat

Immigration di-buka di-Port Dickson untuk memudahkan perjalanan di-antara Malaysia dengan Indonesia melalui pelabohan itu. Mengenai permintaan ini, saya suka-lah menyatakan bahawa pehak Immigration ada-lah sedang mengkaji perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam telah meminta supaya Undang<sup>2</sup> Permit Pekerja di-kuat-kuasakan sa-chepat mungkin dengan chergas untuk menchegeh pekerja<sup>2</sup> asing dari mengambil peluang<sup>2</sup> kerja yang terbuka kepada warganegara Malaysia. Sa-bagaimana Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat ma'alum Undang<sup>2</sup> Sekatan Kerja telah di-luluskan oleh Dewan ini dahulu dan Kementerian Buroh sekarang ini sedang berusaha untuk mendapatkan kaki<sup>2</sup>-tangan membuat berbagai persediaan bagi melaksanakan undang<sup>2</sup> ini dalam sadikit masa lagi.

Ahli Yang Berhormat Tuan D. A. Dago anak Randan dari Sarawak telah mengeshorkan supaya tarikh penukaran Kad Pengenalan Baharu di-lanjutkan, oleh kerana banyak lagi orang, kata-nya, di-Sarawak belum menukarkan Kad Pengenalan mereka. Tuan Yang di-Pertua, ranchangan menukar kad pengenalan untuk pendudok<sup>2</sup> negeri Sarawak mula<sup>2</sup>-nya di-anggarkan memakan masa sa-lama sa-tahun sa-tengah sahaja mulai bulan Mach tahun 1966, tetapi memandang kapada sebab ada beberapa banyak pendudok<sup>2</sup> di-Sarawak yang tinggal jauh di-kawasan<sup>2</sup> yang terpenchil, maka maseh belum di-daftarkan lagi, maka tarikh tersebut telah di-lanjutkan sa-lama sa-tahun lagi dan telah berakhir pada akhir bulan October tahun 1968 dengan di-pinda Sekshen 27 National Registration Regulations, Sarawak, tahun 1966; oleh sebab masa yang diberikan itu ada-lah memadai untuk penukaran tersebut di-jalankan, maka tidak perlu apa<sup>2</sup> lanjutan di-buat lagi. Dalam pada itu saya mendapat tahu Surohanjaya Pendaftaran mengatakan bahawa lebeh daripada 95% pendudok<sup>2</sup> Sarawak telah pun menukarkan Kad Pengenalan mereka dan sa-takat ini tidak ada apa<sup>2</sup> permohonan untuk di-lanjutkan masa telah di-terima dari

pehak Kerajaan Negeri Sarawak. Ahli Yang Berhormat itu juga meminta supaya di-perluaskan tempat untuk gambar di-tengah<sup>2</sup> kad pengenalan itu di-besarkan supaya gambar<sup>2</sup> itu boleh di-perlihat dengan jelas.

Di-bawah Control of Photograph Regulations, 1966, ukoran gambar yang di-tetapkan untuk kad<sup>2</sup> pengenalan ialah  $1\frac{1}{2}'' \times 1\frac{1}{4}''$ . Ukoran ini ada-lah di-anggap sesuai.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara telah menyatakan, merojok, kapada kesukaran yang di-hadapi oleh nelayan<sup>2</sup> di-Pantai Timor bersabit dengan kemasokan nelayan pukat tunda daripada negeri Thai ka-wilayah perikanan mereka dan nelayan<sup>2</sup> Thai itu datang siang hari kata-nya dan kadang<sup>2</sup> merampas ikan tangkapan nelayan Malaysia dan juga merosakkan jala<sup>2</sup> mereka. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini ada-lah di-dalam perhatian Kementerian malahan tindakan telah pun di-ambil oleh pehak<sup>2</sup> Polis dalam mana dua hari dahulu dua orang daripada nelayan<sup>2</sup> daripada negeri Thai yang menjalankan perbuatan menangkap ikan dengan chara haram di-kawasan wilayah perayeran kita telah di-tangkap dan telah di-tudoh di-Mahkamah, dan dalam tahun 1968 pun pehak Polis tidak ketinggalan juga meronda dan mengambil tindakan terhadap nelayan<sup>2</sup> yang menjalankan penangkapan ikan dengan sa-chara haram di-kawasan di-Pantai Timor di-wilayah perayeran kita dan sa-takat yang saya tahu tidak kurang daripada 63 orang telah di-tangkap pada tahun itu dan telah di-tudoh dan di-kenakan hukuman di-dalam Mahkamah.

**Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Untuk penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah pehak Polis menghantar motor<sup>2</sup> boat yang laju bagi mengawasi pencherobohan pukat tunda Siam itu, kerana motor Polis yang ada di-Trengganu sekarang ini kurang begitu laju?

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini memang ada dua motor boat PA kelas satu di-Tumpat dan satu lagi di-Kuala Trengganu, tetapi saya bersetuju-lah dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu bahawa motor boat ini tidak-lah

begitu laju boleh mengejar perahu<sup>2</sup> nelayan yang menjalankan penangkapan ikan yang chara haram, tetapi dalam pada itu arahan telah di-buat supaya satu motor boat kelas PX yang laju yang di-jangka boleh mengejar perahu<sup>2</sup> ini di-hantar dengan sa-berapa segera ka-wilayah itu dan juga saya suka-lah menyatakan tidak lama lagi kita akan melancarkan 4 lagi motor boat kelas PX dan di-harapkan sekurang<sup>2</sup>-nya satu daripada 4 yang akan di-lancarkan ini akan di-tempatkan di-kawasan Pantai Timor.

Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara telah menhadangkan supaya Kerajaan mengkaji sa-mula pengampunan atau pun amnesty yang telah di-adakan di-Baling supaya, kata dia juga, mengadakan pertemuan untuk persetujuan keamanan dengan Chin Peng. Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum satu Kertas Puteh telah pun di-keluarkan oleh Kerajaan yang menunjukkan, ia-itu anasir<sup>2</sup> sabversif di-kawasan sempadan dan juga di-dalam negeri ini telah menitek beratkan kegunaan keganasan atau pun kekerasan bagi melaksanakan tujuan mereka untuk menubohkan satu Kerajaan di-luar Perlembagaan; oleh kerana itu saya berpendapat waktu ini bukan-lah masa-nya lagi Kerajaan untuk mengadakan rundingan dengan ketua<sup>2</sup> anasir<sup>2</sup> jahat itu atau pun bagi membuat pengampunan beramai<sup>2</sup> terhadap pengganas<sup>2</sup> di-sempadan Thai dan Malaysia. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Tuan Khaw Kai-Boh)** (dengan izin): Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Tanjong made a reference to the collapse of flats at Ronen Point in London in connection with the use of industrialised housing system. It is not quite correct to say that the collapse occurred on the slightest explosion. This collapse was caused by a gas explosion and was a subject of an official enquiry whose report is with us. Having gone through the report, our technical officers report that as we do not use gas in the same way as in the United Kingdom and other European countries, the chances of a collapse through a gas explosion

are nil. The contractors have given a six years' guarantee against any structural faults and, therefore, the Honourable Member may rest assured that such a collapse is not possible. In fact, I have given this assurance when I visited the Penang Rifle Range Scheme recently, and the Honourable Member for Tanjong should have got the answer to his question had he read the news reports both in the Penang and other Malaysian newspapers.

The Honourable Member for Bukit Bintang referred to the problems facing various small scale industrial operators within the Kuala Lumpur Municipality, particularly in respect of the issue of licences and the prosecutions of persons from time to time for operating businesses or trades without a licence. He also indicated that the main reason for the non-approval of licence is due to the contravention of zoning. Mr Speaker, Sir, the Municipality of Kuala Lumpur has at present 642 acres of land zoned for the business and trade activities of the nature referred to by the Honourable Member. It has also set aside 1,648 acres for future use for such purposes. This is more than ample for the present and future population of Kuala Lumpur. In order to achieve the planned and orderly development of the city, it is intended that these traders should be located in specific areas in various parts of the Municipality where they can operate conveniently and efficiently. Unfortunately, Mr Speaker, Sir, these persons have repeatedly failed to take heed of the Municipality's requests to seek land in these areas. It must not be overlooked that the Municipality is a statutory body with a duty and responsibility to be carried out in accordance with the law. In fact, Mr Speaker, Sir, the Municipality, on this Ministry's intervention, has almost invariably extended a large number of applications for licences from year to year, and many have been granted such extensions for ten years already, in the hope that they would move to alternate sites. However, these persons have persisted in remaining in the present localities which are intended for other equally if not more important land use. Consequently, the

Kuala Lumpur Municipality has been forced to take the necessary action in accordance with the law. Failure to do so, Mr Speaker, Sir, would result in the mushrooming of such businesses and trade all over the city and would lead to corrupt practices in respect of these areas.

With reference to the allegation that big industrial concerns are favoured in preference to small industrial operators, there is absolutely no truth in this allegation since all persons, irrespective of the size of business or type of firm, are prosecuted if they failed to comply with the law. The firm referred to by the Honourable Member are in the proper zones . . . . .

**Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang)** (*dengan izin*): On a point of clarification, Sir. Many of them have applied for licences but the licences were turned down. In addition, many of them have applied for the industrial sites set aside by the Municipality, particularly in the Wardieburn Estate. But to-date, Sir, many of them have not received a definite reply as to whether they would be given such sites or not. On their behalf, I would like to appeal to the Honourable Minister to use his good office to make sure that they could get those sites and, until those sites are available to them, they would like to appeal very much that they would not be brought to Court and make to pay very heavy fines.

**Tuan Khaw Kai-Boh:** Mr Speaker, Sir, I have already stated some of these firms have had the extension of their licences for as long as about ten years already and, therefore, the extension of licences cannot be conditional upon the granting of the sites referred to by the Honourable Member, although this Ministry is doing its utmost to zone out and allocate the number of lots in the Wardieburn Estate for this particular purpose but, nevertheless, it is not possible for this Ministry to direct the Municipality, because the latter is an autonomous independent authority and, where there are extenuating circumstances, as I have stated earlier, Sir, the Ministry would request the Municipality to give due consideration for a

temporary extension. At any rate, Sir, I have taken note of what the Honourable Member has said and will, as far as possible, in each individual case in accordance with its merits, persuade the Municipality to exercise a certain amount of discretion in respect of the extension of the respective licences.

As I said just now, the bigger firms referred to by the Honourable Member, are in the proper zones and their principal activity is the commercial sale and administration of motor vehicles. The service facilities they provide are of an ancillary use. With regard to the Wardieburn Industrial Estate, referred to by the Honourable Member just now, several applications have been received for land here and these have been processed, and it is expected that the Estate will be opened within this year.

With reference to Jalan Imbi, action has already been taken to examine the land used along this road, and recommendations are being made to me in the Ministry with certain recommendations from the Federal Capital Commissioner in charge of the Municipality.

As regards the parking meters, this has been fully answered in reply to a question earlier in this House.

The Honourable Member for Bagan, in saying that the low cost flats to be built in Chain Ferry Road, Butterworth, are inadequate for the large families to be rehoused in these flats, does not realise that there is just not enough money to build low-cost dwelling to suit the varying needs of the low income group. I think we in Malaysia should consider ourselves extremely fortunate, from my experience in visiting many foreign countries, in that we, in fact, have such a programme at present being offered to the people at extremely favourable terms and with considerable subsidies from the Federal Government to those who are fortunate enough to come under this category. The flats in Chain Ferry Road have been designed in accordance with the Ministry's policy on low-cost housing and should meet the needs of the Penang State Government in rehousing displaced squatters and others in the low income group.

Butterworth is being well-catered for with the following projects: the first one is Mak Mandin, which has been planned in conjunction with the development of that industrial site; the first phase has 240 units, which are almost reaching the final completion, and with the second and third phase of equivalent number of units, Chain Ferry Road flats have 480 units including 120 shops.

With reference to the suggestion by the Honourable Member for Melaka Selatan that the Ministry of Local Government and Housing should take over the MARA housing programme, I wish to inform him that this Ministry has already communicated with MARA, so as to avoid duplication of effort and conflict in housing policies. A meeting between the Chairman of MARA and myself will take place as soon as the report of the Belgium Technical Mission is finalised, as the Report has considerable bearing on the type of houses proposed to be handled and of considerable interest to MARA.

With regard to the allegation by the Member for Kuala Kangsar that a number of Local Authorities disregarded Central Government and State Government policies, all I can say is that, as Local Government is a State matter under our Constitution and is therefore within the jurisdiction of State Governments, it is for the State Government to reprimand the errant Local Authorities.

With reference to his remarks that the Town Council of Kuala Kangsar rejected an application for a petrol station on unreasonable grounds, all I can say is that this is again a matter for the State Government of Perak for that Government's intervention and for the State Government to stipulate clearly the policies within which Local Authorities should consider such cases. At any rate, the Honourable Member is already in correspondence with the State Government on this matter, and my Ministry is fully aware of this.

With regard to the Honourable Member's remarks that the demand for housing in this town exceeds supply, all I can say is that the demand for housing exceeds supply throughout all

parts of the world. The Ministry of Local Government and Housing will, however, endeavour to do its best to gradually restore the supply and demand position.

**Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan<sup>2</sup> dan juga masaalah yang di-bangkitkan oleh Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, saya mulakan dengan Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara yang telah menhadangkan supaya Sungai Kesang diperbetulkan dan dapat-lah di-gunakan untuk di-buang ayer daripada Melaka dan kawasan Muar.

Satu item telah pun di-masokkan dalam Anggaran Pembangunan, 1969, ini, Kepala 135, Pechahan-kepala 85, ia-itu Rancangan Pemuliharaan Lembah Kesang dengan peruntukan sa-banyak \$200,000 bagi tahun 1969. Rancangan ini termasuk-lah kemajuan<sup>2</sup> kapada Sungai Kesang sa-bagaimana yang di-shorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah pun mengeshorkan supaya Kerajaan tolong membeli baja<sup>2</sup> di-bawah Rancangan Bantuan Untuk Peladang<sup>2</sup> supaya mereka itu tidak di-tipu oleh penjual<sup>2</sup> runchit dengan mengenakan bayaran yang tinggi. Bantuan<sup>2</sup> baja telah pun di-beri untuk tanaman utama, termasuk padi, getah, kelapa, buah<sup>2</sup>an dan nanas, walau pun ia-nya di-beri hanya kapada Kumpulan<sup>2</sup> Kechil Petani di-kawasan<sup>2</sup> yang di-pilih sahaja. Ada banyak perlumbaan di-dalam penjualan baja<sup>2</sup> dan berbagai<sup>2</sup> jenis-nya yang di-jual dengan harga yang berlawanan<sup>2</sup>, bagaimana pun di-mana petani itu membeli baja dengan berhutang maka harga baja itu tentu-lah tiada sa-rupa dengan harga pasaran yang sa-benar-nya. Kerajaan ada-lah berusaha untuk membetulkan masaalah<sup>2</sup> ini daripada satu masa ka-satu masa dan Kerajaan juga berikhtiar menambahkan bantuan<sup>2</sup> berkenaan dengan bantuan baja dan lain<sup>2</sup> ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah meminta supaya meluaskan lagi perusahaan memperoses ikan dan keropok untuk di-jual ka-luar negeri, dan beliau

juga telah pun menhadangkan supaya daging di-peroseskan, di-buat satay, sa-bagaimana yang telah di-lakukan di-Singapura. Bahagian Kaji Teknik Makanan Kementerian ini telah pun memulakan ranchangan<sup>2</sup> bagi membuat penyelidekan ka-atas chara<sup>2</sup> hendak memperoses ikan dan menambah barang<sup>2</sup> makanan baharu, sa-lain daripada keropok. Maka untuk tujuan ini, satu Kilang Perintis untuk memperoses akan di-adakan di-Kuala Trengganu. Kerja bagi membuat bangunan yang berkaitan sudah pun di-mulakan dan di-jangka akan siap dalam tahun ini. Ada-lah di-jangka Kilang Perintis ini akan boleh di-gunakan bagi membuat penyelidekan ka-atas perkara<sup>2</sup> yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat itu, lebeh kurang dalam bulan Julai tahun ini. Penyelidekan sudah pun di-mulakan bagi perkara yang kedua, ia-itu membuat satay dan lain<sup>2</sup>, dan saya suka-lah menyebutkan makmal bagi bahagian ini yang baharu ia-itu di-Serdang telah pun di-siapkan dan pekerjaan di-dalam makmal itu telah dapat di-mulakan.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru Barat telah menegor berkenaan dengan ranchangan pawah binatang<sup>2</sup>, kata-nya ranchangan ini tidak-lah begitu berjaya oleh sebab kita maseh lagi mengimpot kerbau lembu daripada luar negeri. Beliau juga telah menhadangkan supaya menchari satu kawasan sa-ribu ekar untuk di-jalankan sa-chara F.L.D.A. dan di-bawah ranchangan ini boleh-lah di-pilih beberapa orang peserta di-berikan 10 ekar tiap<sup>2</sup> sa-saorang. Sa-benar-nya pembiakan lembu dan kerbau di-dalam negeri ini telah pun mendapat kejayaan yang besar, kalau sa-kira-nya kita kajikan pengurangan kemasokan lembu dan kerbau daripada luar negeri. Pada masa yang sudah<sup>2</sup> kita terpaksa membawa lembu dan kerbau masuk ka-dalam negeri ini dengan banyak-nya, tetapi pada masa sekarang chuma bilangan yang kechil sahaja yang di-bawa masuk lagi untuk menambah keperluan protein di-dalam negeri ini. Walau macham mana pun sa-lain daripada mengadakan ranchangan pawah bantuan<sup>2</sup> dan sa-bagai-nya, Kementerian saya sedang mengkaji masaalah

mengadakan Animal Production Institute, ia-itu mencari jalan dan ikhtiar bagaimana binatang<sup>2</sup> ini dapat dikeluarkan dan di-adakan dengan banyak di-dalam negeri ini. Perundingan sedang di-jalankan dengan dua-tiga buah negara sahabat yang ingin melihat institute ini berada di-dalam negara ini dan yang ingin memberi bantuan kepada kita, dan perundingan ini sedang berjalan dengan baik-nya dan di-harap tidak berapa lama lagi kita akan dapat menentukan atau memutuskan berkenaan dengan penubohan institute pengeluaran binatang<sup>2</sup> ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak telah membangkitkan berkenaan dengan beberapa ranchangan<sup>2</sup> dan juga bantuan<sup>2</sup> untuk hasil<sup>2</sup> pertanian atau tanaman pertanian di-dalam negeri itu dan mengatakan pembahagian bantuan<sup>2</sup> itu tidak di-jalankan dengan baik-nya atau sama rata. Beliau juga menyatakan bantuan itu tidak di-beri kepada semua jenis tanaman tetapi chuma kepada getah dan satu dua tanaman lain sahaja. Beliau itu telah pun bertanya atau ingin mengetahui mengapa-kah bantuan tidak di-berikan kepada penanam sagu di-dalam negeri Sarawak. Dengan wang yang sangat terhad yang telah di-peruntokkan bagi bantuan<sup>2</sup> untuk pengeluaran pertanian, sa-tengah<sup>2</sup> tanaman terpaksa-lah di-tinggalkan bagi sementara dan tidak di-masokkan ka-dalam ranchangan bantuan, tetapi tanaman<sup>2</sup> yang mustahak dan penting sa-umpama getah, padi dan beberapa jenis tanaman yang lain bantuan ada-lah di-beri dan diteruskan sejak beberapa tahun yang sudah ini. Berhubung dengan masaalah bantuan kepada perusahaan sagu, perkara itu insha' Allah akan di-kajikan oleh Kementerian ini dan saya akan berunding dengan Kerajaan Sarawak berhubung dengan masaalah ini.

Ahli itu juga telah menyatakan, ia-itu patut-lah di-beri latehan kepada penuntut<sup>2</sup> yang lulus Form III supaya mereka itu dapat menjalankan perusahaan pertanian di-dalam negeri itu. Sarawak sa-buah negara pertanian adalah mustahak mengadakan pelajaran<sup>2</sup> berkenaan dengan pertanian ini. Keutaman telah pun di-beri kepada

pelajaran vocational di-dalam ranchangan pembangunan negara ini, dan menitek berat latehan pertanian. Penubohan sekolah<sup>2</sup> pertanian di-beberapa tempat di-Malaysia sedang dikaji dan ada beberapa kesulitan yang harus, di-atasi, ini termasuk-lah kewangan untuk membeli tanah dan mendirikan rumah<sup>2</sup>, kelengkapan<sup>2</sup>. Bagi mendapatkan guru yang terlatih dan layak ada-lah juga menjadi satu masaalah bagi melancarkan atau menjayakan ranchangan<sup>2</sup> itu. Walau macham mana pun, pihak Kementerian saya telah pun menjalankan ikhtiar bagi menambahkan pengeluaran atau pun kemasokkan penuntut<sup>2</sup> ka-dalam sekolah<sup>2</sup> yang ada di-dalam negeri ini, dan boleh di-katakan sekolah<sup>2</sup> itu telah pun di-tambah penuntut<sup>2</sup>-nya lebeh kurang tiga kali ganda apa yang kita terima dua tiga tahun yang lepas ini. Dengan keadaan ini saya percaya dapat-lah kita menyelesaikan sa-tengah daripada masaalah<sup>2</sup> itu.

Ahli Yang Berhormat daripada Sabah ingin mengetahui mengapa-kah tali<sup>2</sup>ayer di-tanggoh, tali<sup>2</sup>ayer tidak di-jalankan di-Keningau dengan sebab di-sana kata-nya ada tiga ribu ekar tanah bendang atau sawah, peladang<sup>2</sup> dan petani di-sana juga ingin menjalankan ranchangan menanam padi dua kali sa-tahun, tetapi tidak dapat berbuat demikian dengan sebab kekurangan ayer. Di-bawah Kepala 135 Anggaran Pembangunan Pechahan-kepala 102, kerja<sup>2</sup> taliayer untuk padi manchadangan peruntokan sa-banyak \$480,000 untuk taliayer bagi 1,200 ekar tanah bendang yang bertaboran di-kawasan utara Keningau. Kerja<sup>2</sup> ini termasuk-lah diversion dan intake ka-atas Sungai Apin<sup>2</sup> dan yang telah di-mulakan dalam tahun 1965 dan di-jangka siap dalam tahun 1970. Penyiasatan sedang di-jalankan untuk tanaman padi di-kawasan<sup>2</sup> lain di-Sabah dengan sebab dua tahun yang sudah, saya telah pun membawa beneh padi yang dapat di-tanam dua kali sa-tahun ka-Sabah dan kawasan<sup>2</sup>, sa-umpama di-Kota Belut dan lain<sup>2</sup> telah pun di-mulakan tanaman dua kali sa-tahun dan telah mendapat kejayaan, dan ranchangan penanam

padi dua kali sa-tahun ini akan di-luaskan ka-seluruh negeri Sabah sekiranya keadaan mengizinkan.

Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak Enche' Dago ingin mengetahui mengapa-kah ranchangan menanam padi dua kali sa-tahun di-Sarawak tidak dapat di-jalankan. Sa-benar-nya, saya telah juga menghantar benih padi jenis Mahsuri dan Malinja ka-Sarawak dan di-dapati tanaman jenis padi ini ada-lah baik, chuma kawasan<sup>2</sup> yang dapat taliayer yang baik berkurangan di-sana dan ini telah pun di-baiki daripada satu masa ka-satu masa. Saya perchaya dalam masa dua tiga tahun akan datang ini kawasan tanaman padi dua kali sa-tahun di-Sarawak dan Sabah akan dapat bertambah dengan luas-nya daripada apa yang ada pada hari ini. Terima kaseh.

**Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi jawapan sedikit sahaja kepada Ahli Yang Berhormat dari Sitiawan dan juga Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengenai chadangan kedua<sup>2</sup> orang Ahli Yang Berhormat itu berhubung dengan masalah tanah.

Ahli Yang Berhormat dari Sitiawan telah menchadangkan supaya Perlembagaan Malaysia di-ubah dan apabila di-ubah, Kerajaan Pusat boleh meng-usai masalah memberi tanah kepada *private enterprise* kepada ra'ayat dan lain<sup>2</sup>. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pula telah menimbulkan masalah yang lebeh luas lagi daripada apa yang baharu saya nyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dalam keadaan sekarang Kerajaan Pusat dan Kerajaan<sup>2</sup> Negeri dalam Malaysia ini dapat menjalankan pembangunan negara kita membuka tanah dan lain<sup>2</sup> dengan mengikut Perlembagaan yang ada dan mengikut undang<sup>2</sup> tanah yang ada, maka Kerajaan berpendapat chadangan<sup>2</sup> daripada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat berdua itu tidak boleh di-terima. Jika Perlembagaan kita kita ubah, dan kita rampas kuasa Kerajaan<sup>2</sup> Negeri akibat burok akan timbul di-dalam negara kita. Apabila mula<sup>2</sup>-nya Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan kemudian Persekutuan

Malaysia perjanjian di-antara negeri<sup>2</sup> sakalian dan Kerajaan Pusat telah pun di-maktubkan di-dalam satu Perlembagaan.

Perlembagaan ini satu *sacred document* dan kita chuma boleh mengubah-nya, meminda-nya, membaharui-nya jika kepentingan negara sangat<sup>2</sup> mendesakkan perubahan atau pun pindaan itu. Memang mungkin ada berlaku permohonan<sup>2</sup> kepada tanah lambat di-selesaikan tetapi rekod pembangunan ekonomi di-dalam negara kita telah menunjukkan bahawa syarat<sup>2</sup> yang terkandung dalam Perlembagaan kita bukan menjadi satu halangan kepada ranchangan<sup>2</sup> yang telah di-buatkan oleh Kerajaan.

Baharu<sup>2</sup> ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengishtiharkan berjuta<sup>2</sup> ekar tanah yang akan di-buka di-Malaysia Barat bagi kepentingan pembangunan negara dengan tidak perlu kita mengubah Perlembagaan. Masalah yang di-sentuhkan sedikit oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tentang hak milek tanah oleh bumiputera dan bukan bumiputera saya rasa ini satu masalah yang akan menimbulkan pertikaian yang besar, satu issue yang explosive sungguh pun saya bersetuju kita jangan chuma hanya mengenepikan issue itu tetapi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, di-peringkat ini chadangan<sup>2</sup> yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak-lah dapat di-terima oleh Kerajaan. Terima kaseh.

**Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menguchapkan satinggi<sup>2</sup> terima kaseh kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat terutama sa-kali Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, penyokong<sup>2</sup> Kerajaan yang telah memberi sokongan kepada Anggaran Belanjawan Pembangunan yang saya kemukakan kepada Dewan ini dan juga telah menerima baik kajian sa-mula ranchangan 5 tahun Kerajaan yang telah di-bentangkan di-hadapan Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pandangan<sup>2</sup> yang di-datangkan oleh Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat saya tidak-lah hendak mengulas jawapan<sup>2</sup> yang telah di-beri oleh rakan<sup>2</sup> saya Menteri<sup>2</sup> dan bagitu juga saya tidak-lah hendak



mengulang balek butir<sup>2</sup> yang saya telah sebutkan pada masa mengemukakan usul ini. Saya hanya-lah hendak menjawab, hendak membetulkan pandangan<sup>2</sup> yang di-datangkan oleh pehak pembangkang di-sebabkan pandangan<sup>2</sup> itu ada-lah berlawanan dengan kenyataan<sup>2</sup> yang sa-benar-nya. Tuan Yang di-Pertua, saperti biasa Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat daripada pehak pembangkang ada-lah merendahkan<sup>2</sup> kehasilan yang telah di-chapai oleh Kerajaan Perikatan dalam melaksanakan ranchangan pembangunan dan juga dalam usaha<sup>2</sup>-nya untuk menyatu-padukan ra'ayat negara kita ini. Mereka itu berbuat begini ia-lah dengan tujuan hendak mengelirukan fikiran ra'ayat supaya dengan itu mereka itu berharap akan mendapat tambahan sedikit undi dalam pilihanraya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi pada fikiran saya ra'ayat negeri ini tidak-lah begitu mudah di-pengaruhkan oleh chakapan<sup>2</sup> atau da'ayah<sup>2</sup> yang tidak mempunyai alasan yang tegas dan yang bertentangan dengan kenyataan yang sa-benar-nya. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu menyatakan bahawa Kerajaan ada-lah chuba hendak menyurohkan kata-nya to hide the difficulties that the Government is facing. Saya suka menegaskan bahawa pengajian atau pun review yang di-buat oleh Kerajaan ini ia-lah satu perbuatan oleh professional, pakar<sup>2</sup>.

(Dengan izin): As I said, Sir, when moving this Motion, the Mid-Term Review is thoroughly a professional job, searching in its analysis, correct in its assessment and also bold in its prescription for the future life. It states the facts of the progress as the economy of the country shows to us. It also analyses every sector of the economy and measures the achievements against every objective of the Plan. It has not blunted the truth in any respect, and my speech was a statement of the progress, as the review found it, and also an enunciation of the Government policies and priorities considered to be necessary for the accelerated growth of our economy and

also to bring even greater increase in the welfare and well-being of all citizens of this country regardless of race and origin.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tujuan Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama ini ia-itu hendak menyatukan penduduk<sup>2</sup> di-negara ini daripada berbilang bangsa saya suka menegaskan di-sini bahawa Kerajaan Perikatan berpendapat ia-itu jikalau ada perselisihan atau pun ketegangan di-antara bangsa<sup>2</sup> yang dudok di-negara ini ia-lah di-sebabkan oleh perbezaan di-antara mereka itu, di-sebabkan mereka itu tidak mempunyai peluang<sup>2</sup> yang chukup untuk mendapatkan taraf hidup yang sempurna. Dengan sebab itu Kerajaan Perikatan berpendapat dengan melalui dasar pembangunan Kerajaan Perikatan yang bertujuan hendak memberi peluang yang lebih luas kepada semua ra'ayat yang dudok di-negara kita ini dan juga hendak mengurangkan perbezaan di-antara orang yang kaya dengan orang yang miskin, dasar ini-lah akan menghapuskan perasaan perkauman di-negara kita ini. Kerajaan berpendapat jikalau semua penduduk<sup>2</sup> di-negara ini mempunyai peluang yang sama bagi mendapatkan taraf hidup yang sempurna dan mereka itu mempunyai peluang<sup>2</sup> yang chukup untuk mendapat nafkah hidup yang di-kehendaki maka persefahaman antara penduduk<sup>2</sup> di-negara kita ini akan bertambah baik dan kokoh.

Kerajaan Perikatan tidak perchaya perbezaan di-antara penduduk<sup>2</sup> negeri ini, kita tidak menerima pandangan bahawa di-negara kita ini ada ra'ayat<sup>2</sup> yang kelas satu atau pun kelas dua. Kita telah menjalankan dasar untuk membuang segala sekatan<sup>2</sup> yang boleh menghalangkan penduduk<sup>2</sup> negara ini daripada mempunyai persefahaman yang baik dan kerjasama yang baik di-antara satu dengan lain. Bagitu juga Kerajaan telah tunjukkan bukti<sup>2</sup> ini dalam lapangan ini dengan memberi peluang<sup>2</sup> pada ra'ayat negara ini supaya meninggikan taraf hidup mereka itu supaya mereka yang mundur dapat-lah memberi taraf hidup yang lebih sempurna dan keadaan iktisad yang lebih kuat. Jadi, dengan chara

sa-macam ini-lah kita dapat meminimalkan perasaan bersatu padu yang kuat di-kalangan ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu juga mengatakan bahawa kenaikan atau increased income kata-nya not commensurate with the increase in the cost of living. Saya suka terangkan bahawa anggaran yang di-perbuat ini ada-lah menunjukkan real income *per capita* yang saya katakan bertambah 1% tiap<sup>2</sup> tahun. Kerajaan ada mempunyai keterangan<sup>2</sup> yang jelas atas hal ini dan mengikut keterangan<sup>2</sup> ini-lah Kerajaan hendak membuat anggaran atau pendapatan ini dan Kerajaan puas hati bahawa pendapatan ini ada-lah betul dan benar. Sunggoh pun begitu Kerajaan faham bahawa faedah<sup>2</sup> ini tidak-lah di-dapati oleh ra'ayat semua sa-kali atau pun dengan sama tingkatan. Sa-tengah<sup>2</sup> ra'ayat di-luar bandar pertama sa-kali pada masa jatuh-nya harga getah telah menghadapi keadaan kesusahan, begitu juga kadang<sup>2</sup> bila ada banjir ra'ayat dikampong<sup>2</sup> mendapat kesusahan. Akan tetapi Kerajaan sentiasa faham dan mengetahui akan masalaah<sup>2</sup> ini dan Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang di-kehendakki. Dan sekarang ini rancangan bagi menanam semula getah telah di-jalankan dengan pesat-nya dan begitu juga-lah Kerajaan telah mengadakan Pusat Penye-lidekan Getah di-tempat<sup>2</sup> yang tertentu. Begitu juga-lah pihak FAMA telah menjalankan usaha<sup>2</sup> bagi menolong pekebun<sup>2</sup> kecil supaya dapat harga atau pasaran yang lebih sempurna kepada keluaran barang<sup>2</sup> mereka itu.

Usaha<sup>2</sup> yang saya sebutkan ini ada-lah sa-bahagian daripada usaha<sup>2</sup> yang sedang di-jalankan oleh Kerajaan untuk menolong pendudok<sup>2</sup> di-luar bandar bagi mendapatkan hasil yang lebih sempurna lagi daripada barang keluaran mereka itu. Begitu juga Kerajaan berchadang hendak di-adakan satu National Agricultural Credit Institution dan saya harap satu Rang Undang<sup>2</sup> akan dapat di-kemukakan kepada Dewan ini ia-itu kita berchadang hendak mengadakan satu Lembaga atau pun Bank bagi kemajuan tanaman untuk memberi bantuan<sup>2</sup> kepada peladang<sup>2</sup> dalam mereka itu

menjalankan usaha<sup>2</sup> mereka itu. Jadi segala usaha<sup>2</sup> yang di-fikirkan menasabah ada-lah di-jalankan untuk hendak menjaminkan ia-itu ra'ayat yang dudok di-luar bandar dan juga di-bandar<sup>2</sup> yang berkeadaan dza'if dapat menerima sa-penoh<sup>2</sup> faedah daripada kemajuan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu mengatakan ia-itu the completion of the First Malaysia Plan will require tax increases of \$300 million in 1970 Budget or in the post-Election 1969 "Mini-Budget". Sir, I do not know where the Honourable Member gets this figure. I think this is a figment of his fertile and wild imagination. I can assure this House, and I can assure this country, that neither in 1970 nor in any other year, will the Government propose a tax increase to the tune of \$300 million. Now, our financial position is determined by complex interplay of forces, many of which are continually changing. However, all these factors are kept under constant and close scrutiny, and financial decisions which emerge from our scrutiny, and process of review in 1970, or in any other year, will accord very closely to the best interests of the people and the country.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa orang Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat berchakap berkenaan dengan rancangan hendak membuka tanah<sup>2</sup> baharu. Saya telah sebutkan perkara ini dalam ucapan saya membentangkan usul ini dan dasar Kerajaan ia-lah hendak meluaskan lagi usaha<sup>2</sup> daripada pihak Kerajaan, pihak Lembaga Kemajuan Tanah dan juga pihak Kerajaan Negeri untuk membuka tanah<sup>2</sup> dengan lebih luas lagi bagi pekebun<sup>2</sup> kecil. Dan bagi menambah usaha<sup>2</sup> Kerajaan itu di-chadangkan ia-itu pihak private sector patut-lah menjalankan usaha juga membuka tanah supaya dengan itu dapat-lah tanah<sup>2</sup> yang lebih luas lagi di-buka dan dengan itu peluang<sup>2</sup> bekerja dapat di-beri lebih banyak lagi kepada pendudok<sup>2</sup> negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok ada mengatakan ia-itu Kerajaan meminta private sector ini membuka tanah sebab Kerajaan tidak ada upaya hendak membuka tanah. Ini, Tuan

Yang di-Pertua, Kerajaan Perikatan bukan-nya Kerajaan PAS. Kita tahu Kerajaan PAS tak boleh buka tanah dan tak tahu hendak menjalankan ranchangan hendak membuka tanah. Tetapi Kerajaan Perikatan telah menjalankan usaha membuka tanah dengan banyak dan luas-nya di-seluruh negara kita termasuk-lah satu ranchangan tanah di-negeri Kelantan. Kalau Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat daripada Parti PAS hendak mengetahui boleh-lah melawat ranchangan Ayer Lanas di-negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berharap bahawa di-negara kita ini ada banyak lagi tanah yang kosong yang boleh di-buka tanah<sup>2</sup> ini dapat di-buka sebab kita menghadapi masaalah pengangguran dan hanya-lah dengan di-buka tanah dengan lebih luas lagi dapat kita memberi peluang bekerja kepada beliau<sup>2</sup> yang ada di-negara kita baik di-kampung dan juga di-bandar<sup>2</sup>. Kerajaan berharap juga dengan menggunakan teknologi modern tanah<sup>2</sup> ini dapat di-buka dengan lebih sempurna dan di-jayakan dengan lebih sempurna dan mendatangkan hasil dengan lebih sempurna. Pada fikiran saya di-negara kita ini ada cukup tanah untuk penduduk<sup>2</sup> negara<sup>2</sup> kita. Jadi, tidak ada sebab yang kita di-negara ini maseh ada orang<sup>2</sup> yang tidak mempunyai mata pencharian yang sempurna atau pun pekerjaan yang sempurna. Kalau tak cukup tanah di-Malaysia Barat di-Malaysia Timor maseh lagi banyak ada tanah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Perikatan sentiasa mengatorkan ranchangan<sup>2</sup> dengan memikirkan dengan lebih halus supaya segala ranchangan<sup>2</sup> itu dapat berjalan dengan lincin dengan sempurna. Saya selalu sebutkan yang ranchangan kemajuan kita ini boleh di-katakan revolusi senyap atau silent revolution dan kita tidak-lah membuat perubahan<sup>2</sup> dengan serentak, dengan gopoh gapah, tetapi kita membuat perubahan<sup>2</sup> dengan teratur dengan lincin dan dengan jelas. Jadi, saya sangat hairan mendengarkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan kalau Kerajaan Negeri tak dapat membuka tanah atau pun memberi tanah kepada private sector, kata dia, akan

timbul-lah communal tension. Ini pun satu pandangan yang merbahaya seperti yang saya selalu sebutkan di-negara kita ini penduduk<sup>2</sup> ada-lah mempunyai fahaman yang baik. Perselisihan hanya-lah timbul apabila Ahli<sup>2</sup> daripada Opposition suka menghasut orang<sup>2</sup> ini supaya timbul perasaan perkauman atau pun perselisihan di-antara kaum<sup>2</sup> di-negara kita. Kalau tidak ada hasutan daripada pihak Opposition, Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini sentiasa tenang dan bersefahaman yang baik, sentiasa dapati di-antara penduduk<sup>2</sup> di-negara kita.

Bagitu juga, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan suka hendak memberi galakan bagi membuka tanah ini kepada genuine developers ia-itu orang<sup>2</sup> yang mempunyai modal dan mempunyai kebolehan untuk membuka tanah, dan kepada mereka<sup>2</sup> yang sa-macam itu boleh-lah berurusan dengan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, kepada Kerajaan Pusat kepada Economic Planning Unit. Kerajaan tidak akan hendak menolong orang<sup>2</sup> yang di-katakan get-rich-quickly ia-itu orang hanya-lah hendak menggunakan tanah<sup>2</sup> ini untuk hendak speculate untuk mendapatkan untong dengan segera bukan dengan tujuan sa-benar<sup>2</sup>-nya hendak membuka tanah. Ini saya suka sebutkan ia-itu permintaan tanah yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu. Permintaan<sup>2</sup> tanah yang di-sebutkan itu ia-lah daripada orang yang sa-mata<sup>2</sup> berkehendakkan cheap publicity dan dia besar<sup>2</sup>kan perkara ini dalam surat khabar. Daripada siasatan yang saya telah jalankan permintaan<sup>2</sup> tanah yang di-sebutkan itu hanya-lah membuat permintaan general application kepada beberapa Kerajaan Negeri dan meminta 3,000 ekar tanah untuk hendak tanam ubi kayu dia tidak sebutkan di-mana tanah itu di-kehendaki dan dia tidak sebut pula nama kompany itu. Jadi, macham mana Kerajaan hendak memberi tanah kalau tak sebut nama kompany itu dan kita tidak tahu sama ada kompany itu benar ada atau pun kompany itu ada modal, ada kebolehan hendak membuka tanah. Jadi, ini-lah orang yang membesarkan<sup>2</sup> perkara ini dalam surat khabar. Yang sa-benar-nya orang ini

ia-lah saya katakan tadi bukan-lah genuine developers sa-mata<sup>2</sup> hendak mengachau sahaja hendak memburokan Kerajaan Perikatan dan Kerajaan Negeri. Kerajaan tentu-lah tidak boleh memberi tanah kepada siapa<sup>2</sup> sahaja yang meminta. Kerajaan sa-belum memberi tanah tentu-lah hendak puas hati ia-itu orang<sup>2</sup> yang meminta tanah itu sa-benar<sup>2</sup>-nya mempunyai kebolehan membuka tanah dan boleh menanam barang<sup>2</sup> yang boleh memberi faedah kepada negara kita. Pada orang yang sa-macam itu-lah saya kata Kerajaan akan memberi kemudahan<sup>2</sup> yang dikehendaki dan pehak Kerajaan Negeri telah pun bersetuju hendak memberi kerjasama atas hal ini dan saya harap pehak private sector dapat menunjukan kehendak<sup>2</sup> mereka itu hendak membuka tanah dengan lebeh banyak dengan lebeh luas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah penganggoran atau unemployment ini banyak Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat sebutkan. Saya pun telah terangkan dengan panjang lebar perkara ini. Ini-lah satu perkara yang penting dan mustahak yang kita sedang hadapi dan saya telah sebutkan pada masa membentangkan usul ini langkah<sup>2</sup> yang Kerajaan telah ambil, sedang ambil dan berchadang hendak ambil untuk hendak mengatasi masalah ini. Jadi, Kerajaan berharap akan menjalankan langkah<sup>2</sup> ini bukan sahaja lapangan pertanian bahkan dalam lapangan perindustrian juga Kerajaan berharap dapat banyak lagi kilang<sup>2</sup> dibuka supaya boleh memberi pekerjaan<sup>2</sup> kepada mereka<sup>2</sup> yang berkehendakkan kerja.

Jadi, seperti saya sebutkan apa juga langkah yang di-fikirkan mustahak Kerajaan akan jalankan untuk hendak mengatasi masalah ini dan Kerajaan yakin dan perchaya dengan usaha<sup>2</sup> daripada Kerajaan di-bantu oleh pehak private sector dengan kerjasama daripada pehak ra'ayat masalah yang penting dan mustahak yang sedang kita hadapi dapat di-selesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu ada menyebutkan berkenaan dengan four digit lottery. Saya suka menerangkan Kerajaan telah

bersetuju hendak memberi lesen kepada satu private syndicate bagi menjalankan four digit lottery ini bukan dengan tujuan hendak menggalakkan gambling tetapi ia-lah menghapuskan illegal four digit operation dalam negeri ini, dan dengan chara memberi lesen ini Kerajaan boleh mendapat hasil dan Kerajaan telah menyiasat perkara ini dengan halus dan daripada permintaan<sup>2</sup> yang telah di-kemukakan kepada Kerajaan, Kerajaan telah timbangan semua sa-kali dan Kerajaan dapati kepada company yang telah diberikan itu-lah yang terbaik sa-kali dan yang boleh memberi hasil atau pun revenue yang terbanyak sa-kali kepada pehak Kerajaan dan juga boleh memberi kemudahan untuk public participation dalam company ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat ada berchakap berkenaan dengan hal pertahanan. Saya sukachita banyak Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat menyokong dasar dan pendirian Kerajaan kita dalam lapangan pertahanan ini ia-itu kita terpaksa-lah berdiri di-atas kaki kita sendiri. Dengan keputusan Kerajaan British hendak mengundorkan tentera<sup>2</sup>-nya di-wilayah Malaysia dan Singapura pada penghujung tahun 1971, maka mustahak-lah kita membesar dan meluaskan tentera<sup>2</sup> kita supaya dapat, seperti saya katakan tadi, kita menjaga pertahanan negara kita dengan kekuatan kita sendiri. Dengan sebab itu-lah Kerajaan berchadang hendak membeli kapal<sup>2</sup> terbang fighter plane Mirage yang telah di-sebutkan itu dan ini bukan-lah berma'ana yang Kerajaan hendak membeli yang di-katakan too sophisticated weapon. Ada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan defence policy Kerajaan unrealistic sebab kita hendak membeli kapal<sup>2</sup> terbang. Kapal<sup>2</sup> terbang ini mustahak, ini kapal terbang seperti Mirage ini bukan-lah terlalu sophisticated ini-lah kapal terbang yang di-kehendaki untuk kegunaan kita bagi menjaga pertahanan di-negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kedudukan atau pendirian Kerajaan<sup>2</sup> Australia dan New Zealand, ada beberapa orang Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat telah berchakap di-atas hal ini,

saya pun telah terangkan pada masa perbincangan current budget dahulu ia-itu bagi diri kita, kita tidak-lah hendak memujuk mana<sup>2</sup> negeri menolong hendak mempertahankan kita, terpulang-lah kepada negara<sup>2</sup> itu untuk menimbangkan perkara<sup>2</sup> ini daripada segi kepentingan mereka itu dan daripada segi keselamatan dan ketenteraman Tenggara Asia. Kita tahu bahawa Malaysia ini dudok-nya di-tempat yang sangat mustahak bukan sahaja daripada segi pertahanan bahkan daripada segi perniagaan dan juga daripada segi ekonomi. Jadi, kita tahu yang kita ada sahabat<sup>2</sup> yang boleh menolong mempertahankan kita. Jadi, sungguh pun Australia dan New Zealand ada-lah bersekutu dengan Perjanjian Pertahanan kita dengan Kerajaan British dan Kerajaan British telah mengaku hendak mempertahankan kita kalau di-serang oleh mana<sup>2</sup> pihak terpulang-lah kepada Kerajaan Australia dan New Zealand menentukan sikap mereka itu. Kita tidak boleh hendak paksa mereka itu hendak mempertahankan Malaysia kalau mereka itu tidak bersetuju. Saya kata kita tidak-lah hendak memujuk mana<sup>2</sup> negara bagi mempertahankan kita, kita dengan sa-berapa daya upaya akan membesar dan memperluaskan tentera<sup>2</sup> kita dan kita tahu yang keamanan dan ketenteraman Tenggara Asia ini mustahak bagi keselamatan bukan sahaja Tenggara Asia bahkan seluruh Asia ini dan juga bagi keselamatan Australia dan New Zealand.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ada mengatakan patut-lah kita mengadakan national volunteer reserve. Saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak faham berkenaan dengan kedudukan tentera<sup>2</sup> kita. Kita memang ada volunteer reserve sekarang ini pasokan askar wataniah dan pasokan pertahanan tempatan.

Bagitu juga ada beberapa orang Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat menhadangkan patut kita mendaftarkan pemuda<sup>2</sup> negara kita ini bagi perkhidmatan negara kita. Yang sa-benar kita memang ada Undang<sup>2</sup> Kerajaan Tenaga Ra'ayat dan kita sekarang ada mendaftarkan pemuda<sup>2</sup> di-Sabah dan mela-

tehan mereka itu untuk memegang senjata bagi mempertahankan Sabah kerana kita fikir di-Sabah-lah mustahak kita mempunyai kekuatan yang lebih sedikit. Di-tempat<sup>2</sup> lain di-Malaysia tidak-lah di-jalankan latihan ini kerana tidak di-fikirkan begitu mustahak sebab latihan ini memakan belanja yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan mengesahkan Pulau Sulu itu di-jadikan kawasan Malaysia kerana President Marcos telah mengisytiharkan Sabah sa-bagai kawasan Filipina. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak berniat hendak menjajah mana<sup>2</sup> negara kerana kita berpegang tegoh kepada prinsip berdamai dan berbaik<sup>2</sup> dengan negara<sup>2</sup> jiran untuk menjaga ketenteraman dalam wilayah ini dan kita tegas berdiri di-atas dasar hormat menghormati kedaulatan negara<sup>2</sup> lain. Oleh yang demikian kita berharap Filipina tidak akan melupakan dasar ini dan mereka itu akan meluchutkan tuntutan-nya ka-atas Sabah yang kita katakan tidak berasas sama sa-kali.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hilir ada menhadangkan ia-itu patut-lah Kerajaan mengambil langkah dan menjamin yang barang<sup>2</sup> keluaran kita yang besar seperti kelapa sawit dan kayu kayan itu mendapat harga yang munasabah. Saya suka menerangkan bahawa Kerajaan ada-lah sentiasa mengambil perhatian di-atas masalah marketing baik marketing kelapa sawit atau marketing barang<sup>2</sup> yang lain. Berkenaan dengan kelapa sawit pihak penanam<sup>2</sup> kelapa sawit di-sini ada menjalankan siasatan berkenaan dengan marketing dan mustahak kita menjalankan siasatan yang lebih lanjut lagi—research yang lebih lanjut lagi dengan chara<sup>2</sup> menggunakan kelapa sawit supaya dengan itu kita dapat meluaskan lagi pasaran kelapa sawit sebab pada masa ini harga kelapa sawit telah jatuh sedikit. Jadi, bagitu juga-lah berkenaan dengan kayu<sup>2</sup>. Kita ada menjalankan siasatan di-atas hal ini dan kita harap dengan tertubuh-nya MARDI ia-itu Malaysia Agriculture Research Development

Institute, usaha<sup>2</sup> research ini dapat diperluaskan lagi supaya kita benar<sup>2</sup> dapat menjaminkan yang barang<sup>2</sup> keluaran di-negara kita ini mendapat harga yang lebih sempurna. Begitu juga kita harap kita dapat menjalankan research supaya kita adakan lagi major crops sa-lain daripada getah dan kelapa sawit. Kita harap ada satu dua lagi major crops yang lain yang boleh ditanam di-negara kita ini untuk mendingkan hasil kepada negara kita.

Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, dari Pulau Pinang Selatan bertanya berkenaan dengan East/West Highway. Saya telah sebutkan dahulu, ia-itu ranchangan ini ada-lah di-masokkan dalam Anggaran Perbelanjaan tahun 1969, ia-itu kita akan jalankan siasatan di-atas projek ini dan kita harap bila siasatan ini telah tamat, kita dapat mula menjalankan ranchangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembangunan luar bandar, ada beberapa orang Ahli menyebutkan, berchakap atas perkara<sup>2</sup> ini. Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak ada menyebutkan berkenaan dengan Ranchangan<sup>2</sup> Lembaga Tanah kata-nya patut-lah kita menyemak dasar Lembaga Tanah ini, sebab di-dapati di-satengah<sup>2</sup> tempat perhubungan tidak begitu baik di-antara pegawai<sup>2</sup> dengan peserta<sup>2</sup>. Saya telah terangkan perkara ini dan saya mengetahui bahawa kebanyakan pegawai<sup>2</sup> ada-lah menjalankan tugas-nya dengan baik, akan tetapi ada-lah masaalah<sup>2</sup> telah timbul dalam ranchangan tanah ini dan sekarang kita telah menjalankan siasatan dan saya harap sungutan<sup>2</sup> yang di-dapati itu dapat di-atasi dan begitu juga-lah jikalau ada masaalah<sup>2</sup> yang lain yang patut di-perbaiki, kita akan perbaiki.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan ada menyebutkan berkenaan dengan kedai perniagaan di-Ranchangan<sup>2</sup> Lembaga Kemajuan Tanah patut di-dirikan oleh Kerajaan dan di-jalankan oleh Kerajaan. Perkara ini sabenar-nya sedang di-jalankan pada masa ini. Begitu juga Ahli Yang Berhormat itu meminta supaya banyak lagi kilang<sup>2</sup> memproses getah di-adakan di-tempat<sup>2</sup> berdekatan dengan kawasan

luar bandar, atau pun Ranchangan Lembaga Tanah, Pihak R.R.I. sedang menguruskan perkara ini dan saya telah beri arahan bahawa sa-berapa banyak Pusat Memproses Getah ini di-dirikan di-tempat<sup>2</sup> yang di-fikirkan menasabah asalkan penduduk<sup>2</sup>, atau pekebun<sup>2</sup> kecil di-tempat itu sanggup hendak mentadbirkan dan mengelolakan Pusat Memproseskan Getah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Jelebu-Jempol mengeshorkan kepada Kerajaan supaya kita memproses minyak kelapa sawit untuk makanan, atau pun perubatan di-negara kita ini. Ini satu perkara yang Kerajaan ada-lah memandang dengan berat-nya dan saya harap research atas hal ini dapat di-jalankan dan apabila MARDI telah di-tubuhkan ini-lah satu perkara yang patut di-siasat, bukan sahaja berthabit dengan kelapa sawit bahkan barang<sup>2</sup> keluaran yang lain juga. Kita harap dapat di-jalankan research supaya barang<sup>2</sup> keluaran itu dapat di-proses dan di-gunakan di-negara kita ini. Jadi, dengan chara yang sa-macam itu-lah kita boleh menjaminkan yang barang<sup>2</sup> keluaran itu mendapat pasaran, atau market yang lebih luas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu sahaja-lah pandangan<sup>2</sup> daripada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang saya suka hendak menjawab-nya. Kesimpulan-nya, Tuan Yang di-Pertua, daripada pandangan<sup>2</sup> dan tegoran<sup>2</sup> yang telah di-kemukakan oleh Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat itu nyata-lah bahawa keputusan yang telah di-kemukakan oleh Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat itu nyata-lah bahawa keputusan yang telah di-perbuat dalam kajian First Malaysia Plan ini ada-lah betul dan menasabah dan nyata-lah bahawa kehasilan yang telah di-chapai oleh Kerajaan dalam tiga tahun yang lalu sangat-lah memuaskan hati dan begitu juga-lah dasar Kerajaan, atau pun ranchangan Kerajaan bagi dua tahun lagi yang akan datang, ia-itu tahun 1969 dan 1970 bagi hendak melaksanakan First Malaysia Plan ini akan di-jalankan dengan giat dan dengan sempurna-nya. Jadi, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, kita berasa berpuas hati bahawa Ranchangan Pembangunan Malaysia yang di-atorkan

oleh Kerajaan Perikatan ini ada-lah berjalan dengan baik dan sempurna dan dengan sebab itu, saya dengan sukachita-nya mengemukakan kepada Dewan ini ia-itu kajian Sa-mula Rancangan Lima Tahun Malaysia yang Pertama itu berserta dengan Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1969 ini diterima oleh Dewan ini. (*Tepok*).

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Bahawa menurut Peratoran 67B Usul dan Anggaran Pembangunan, 1969, diserahkan kepada Jawatan-kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 10 minit.

*Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.35 petang.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.45 petang.*

## ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1969

### Jawatan-kuasa

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Kepala 100 dan Kepala 150—*

**Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan (Engku Muhsein bin Abdul Kadir):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk mengusulkan Kementerian<sup>2</sup> yang di-bawah Perdana Menteri dengan sa-kali gus ia-itu Kepala 100—Perdana Menteri dan Kepala 150—Kementerian Luar Negeri.

Berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri Kepala 100 saya mengusulkan peruntukan sa-banyak \$5,929,180 di-bawah Kepala 100 yang tersebut untuk di-luluskan dan menjadi sa-bahagian daripada Jadual. Daripada angka ini sa-banyak \$25,000 ia-lah untuk Pechahan-kepala 3—Perbelanjaan Pengiriman Perkakas<sup>2</sup> di-bawah Rancangan Colombo, \$738,150 ia-lah untuk Pechahan-kepala 4—Rancangan Pemetaan Kelayakan Tanah, \$1,146,030 ia-lah untuk Pechahan-kepala 5—Kajian Pengangkutan, \$4 juta ia-lah

untuk Pechahan-kepala 6—Kajian Rancangan, \$20,000 ia-lah untuk Pechahan-kepala 7—Pengangkutan dan Perjalanan, berjumlah \$5,929,180.

Masok kepada Pechahan-kepala 3—Perbelanjaan Pengiriman Perkakas<sup>2</sup> di-bawah Rancangan Colombo—\$25,000 itu ia-lah untuk bayaran tambang, perkapalan dan sa-bagai-nya di-atas perkakas<sup>2</sup> yang di-hantar ka-Malaysia oleh Kerajaan Canada di-bawah Rancangan Colombo. Perbelanjaan ini tidak di-bayar oleh Kerajaan Canada. Peruntukan ini ada-lah Peruntukan 'Am bagi menemui perbelanjaan<sup>2</sup> berkaitan dengan barang<sup>2</sup> yang di-hantar kepada semua Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan, sa-lain daripada Badan<sup>2</sup> Berkanun saperti Lembaga Letrik Negara, Universiti Malaya dan sa-bagai-nya.

*Pechahan-kepala 4—Rancangan Pemetaan Kelayakan Tanah—\$738,150.*

Di-bawah Pechahan-kepala ini, Rancangan Pemetaan Tanah yang sedang di-selenggarakan oleh Sekshen Peranchang Kawasan di-Bahagian Peranchang Ekonomi. Kajian ini sedang di-laksanakannya bersama oleh pakar<sup>2</sup> Malaysia dan Canada dan sa-banyak \$373,350 daripada jumlah di-atas ada-lah merupakan charum daripada Kerajaan Canada bagi tahun 1969, dan yang baki \$364,800 ada-lah charum langsung dari Kerajaan Malaysia. Pemberian Canada akan di-gunakan untuk membayar gaji 11 orang pakar<sup>2</sup> Canada dan lain<sup>2</sup> perbelanjaan kerja<sup>2</sup> "off-shore" dalam tahun 1969, sementara wang Malaysia akan di-gunakan untuk menemui perbelanjaan pegawai<sup>2</sup> tempatan yang akan menolong pakar<sup>2</sup> tersebut dan untuk perbelanjaan<sup>2</sup> bagi mengeluarkan peta<sup>2</sup> kegunaan tanah sekarang dan untuk gaji kakitangan<sup>2</sup>, pembelian alat<sup>2</sup> bagi kerja kajibumi bersama<sup>2</sup> dengan lain<sup>2</sup> perbelanjaan yang berkaitan dengan pemetaan tanah dan pengeluaran laporan<sup>2</sup>.

*Pechahan-kepala 5—Kajian Pengangkutan—\$1,146,030.*

Kajian Pengangkutan Malaysia mengandongi dua bahagian, ia-itu Bahagian A dan Bahagian B. Kajian Bahagian A ia-itu mengenai Pembangunan Pengangkutan di-Malaysia

ada-lah hampir<sup>2</sup> siap. Tetapi kajian Bahagian B ia-itu mengenai ranchangan bagi projek<sup>2</sup> pengangkutan yang perlu di-laksanakan dengan segera, ada-lah di-jangka akan di-mulakan dalam tahun 1969 dan akan siap dalam masa 24 bulan. Untuk menemui tujuan ini, peruntukan sa-banyak \$1,146,030 telah di-masokkan ka-dalam Anggaran Pembangunan, 1969.

Ada-lah di-tegaskan bahawa angka ini sa-benar-nya ada-lah tidak tepat. Ia merupakan hanya satu anggaran terhadap apa yang mungkin akan di-belanjakan dalam tahun ini bukan sahaja untuk menyiapkan kajian Bahagian A, tetapi juga untuk melancarkan kajian<sup>2</sup> ranchangan yang tertentu di-bawah Bahagian B.

Kajian<sup>2</sup> ranchangan dalam Sektor Pengangkutan yang berikut akan di-lancarkan dalam tahun 1969-1970.

1. Sambongan Jalan III Persekutuan dari Kuantan kepada satu tempat di-Jalan I Persekutuan berhampiran dengan Segamat di-Johor.
2. Jalan Raya Timor-Barat yang akan menyambungkan Kota Bharu dan Butterworth.
3. Perkembangan Pelabohan Kota Kinabalu.
4. Pelabohan baru bagi Sandakan.
5. Pembetulan semula (realignment) Jalan II Persekutuan di-antara Kuala Lumpur dan Karak.
6. Jalan Raya baru yang sa-laras dengan Jalan I Persekutuan yang ada sekarang.
7. Jalan Raya baru menyeberangi Gunong Crocker di-Sabah memandang kepada chadangan membuang perjalan Keretapi Sabah.
8. Pengangkutan bagi kelapa sawit di-kawasan Tawau-Lahad Datu.
9. Memperbaiki seksi<sup>2</sup> Jalan Raya Kuching-Sibu.
10. Memperbaiki Jalan Keretapi Tanah Melayu di-Port Dickson.

Kesemua projek di-atas tidak mungkin akan dapat di-biayai daripada jumlah wang sa-banyak U.S. \$490,000 yang mana Ranchangan Pembangunan

Bangsa<sup>2</sup> Bersatu telah bersetuju membiayai atas kajian Bahagian B, dan ada-lah belum tentu lagi projek<sup>2</sup> yang mana-kah akan di-jalankan dengan mengguna wang tersebut. Ini akan bergantung kepada peratoran<sup>2</sup> yang lain yang dapat di-buat dengan Badan<sup>2</sup> Pinjaman Antarabangsa atau melalui perjanjian<sup>2</sup> antara dua negara.

Berhubung dengan Jalan Raya Timor-Barat, ada-lah di-harapkan bahawa sa-bahagian daripada bantuan dari Ranchangan Pembangunan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu akan di-gunakan bagi projek ini. Badan untuk Pembangunan Antarabangsa, Amerika Sharikat (US/AID) telah bersetuju membiayai kajian<sup>2</sup> ranchangan bagi Jalan Kuantan-Segamat dan pelabohan<sup>2</sup> Kota Kinabalu dan Sandakan. Ada-lah di-harapkan bahawa Bank Pembangunan Asia akan membiayai kajian ranchangan bagi seksi Jalan II dari Kuala Lumpur ka-Karak. Peratoran telah pun di-buat untuk kajian bagi jalan melintasi Gunong Crocker dan jalan Tawau-Lahad Datu, di-biayai oleh Kerajaan British di-bawah Bantuan Khas kepada Malaysia. Tetapi apabila rundingan<sup>2</sup> di-adakan di-atas projek<sup>2</sup> yang lain itu, ketetapan<sup>2</sup> akan di-buat tentang yang mana-kah akan di-biayai daripada peruntukan di-bawah Pechahan-kepala ini.

#### *Pechahan-kepala 6—Kajian Ranchangan—\$4,000,000*

Peruntukan di-bawah Pechahan-kepala ini ia-lah supaya membolehkan Bahagian Peranchang Ekonomi memulakan kerja di-atas beberapa kajian ranchangan dan ranchangan besar, yang termasuk bukan sahaja tiga kajian kemajuan tanah di-Pahang Tenggara, Tanjong Pengerang dan Johor Tengah, tetapi juga projek<sup>2</sup> pengangkutan dan perhubungan dalam Kawasan Asia Tenggara.

Peruntukan yang di-buat di-bawah Pechahan-kepala ini termasuk kedua<sup>2</sup> perbelanjaan<sup>2</sup> tempatan dan pertukaran wang luar, berjumlah \$4,000,000. Daripada jumlah ini charum tempatan ada-lah di-anggarkan sa-banyak \$1.3 juta dan yang baki akan merupakan



bantuan<sup>2</sup> daripada Badan bagi Pembangunan Antarabangsa, Amerika Sharikat (US/AID) dan Kerajaan Canada.

Charum tempatan akan berbentuk wang tunai dan mata benda, tetapi kebanyakan-nya bentok charum mata benda. Ini termasuklah perbekalan ruangan pejabat, alat<sup>2</sup> dan perkakas<sup>2</sup> pengangkutan, alatulis, pegawai<sup>2</sup> teknik dan kerani<sup>2</sup> tempatan yang akan membantu pakar<sup>2</sup> dalam menjalankan perkhidmatan mereka.

Peruntokan sa-banyak \$4,000,000 ada-lah sa-benar-nya tidak tepat. Ia hanya merupakan anggaran tentang apa yang mungkin akan di-belanjakan dalam tahun 1969. Perbelanjaan sa-benar-nya akan bergantung kepada kemajuan yang boleh di-chapai dalam tahun 1969 dalam pelaksanaan kajian<sup>2</sup> tersebut.

Kajian ranchangan besar kawasan Pahang Trengganu akan memakan belanja sa-banyak \$5,000,000 yang daripada-nya sa-banyak \$1.8 juta akan merupakan perbelanjaan tempatan dan \$3.2 juta daripada wang luar. Peruntokan yang di-shorkan bagi tahun 1969 ia-lah sa-banyak \$2.7 juta.

Jumlah perbelanjaan bagi kedua<sup>2</sup> kajian ranchangan besar di-Johor ada-lah di-anggarkan sa-banyak \$3.2 juta, di-bahagi lebih kurang 1:2 di-antara perbelanjaan tempatan wang luar. Peruntokan yang di-shorkan bagi tahun 1969 ia-lah sa-banyak \$1.7 juta.

Berhubung dengan tujuh projek<sup>2</sup> pengangkutan dan perhubungan itu, Badan bagi Pembangunan Antarabangsa, Amerika Sharikat akan memberi bantuan sa-banyak \$1.95 juta daripada jumlah perbelanjaan sa-banyak \$2.4 juta dan yang baki akan di-beri oleh Kerajaan Malaysia dengan perbekalan "logistic".

Projek<sup>2</sup> ini termasuklah kajian berkenaan dengan pelabohan<sup>2</sup> bagi Kota Kinabalu dan Sandakan, Jalan Raya Kuantan-Segamat, perhubungan Microwave di-antara Kota Kinabalu dan Kuching, Pertolongan Kemalangan Udara dan Laut, Keselamatan Penerbangan, Perkhidmatan Feri di-antara

Medan-Port Swettenham, Medan-Butterworth/Penang dan Dumai-Melaka, memperbaiki Pelayaran Laut (Selat Melaka) dan memperbaiki Tali-kom Udara. Perjanjian<sup>2</sup> telah di-tandatangani di-antara Kerajaan Malaysia dan Badan Pembangunan Antarabangsa, Amerika Sharikat supaya kajian tersebut dapat di-jalankan dalam tahun 1969.

#### *Pechahan-kepala 7—Pengangkutan dan Perjalanan—\$20,000*

Di-pohonkan untuk membolehkan pegawai<sup>2</sup> dari Bahagian Peranchang Ekonomi membuat lawatan ka-ranchangan<sup>2</sup> pembangunan di-Negeri, menemui Pegawai<sup>2</sup> Negeri berkaitan dengan semua perkara<sup>2</sup> mengenai pembangunan dan kerja peranchang pembangunan. Dengan yang demikian menentukan penyelarasan yang lebih erat dalam kerja pembangunan, dan mempercepatkan kemajuan di-peringkat pelaksanaan. Peruntokan ini juga akan membolehkan pegawai<sup>2</sup> daripada Bahagian Peranchang Ekonomi menambahkan pengetahuan dan pengalaman mereka dalam kerja pembangunan.

Masok kepada Kementerian Luar Negeri, Tuan Pengerusi, Kepala 150 saya dengan hormat-nya menhadangkan supaya perbelanjaan sa-banyak \$3,000,000 sa-bagaimana yang di-tunjukkan di-bawah Kepala 150 Menteri Luar Negeri, Pechahan-kepala 1—Pejabat<sup>2</sup> dan Bangunan<sup>2</sup> di-Seberang Laut, di-luluskan.

Sa-bagaimana, Tuan, akan memperhatikan jumlah peruntokan yang di-kehendaki bagi tiap<sup>2</sup> satu projek tiada-lah di-tunjukkan di-dalam Anggaran Perbelanjaan itu dan keadaan ini ada-lah kerana memikirkan faedah<sup>2</sup>-nya kepada persahabatan Malaysia dengan negara<sup>2</sup> lain. Walau bagaimana pun, peruntokan yang di-kehendaki bagi tahun 1969 ada-lah untuk projek<sup>2</sup> di-bawah ini:

- (i) New Delhi: Membena sa-buah Bangunan Chanseri (Pejabat) sa-buah Rumah kediaman Pesuruh-jaya Tinggi dan rumah<sup>2</sup> bagi kaki-tangan dari Malaysia.

- (ii) Tokyo: Membena sa-buah Bangunan Chanseri atau Pejabat dan sa-buah rumah untuk kaki-tangan dari Malaysia.
- (iii) Singapura: Membena sa-buah Bangunan Chanseri atau Pejabat.
- (iv) Washington: Membena sa-buah Bangunan Chanseri atau Pejabat.
- (v) Jakarta: Membesarkan dan membaiki Bangunan Chanseri atau Pejabat.
- (vi) Canberra: Membesarkan dan membaiki Bangunan Chanseri (Pejabat).
- (vii) Islamabad: Peruntukan tanda sahaja di-kehendaki untuk ranchangan membena Bangunan Chanseri, Rumah Kediaman Pesurohjaya Tinggi dan Rumah<sup>2</sup> kakitangan dari Malaysia.
- (viii) Ottawa: Peruntukan tanda sahaja di-kehendaki untuk ranchangan membeli sa-buah rumah bagi kediaman Pesurohjaya Tinggi.

Projek<sup>2</sup> tersebut di-atas merupakan sa-bahagian daripada Ranchangan Pembangunan Malaysia yang Pertama 1966-1970 di-mana Kementerian Luar Negeri telah di-untukkan sa-banyak \$11,887,000. Projek<sup>2</sup> ini telah pun di-kaji dengan teliti-nya oleh Jawatan-kuasa Peranchang dan Pembangunan Negara.

Tuan Pengerusi, saya kemukakan untuk di-luluskan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, saya berchakap sedikit sahaja di-bawah Perdana Menteri dan Kementerian Luar Negeri berkenaan dengan bangunan di-Islamabad.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak sebutkan ia-lah bangunan kita di-Islamabad yang sa-benar-nya tidak-lah sesuai bagi sa-buah kedutaan atau pun menjadi rumah tempat perwakilan yang saya tengok pada bulan Julai, tahun 1967—boleh jadi sekarang ini sudah berubah. Yang kedua-nya, Tuan Pengerusi, tempat yang kita pileh itu terkebelakang dan saya dapat tahu bahawa ada tempat lain yang telah di-tunjokkan atau kita mendapat offer tetapi oleh kerana Kerajaan kita me-

ngatakan kita belum chukup wang maka kita tidak dapat hendak mengambil tempat itu. Apa yang saya hendak timbulkan sedikit sahaja, ia-itu saya lebeh suka membayar wang yang berbeza lebeh banyak daripada yang sedikit untuk mendapat satu tempat yang kedudukan-nya elok dan service-nya lebeh elok. Jadi ini amat-lah menjolok mata dan saya pergi sendiri saya tidak fikir Menteri Muda ini dapat menolak perkara ini.

**Engku Muhsein bin Abdul Kadir:** Tuan Pengerusi, perhatian yang di-beri oleh Wakil Bachok itu akan di-ambil perhatian dan oleh kerana tak ada pandangan daripada lain<sup>2</sup> Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat maka saya menhadangkan untuk di-luluskan.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$5,929,180 untuk Kepala 100, \$3,000,000 untuk Kepala 150 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1969.

#### *Kepala 101 sa-hingga 105—*

**Menteri Keadilan (Tuan Bahaman bin Samsudin):** Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan supaya perbelanjaan di-bawah tiap<sup>2</sup> Kepala yang di-bawah ini di-luluskan:

(i) Kepala 101—Kementerian Ke'adilan ...	\$1,175,156
(ii) Kepala 102—Perang-kaan ...	2,014,000
(iii) Kepala 103—Kimia	370,000
(iv) Kepala 104—Perche-takan ...	213,443
(v) Kepala 105—Penjara	2,299,883

#### *Kepala 101—*

Kepala ini menguntokkan perbelanjaan pembangunan bagi Jabatan Kehakiman dan Arkib Negara yang berjumlah sa-banyak \$1,175,156.

Pechahan-kepala 1 yang berjumlah sa-banyak \$815,146 ada-lah di-kehendaki untuk membena bangunan<sup>2</sup> Mahkamah di-Kota Bharu, Kulim, Kajang, Pontian, Butterworth, Sitiawan, Slim River dan juga untuk sambongan<sup>2</sup> dan kerja<sup>2</sup> memperbaiki bangunan mahkamah undang<sup>2</sup> yang ada sekarang

di-Kuala Lumpur. Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat sedia ma'alom kebanyakan bangunan mahkamah di-seluruh negeri ini sangat lama dan sa-tengah<sup>2</sup>-nya tiada lagi sesuai di-panggil sa-bagai tempat<sup>2</sup> menjalankan keadilan. Oleh itu dasar Kementerian saya ia-lah hendak mengganti bangunan<sup>2</sup> yang lama ini dan apabila ada wang hendak mendirikan bangunan<sup>2</sup> mahkamah yang baharu di-tempat<sup>2</sup> yang lebih sesuai. Saya suka hendak menarek perhatian Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat ia-itu di-bawah Rancangan Malaysia yang pertama yang sedang di-jalankan sekarang (1966—1970), tiga buah bangunan mahkamah telah dibena ia-itu di-Klang, Kuala Trengganu dan Kuala Selangor. Bangunan mahkamah baharu di-Kota Kinabalu telah siap dan telah pun di-buka dengan resmi-nya pada bulan September tahun lepas.

Bangunan mahkamah baharu di-Kota Bharu hampir siap dan jika keadaan chuacha baik, mahkamah ini akan boleh di-gunakan dalam bulan April tahun ini. Kerja<sup>2</sup> menyambong lagi bangunan<sup>2</sup> Mahkamah Undang<sup>2</sup> di-Kuala Lumpur telah di-mulakan dan empat buah bilek pejabat bagi hakim<sup>2</sup> serta sa-buah lagi bilek Mahkamah Tinggi akan di-adakan. Dengan itu dapat-lah di-kurangkan sedikit keadaan yang sesak di-bangunan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur itu.

Bangunan<sup>2</sup> Mahkamah bagi Kulim, Kajang, Pontian dan Butterworth akan di-dirikan dalam tahun ini dengan menggunakan satu pelan besar bagi Mahkamah Rendah.

Di-bawah Pechahan-kepala 2, Peruntukan sa-banyak \$10,000 di-minta untuk membeli Tanah dan Belanja<sup>2</sup> Permulaan berthabit dengan Dewan Ke'adilan yang di-chadangkan. Butir<sup>2</sup> berkenaan dengan projek<sup>2</sup> itu sedang di-jalankan.

Tindakan sedang juga di-ambil untuk mengeluarkan tanah bagi tapak<sup>2</sup> bangunan<sup>2</sup> Mahkamah seperti yang berikut: Bruas, Bukit Mertajam, Kemaman, Pasir Mas dan Pasir Puteh. Adalah di-harapkan bahawa bangunan<sup>2</sup> bagi mahkamah<sup>2</sup> baharu ini akan siap di-bena pada akhir tahun ini.

Pechahan-kepala 3, ada-lah bagi Jabatan Arkib Negara dan Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat pun sedia ma'alum bahawa wang sa-banyak \$2.5 juta bagi pembenaan bangunan Jabatan Arkib Negara yang sangat<sup>2</sup> di-kehendaki itu telah pun di-untokkan di-bawah Rancangan Malaysia Yang Pertama.

Beberapa tahun yang lalu telah di-jalankan ikhtiar menchari suatu tapak bangunan yang sesuai dan oleh kerana hendak mengurangkan belanja dan menyenangkan orang ramai, maka adalah di-chadangkan ia-itu Jabatan Arkib Negara dan juga bangunan Perpustakaan Negara hendak-lah di-letakkan di-satu kawasan supaya kemudahan<sup>2</sup> seperti tempat letak kereta, taman bunga dan juga Oditorium dapat di-gunakan bersama<sup>2</sup>. Satu kawasan kira<sup>2</sup> 10 ekar sekarang ini telah di-pilih. Tetapi 4 ekar daripada kawasan itu ia-lah rezab keretapi dan ada beberapa buah rumah kediaman dan lain<sup>2</sup> bangunan kerajaan di-atas-nya. Rundingan<sup>2</sup> sedang di-jalankan dengan Jabatan Kerajaan mengenai harta ini. Wang sa-banyak \$340,000 telah di-peruntukan dalam tahun 1968 bagi membeli rezab itu supaya kerja dapat di-mulakan tetapi oleh kerana rundingan tiada dapat di-selesaikan maka mustahak-lah sekarang ini di-minta peruntukan baharu sa-banyak \$350,000 bagi membeli rezab Keretapi itu.

#### *Kepala 102—Perangkaan—*

Jabatan Perangkaan Malaysia telah di-tugaskan oleh Kerajaan untuk menjalankan dua banchi besar, ia-itu banchi penduduk<sup>2</sup> dan banchi pertanian negara bagi tahun 1970/71. Peralatan komputer yang ada di-Jabatan ini sekarang ada-lah tiada menchukupi untuk kerja<sup>2</sup> memperoses data yang akan di-perolehi daripada kedua<sup>2</sup> banchi yang akan di-jalankan itu. Oleh yang demikian wang berjumlah \$2,014,000 ada-lah di-bekalkan di-bawah Kepala 102, Pechahan-kepala 6 bagi maksud membeli serta memasangkan sa-buah komputer baru di-Pejabat Perangkaan. Ada-lah di-harapkan komputer baru ini akan dapat di-bekal serta di-pasangkan pada pertengahan tahun ini supaya kerja<sup>2</sup> berhubung dengan kedua<sup>2</sup> banchi yang saya sebutkan tadi dapat di-jalankan dengan serta merta.

### Kepala 103—Kimia—

Di-bawah Kepala ini, peruntukan sa-banyak \$370,000 ada-lah perlu. Jabatan Kimia memberi perkhidmatan<sup>2</sup> mencherakin (Analytical), menyiasat dan menasihati kepada semua Jabatan<sup>2</sup> dan badan<sup>2</sup> Berkanun yang tidak ada mempunyai kemudahan<sup>2</sup> mencherakin sendiri. Kehendak<sup>2</sup> bagi perkhidmatan<sup>2</sup> saperti ini ada-lah semakin bertambah dan untuk membolehkan Jabatan ini memenohi kehendak<sup>2</sup> yang sa-makin bertambah ini wang sa-banyak \$370,000 ada-lah perlu. Wang ini ada-lah untuk membena sa-buah Ma'amal chawangan di-Johore Bahru dan untuk membantu membeli sedikit alat asas yang lebih perlu.

### Kepala 104—Perchetakan—

Di-bawah Pechahan-kepala 1 Peruntukan berjumlah \$162,433 ada-lah di-kehendaki untuk membesar dan memperbaiki bilek<sup>2</sup> bahagian Photo-Litho dan Monotaip di-Ibu Pejabat Perchetakan, di-Kuala Lumpur. Kerja<sup>2</sup> ini sangat mustahak di-jalankan di-sebabkan oleh penyusunan sa-mula kedua<sup>2</sup> bahagian yang tersebut sa-imbang dengan kemajuan kerja<sup>2</sup> perchetakan yang sentiasa bertambah.

Di-bawah Pechahan-kepala 2 pula satu tanda peruntukan \$10 telah disediakan supaya membenarkan kerja<sup>2</sup> permulaan bagi membena sa-buah bangunan baharu di-Johore Bahru nanti.

Berkenaan Pechahan-kepala<sup>2</sup> 21 dan 22 peruntukan berjumlah \$51,000 ada-lah di-kehendaki bagi menambah memperbaiki dan membeli alat<sup>2</sup> mesin yang baru bagi bangunan perchetakan di-Sarawak.

### Kepala 105—Penjara

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, ia-lah Kepala 105 ia-itu Penjara. Tujuan<sup>2</sup> utama bagi Jabatan Penjara menjalani ranchangan<sup>2</sup> pembangunan-nya ia-lah:

- (a) Untuk menyediakan rumah<sup>2</sup> kediaman yang cukup bagi sekalian kakitangan<sup>2</sup>-nya yang berpakaian seragam.
- (b) Untuk memperbaiki dan membesar yang mana mungkin tempat<sup>2</sup> kediaman bagi bantuan<sup>2</sup>-nya dan

juga untuk menyediakan kemudahan<sup>2</sup> yang sesuai dan sempurna bagi faedah banduan<sup>2</sup>-nya dalam ranchangan<sup>2</sup> latihan perusahaan, pelajaran dan temasha<sup>2</sup> kemasharakatan dan sokan.

- (c) Untuk merancang dan menubuhkan penjara<sup>2</sup> dan kem<sup>2</sup> tahanan baru yang mana perlu dan mengikut dasar 'am Kerajaan.

Bagi menjayakan segala tujuan<sup>2</sup> ini di-dalam tahun 1969 ini, wang peruntukan berjumlah sa-banyak \$2,299,883 ada-lah di-perlukan. Bagi Malaysia Barat sahaja, peruntukan sa-banyak \$1,848,410 di-kehendaki untuk projek<sup>2</sup> tersebut.

- (a) *Ranchangan Pertanian Sekolah Henry Gurney—\$258,400* Projek ini ia-lah ranchangan sambongan dan wang ini di-kehendaki untuk menyiapkan baki kerja<sup>2</sup> pembeanaan dan juga untuk Pembelian kelengkapan<sup>2</sup> dan mesin<sup>2</sup>.
- (b) *Kem Pembaiki Akhlak, Taipung—\$1,000,000* Tanah khas bagi kem ini sudah pun di-perolehi dengan jumlah harga sa-banyak \$204,522. Bangunan<sup>2</sup> yang di-perlukan bagi melaksanakan dengan penoh-nya projek ini ia-lah tempat<sup>2</sup> kediaman untuk jumlah 700 orang tahanan laki<sup>2</sup>/perempuan dan rumah<sup>2</sup> kediaman bagi kakitangan<sup>2</sup> keselamatan dan Penyelia dan ini termasuk perediaan kemudahan<sup>2</sup> untuk latihan pertukangan bagi orang<sup>2</sup> tahanan itu.
- (c) *Penjara Pusat.* Tapak tanah bagi Penjara Pusat baru yang di-chadangkan itu ada-lah terletak di-Sungai Jeloh, Mukim Kajang, dengan luas tanah-nya lebih kurang 202 ekar. Selain dari Penjara Pusat ini ada-lah di-chadangkan juga bahawa Ibu Pejabat baru bagi Jabatan Penjara Malaysia, Depot Pusat Latihan Wadar<sup>2</sup> dan rumah kakitangan dan akan di-bena di-tempat ini. Dengan tertubohnya Penjara Pusat ini nanti, maka Penjara Pudu itu akan di-tutup. Ada-lah di-ranchangkan juga bahawa Penjara Seremban itu

selanjut-nya akan di-tutup dan akhir-nya kedua<sup>2</sup> negeri Selangor dan Negeri Sembilan akan di-kendalikan oleh Penjara Pusat baru ini sahaja.

(d) *Rumah<sup>2</sup> Rasmi Kakitangan:* Sa-bilangan dari rumah<sup>2</sup> sedia ada ini sudah sama tua dengan bangunan<sup>2</sup> penjara itu sendiri dan sekarang berada di-dalam keadaan yang tidak memuaskan, dan juga tidak mudah di-perbaiki lagi. Ada lagi sa-bilangan besar dari rumah<sup>2</sup> itu berdarjah kelas rendah dan berjenis sementara. Sunggoh pun rumah<sup>2</sup> kakitangan sudah banyak juga di-bena dalam masa kedua<sup>2</sup> ranchangan Lima Tahun yang lepas itu, namun masaalah perumahan maseh tidak beres dan ini ada-lah di-sebabkan oleh kerana bertambah-nya kakitangan<sup>2</sup> yang berpakaian seragam semenjak Jabatan Penjara di-perbesar. Maka oleh kerana itu, wang berjumlah sa-banyak \$400,000 bagi tahun ini di-perlukan.

(e) *Memperbaiki Bangunan<sup>2</sup> Penjara:* Kebanyakan dari Pejabat<sup>2</sup> Penjara dan kem tahanan di-negeri ini telah di-dirikan semenjak lebih 100 tahun dulu dan sekarang di-dapati bahawa sa-tengah<sup>2</sup> daripada blok tempat tidor, blok bilek kurongan, bengkel<sup>2</sup> dan bangunan<sup>2</sup> mustahak di-dalam Penjara<sup>2</sup> itu sama ada patut di-perbesar atau di-bena sa-mula keselurohan-nya untuk menyesuaikan dengan keperluan<sup>2</sup> pada hari sekarang. Juga projek<sup>2</sup> ini perlu untuk memperluaskan kemudahan<sup>2</sup> bagi perusahaan<sup>2</sup> penjara. Surau<sup>2</sup> dan rumah<sup>2</sup> kelab juga di-kehendaki di-bena untuk faedah kakitangan<sup>2</sup> penjara itu 'am-nya. Wang sa-banyak \$150,000/- telah di-peruntukan bagi projek ini.

(f) *Mesin<sup>2</sup> Bagi Perusahaan Penjara:* Pada masa ini bengkel kait sarong kaki (Sock Knitting Workshop) di-Taiping ada 66 buah mesin kait tangan otomatik, tetapi malang-nya kadar yang sa-habis tinggi bagi pengeluaran sarong<sup>2</sup> kaki dan sa-bagai-nya

itu ia-lah terlampau kurang dari kadar yang di-kehendaki oleh pelanggan<sup>2</sup> dan kerap kali kelambatan selalu berlaku. Dalam tahun ini wang sa-banyak \$40,000/- di-perlukan untuk membeli 50 buah mesin tambahan.

Di-Sabah pula, peruntukan sa-banyak \$290,000/- di-perlukan untuk bangunan<sup>2</sup> penjara dan juga rumah<sup>2</sup> kakitangan. Keadaan bangunan<sup>2</sup> penjara yang sedia ada itu sama serupa dengan keadaan bangunan<sup>2</sup> penjara di-Malaysia Barat ini dan oleh sebab itu ada-lah di-dapati bangunan<sup>2</sup> itu sama ada patut di-pinda, di-perbesar atau di-bena semula keselurohan-nya untuk menyesuaikan dengan keperluan<sup>2</sup> pada hari sekarang. Wang sa-banyak \$160,000/- di-kehendaki untuk membena rumah<sup>2</sup> kakitangan tambahan untuk pejabat<sup>2</sup> penjara di-Sabah itu.

Di-Sarawak pula, di-bawah Pechahan-kepala 41 rumah<sup>2</sup> dan berek<sup>2</sup> Sibu, projek ini ada-lah ranchangan sambungan dan pada tahun ini di-chadangkan bahawa 20 buah berek<sup>2</sup> wadar berkelamin akan di-bena daripada wang peruntukan sa-banyak \$161,473 yang di-sediakan di-bawah Pechahan-kepala ini.

Sa-belum saya mengakhiri ucapan ini, saya suka hendak memberi tahu Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat ia-itu semenjak bulan April tahun 1968, ia-itu masa saya mula<sup>2</sup> menjadi Menteri Ke'adilan, saya telah melawat semua Jabatan<sup>2</sup> yang ada di-bawah Kementerian saya dan hampir<sup>2</sup> semua mahkamah di-Malaysia Timor dan Barat. Dalam mahkamah<sup>2</sup> terutama sa-kali, banyak-nya perkara yang hendak di-buat, projek<sup>2</sup> bagi bangunan<sup>2</sup> baharu dan perkara membaiki bangunan<sup>2</sup> yang mustahak sedang di-timbangkan sekarang ini. Akan tetapi oleh kerana negara kita sedang berjimat chermat membelanjakan wang hanya projek<sup>2</sup> yang mustahak sahaja-lah yang akan di-jalankan mengikut yang mana satu lebih penting.

Tuan Pengerusi, saya mohon men-chadangkan jumlah peruntukan sa-banyak \$6,072,482 bagi semua Kepala<sup>2</sup> yang saya sebutkan tadi di-luluskan.

**Wan Mokhtar bin Ahmad (Kema-man):** Tuan Pengerusi, di-samping menyokong peruntokan yang di-minta oleh Menteri Ke'adilan sekejap tadi saya suka berchakap dengan sa-berapa ringkas dalam dua perkara sahaja ia-itu Kementerian Ke'adilan. Tuan Pengerusi, pada masa ini sa-orang hakim di-tempatkan bagi 2 buah negeri atau 3 buah negeri, oleh sebab itu-lah banyak kes<sup>2</sup> yang ketinggalan yang tidak dapat di-bicharakan dalam sa-sabuah negeri itu. Sa-tahu saya di-Trengganu sahaja pada masa ini lebeh daripada 80 kes yang sedang menunggu hari pembicharaan-nya. Ia-itu kes<sup>2</sup> ini dari tahun 1965 lagi sa-hingga pada hari ini. Dan sa-kira-nya sa-orang hakim yang lain tidak di-tambah maka sudah tentu-lah kes<sup>2</sup> ini akan bertambah dari satu masa ka-satu masa. Maka dengan ada-nya satu usul yang telah di-kemukakan dan telah di-luluskan oleh Dewan ini untuk menambahkan bilangan hakim<sup>2</sup> dari 10 kapada 15 saya berharap-lah kapada Yang Berhormat Menteri dapat menghantar sa-orang hakim ka-Trengganu supaya dapat membereskan segala kes<sup>2</sup> yang berlarutan itu.

Soal yang kedua, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan perchetakan. Apa yang terchatet dalam buku ini tidak ada peruntokan baharu bagi benan Pejabat chetak dalam Malaysia ini. Yang ada ia-lah 4 buah Pejabat chetak sa-lain daripada Ibu Pejabat Chetak yang ada di-Kuala Lumpur ini ia-itu di-Trengganu, Johor, Kedah dan Perak. Jabatan<sup>2</sup> Chetak ini ada semenjak daripada masa penjajah lagi dan sa-masa kita menjalankan pembangunan dalam tanah ayer kita ini tidak ada tambahan pada hal mengikut perkembangan pembangunan negara kita ini banyak kerja<sup>2</sup> yang patut di-lipat gandakan, oleh sebab itu-lah kebanyakan Kementerian<sup>2</sup> menggunakan perchetakan<sup>2</sup> luar untuk menchetak buku<sup>2</sup>, pempelet<sup>2</sup> bagi jabatan masing<sup>2</sup>. Oleh itu saya berharap kapada Kerajaan dapat merengankan beban<sup>2</sup> yang di-tanggung atau di-pikul oleh Jabatan Chetak yang ada pada masa ini dengan mendirikan sa-kurang<sup>2</sup>-nya pada tiap<sup>2</sup> sa-buah negeri satu jabatan chetak dan dengan ini saya perchaya dapat-lah merengankan beban yang di-pikul oleh Jabatan

Chetak yang ada pada hari ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kaseh.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok):** Tuan Pengerusi, saya turut berchakap di-bawah Kepala 101—Kementerian Ke'adilan, ia-itu butir 3 berkenaan dengan Arkib Negara. Tuan Pengerusi, pada tahun ini kita minta \$350,000 ia-itu perbelanjaan sa-chara langsung untuk perbelanjaan bagi Arkib Negara. Apa yang saya hendak kemukakan kapada Yang Berhormat Menteri ia-lah Arkib Negara kita ini menyimpan rekod<sup>2</sup> bagi bangsa kita dan saya tahu bahawa sa-belum beberapa tahun yang lalu pegawai yang menjadi menjaga rekod bagi bangsa kita ini ia-lah sa-orang yang bukan Malaysian dan beliau itu bekas pegawai Inggeris. Oleh itu saya minta Kementerian ini mengadakan satu penyusunan sa-mula rekod<sup>2</sup> itu mengikut chara yang kita kehendaki, bukan mengikut chara yang di-buat oleh negeri<sup>2</sup> lain. Sebab tiap<sup>2</sup> sa-buah negeri itu mempunyai chara untuk menyimpan rekod<sup>2</sup> itu dengan maksud mendapatkan ma'alumat<sup>2</sup> yang tertentu mengikut keadaan bangsa-nya sendiri.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, di-bawah Kepala 102 ia-itu Perangkaan, Pechahan-kepala 6, Komputer untuk Bahagian Penyusunan Butir (Computer for Data Processing Unit) kita meminta \$2,014,000. Apa yang saya hendak sebutkan, Tuan Pengerusi, ia-lah Kementerian ini memang berhajat kapada komputer tetapi kita lebeh berhajat kapada orang<sup>2</sup> yang mendapatkan ma'alumat untuk mengadakan data itu, sebab, Tuan Pengerusi, pernah berlaku satu perkara yang luchu berkenaan dengan alat<sup>2</sup> ini. Taip itu maseh baharu lagi, dia masukkan ka-dalam bahagian taip ini patut di-perbaiki; jadi apabila Ketua Pejabat itu tanya, taip ini baharu lagi, mengapa hendak di-perbaiki, tak boleh-kah gunakan lagi? Dia kata tidak ada salah dalam taip-nya itu, tetapi ada satu kesilapan yang saya bosan, apa kesilapan itu, dia selalu membuat kesalahan grammar. Jadi, taip, Tuan Pengerusi, dia tidak boleh membuat kesalahan grammar melainkan orang itu yang tak tahu grammar; jadi komputer, Tuan Pengerusi, yang saya tahu yang pernah saya di-beri

peluang melihat di-negeri<sup>2</sup> lain bukan sahaja komputer itu dapat menolong kita tetapi orang<sup>2</sup> yang mengumpulkan dan menchari ma'alumat itu yang lebeh mustahak daripada komputer. Bukti-nya, Tuan Pengerusi, kita kena hidup lama dengan tenaga<sup>2</sup> manual dan menchari ma'alumat dan tahun ini-lah baharu kita hendak ada komputer maka ternyata-lah apa yang kita maksudkan itu ia-lah ma'alumat mengadakan data itu sendiri.

Yang Ketiga, Tuan Pengerusi, dibawah Kepala 104 butir kechil (1) ia-itu berkenaan dengan perchetakan. Sahabat saya daripada Kemaman telah pun berchakap dalam perkara ini yang saya hendak sebut berlainan sedikit, Tuan Pengerusi, ia-itu bagi saya tidak-lah mustahak bangunan itu lama atau pun baharu, masa penjajah atau pun tidak, tetapi yang mustahak-nya ia-lah kerja<sup>2</sup> yang di-buat di-dalam itu boleh memberi khidmatan mengikut kehendak kita. Saya pernah membangkit perkara ini di-dalam Dewan ini ia-itu banyak warta<sup>2</sup> kerajaan pada masa ini terlalu lewat dan biasa-nya kadang<sup>2</sup> itu di-luluskan satu<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> menunggu keluar-nya Warta Kerajaan itu memakan masa 3-4 bulan dan ada sa-tengah<sup>2</sup> negeri itu waktu hendak meshuarat belanjawan yang terpaksa

menunggu Titah Sultan di-dalam Warta Kerajaan terpaksa meminta sijil mustahak ia-itu Certificate of Urgency. Jadi, ini, Tuan Pengerusi, kalau-lah kesemua kerja yang routine sa-kali pun, Tuan Pengerusi, terpaksa kita minta Certificate of Urgency saya rasa kerja<sup>2</sup> yang lain lagi lebeh banyak yang kita tergendala, tambahan<sup>2</sup> pula, Tuan Pengerusi, ada perkara<sup>2</sup> Kerajaan yang kita hendak chetak di-perchetakan Kerajaan sendiri tidak kapada perchetakan bersendirian ada rahsia-nya atau benda<sup>2</sup> yang kita hendak pandang dan anggap sa-bagai embargo yang tak boleh beri kapada surat khabar atau kapada orang ramai di-sini banyak-lah sangat saya dapat kekurangan.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah chukup.

*Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.*

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, saya ma'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1969 telah sampai kapada Kepala 105 dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1969. Meshuarat di-tanggoikkan sa-hingga pukul 10.00 pagi besok.

*Meshuarat di-tanggoikkan pada pukul 6.30 petang.*